

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA:
STRATEGI DAN PENYELESAIAN**

MOHAMED NOOR MOHAMED AMIN



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2023

**SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA:
STRATEGI DAN PENYELESAIAN**

MOHAMED NOOR MOHAMED AMIN (828320)



**Tesis dikemukakan kepada Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa, sebagai memenuhi syarat Ijazah Sarjana Sains Politik
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

MOHAMED NOOR MOHAMED AMIN (828320)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA SASTERA (SAINS POLITIK)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA: STRATEGI DAN PENYELESAIAN

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **20 OGOS 2023**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **AUGUST 20, 2023***

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: **ASSOC. PROF. DR.
AMINURRAASYID YATIBAN**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: **PROF. DR. SIVAMURUGAN
PANDIAN (USM)**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam
(Internal Examiner)

: **DR. KAMARUL ZAMAN HAJI
YUSOFF**

Tandatangan
(Signature)

Kamarul

Tarikh
Date


: **20 AUGUST 2023**

Nama Pelajar
(Name of Student) : **MOHAMED NOOR MOHAMED AMIN (828320)**


Tajuk Tesis
(Title of the Thesis) : **SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA: STRATEGI DAN PENYELESAIAN**

Program Pengajian
(Programme of Study) : **SARJANA SASTERA (SAINS POLITIK)**

Penyelia Pertama
(First Supervisor) : **PROF. DR. RUSDI OMAR** Tandatangan
(Signature)



Penyelia Kedua
(Second Supervisor) : **MUHAMMAD AFIFI
ABDUL RAZAK** Tandatangan
(Signature)



UUM
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan kepada sesiapa saja untuk memeriksa tesis ini. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, diberikan kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Dimaklumkan juga bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Selain itu dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia atas kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)

College of Law, Government and International Studies

Universiti Malaysia Utara

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman, Malaysia



Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Bagi negara yang mengamalkan demokrasi, mengundi dalam pilihan raya merupakan satu elemen penting bagi menghubungkan rakyat dengan sistem politik. Di Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memainkan peranan penting dalam memastikan pilihan raya yang berlangsung adalah adil, telus, dan bersistematik. Merujuk kepada konsep kelakuan adil dan bersih, SPR perlu memastikan dan mengambilkira semua prosedur dan undang-undang pilihan raya dilakukan secara tepat, adil, dan teliti. Selain itu, prosedur pilihan raya yang digunakan hendaklah konsisten, dan jelas. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah semasa yang digunakan oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya. Secara khususnya, kajian ini turut meneliti strategi yang digunakan SPR bagi memastikan sistem pilihan raya adil, telus, dan bersistematik. Di samping itu, kajian ini juga mencadangkan penambahbaikan yang boleh dicadangkan kepada SPR bagi mencapai pilihan raya yang adil, telus, dan bersistematik. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, 13 informan telah dipilih, yang terdiri daripada pegawai SPR dan pengundi. Analisis menunjukkan SPR dilihat masih mempunyai kelemahan dalam menguruskan pilihan raya secara adil, telus, dan bersistematik. Hasil kajian mendapati bahawa tiada perubahan yang ketara yang dilakukan SPR dalam proses pilihan raya. Kajian ini juga memperlihatkan wujudnya isu rasuah atau amalan politik wang yang telah menyebabkan ketidakseimbangan dalam sistem pilihan raya di Malaysia. Ini dibuktikan apabila setiap kali menjelang pilihan raya, kekayaan negara diagih kepada kelompok tertentu dengan alasan mereka menjaga kepentingan sesuatu kaum. Kesannya, wujudlah amalan kronisme, nepotisme dan politik wang yang menjadi budaya dalam pilihan raya di Malaysia. Disebabkan itu, kajian ini melihat secara komprehensif apakah yang masih menyebabkan pilihan raya di Malaysia masih memerlukan penambahbaikan terutamanya bagi pihak SPR. Untuk memastikan sistem pilihan raya yang adil, telus dan bersistematik, adalah penting untuk memantau dan mengawal politik wang dengan ketat. Ini termasuk menetapkan had sumbangan, mendedahkan sumber sumbangan, dan memastikan pematuhan undang-undang yang berkaitan. Transparensi dan akauntabiliti dalam pembiayaan politik adalah penting untuk memastikan bahawa proses pilihan raya adalah adil dan bebas daripada pengaruh yang tidak sepatutnya.

Kata kunci: pilihan raya, SPR, adil, telus, sistematik, Malaysia

ABSTRACT

For countries that practice democracy, voting in elections is important to connect the people with the political system. In Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) plays an important role in ensuring that elections are fair, transparent, and systematic. Referring to the concept of fair and clean conduct, SPR needs to ensure and take into account that all election procedures and laws are carried out accurately, fairly, and thoroughly. In addition, the election procedure used should be consistent, and clear. Therefore, this study aims to examine the current methods used by the SPR in managing elections. In particular, this study also examines the strategies used by the SPR to ensure that the election system is fair, transparent and systematic. In addition, the study also suggests improvements that can be proposed to the SPR to achieve fair, transparent and systematic elections. Using a qualitative approach, 13 informants were selected, consisting of SPR officers and voters. Findings show that the SPR still has weaknesses in managing elections fairly, transparently, and systematically. The survey found that no significant changes were made in the election process by SPR. The study also highlighted the existence of corruption or money politics that have caused imbalances in the electoral system in Malaysia. This is evidenced when every time ahead of the election, national wealth is distributed to certain groups on the grounds that they care about the interests of a particular race. As a result, there are practices of cronyism, nepotism and money politics that have become a culture in elections in Malaysia. Because of that, this study looks comprehensively at what still causes elections in Malaysia to still need improvement, especially for the SPR. To ensure a fair, transparent and systematic electoral system, it is important to strictly monitor and control the politics of money. This includes setting contribution limits, disclosing the source of the contribution, and ensuring compliance with relevant laws. Transparency and accountability in political financing are essential to ensure that the electoral process is fair and free from undue influence.

Key words: election, fair, transperant, systematic, Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas keizinan dan rezeki-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan kepada penyelia, Prof. Dr. Rusdi Omar yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar sepanjang sesi penyeliaan. Kesabaran dan kesudian beliau dalam berkongsi maklumat serta kepakarannya amat saya hargai. Tanpa bantuan beliau, saya pasti tidak akan mampu untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa perkongsian maklumat dan pengalaman beliau juga, saya pasti kajian ini tidak dapat dihasilkan dengan jayanya.

Penghargaan dan kasih sayang saya dedikasikan kepada isteri dan anak-anak. Begitu juga dengan ahli-ahli keluarga lain yang dengan penuh sabar serta tanpa jemu memberi motivasi dan semangat sepanjang penyelidikan ini berlangsung. Pengorbanan kalian amatlah disanjung dan sentiasa diingati. Terima kasih kerana sentiasa menemani dan sentiasa ada di saat saya menghadapi pelbagai rintangan dan kesukaran.

Sepanjang tempoh menjalankan kajian ini, pelbagai cabaran dan kesukaran yang terpaksa saya hadapi dengan sabar. Bagaimanapun, saya menganggap semua itu sebagai satu galakan dan ujian kepada saya untuk berusaha dengan lebih tekun. Oleh yang demikian, tanpa kerjasama, dorongan dan sokongan semua pihak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, adalah sukar untuk saya menghasilkan tesis ini. Bagaimanapun, di ruang yang terhad ini, nama mereka tidak dapat saya nyatakan secara satu per satu. Hanya ucapan terima kasih saya ucapkan dan semoga Allah SWT sentiasa memberkati anda semua. Sekalung penghargaan kepada semua yang menyokong, membantu, serta memberi kerjasama sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada ummah di masa kini dan di masa mendatang.

Sekian, terima kasih.

MOHAMED NOOR BIN MOHAMED AMIN

ISI KANDUNGAN

SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA: STRATEGI DAN PENYELESAIAN .	i
SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA:	ii
KEBENARAN MENGGUNA	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB SATU: PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	4
1.2.1 Tadbir Urus Pilihan Raya dalam Perlembagaan.....	10
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Persoalan Kajian.....	14
1.5 Objektif Kajian.....	15
1.6 Kepentingan Kajian.....	15
1.6.1 Kepentingan Akademik	15
1.6.2 Kepentingan Praktikal	16
1.7 Definisi Operasi	17
1.7.1 Demokrasi	17
1.7.2 Pilihan Raya Umum	17
1.7.3 Suruhanjaya Pilihan Raya.....	18
1.7.4 Pilihan Raya ‘Adil’ dan ‘Telus’	19
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Pembahagian Bab.....	21
BAB DUA: ULASAN KARYA	22
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Konsep Tadbir Urus Pilihan Raya	22

2.3 Konsep Pilihan Raya yang Adil dan Telus	33
2.3.1 Sebelum Proses Pengundian.....	33
2.3.2 Semasa Proses Pengundian	35
2.3.3 Selepas Proses Pengundian	36
2.4 Sistem Pilihan Raya dan Sistem Kepartian.....	37
2.4.1 Definisi Pembiayaan Politik dan Pembiayaan Politik di Malaysia	65
2.5 Pilihan Raya dan Demokrasi.....	69
2.6 Suruhanjaya Pilihan Raya	76
2.6.1 Undang-undang dan Peraturan Pilihan Raya.....	78
2.6.2 Elemen penting dalam Pelaksanaan Pilihan Raya.....	80
2.7 Pengajaran dari Pilihan Raya Umum	85
2.7.1 Suruhanjaya Pilihan Raya Kurang Kebebasan	85
2.7.2 Pembahagian dan Pengaturan yang Tidak Sesuai dan Adil.....	85
2.8 Tingkah Laku Pengundian	87
2.9 Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB	89
2.9.1 Pilihan Raya Efisien	91
2.9.2 Neutralisme Politik.....	98
2.9.3 Akauntabiliti Masyarakat	102
2.9.4 Norma Antarabangsa	110
2.10 Teori Identifikasi Parti	116
2.11 Teori Pilihan Rasional.....	117
2.12 Teori Sosiologi	118
2.13 Kerangka Kajian.....	119
2.14 Kesimpulan Bab	119
 BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN.....	121
3.1 Pengenalan	121
3.2 Kaedah Kajian.....	121
3.3 Reka Bentuk Kajian	122
3.3.1 Data Primer.....	124
3.3.2 Data Sekunder	125
3.4 Persampelan	125
3.5 Kaedah Pengumpulan Data.....	126
3.5.1 Temu bual.....	127
3.5.2 Kajian Dokumen.....	129

3.5.3 Kajian Perpustakaan	130
3.6 Kaedah Analisis Data	131
3.7 Rumusan Bab	135
 BAB EMPAT: STRATEGI PENYELESAIAN SISTEM PILIHAN RAYA....	137
4.0 Pengenalan	137
4.1 Analisis Deskriptif (Profil Responden)	137
4.2 Objektif I: Kaedah Semasa yang Digunakan oleh SPR dalam Menguruskan Pilihan Raya	138
4.3 Objektif II: Strategi SPR bagi Memastikan Sistem Pilihan Raya yang Lebih Adil, Telus dan Sistematis	143
4.4 Objektif III: Cadangan Penambahbaikan bagi Mencapai Pilihan Raya yang Lebih Adil, Telus dan Sistematis	148
4.5 Rumusan Bab	151
 BAB LIMA: KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN.....	152
5.0 Pengenalan	152
5.1 Perbincangan	152
5.2 Cadangan.....	153
5.3 Limitasi Kajian.....	160
5.4 Rumusan.....	161
 RUJUKAN	163
LAMPIRAN 1 (SOALAN TEMU BUAL)	182
Hasil Temu Bual.....	185

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Senarai PRU yang Telah Diadakan
Jadual 2.1	Tiga Peringkat Tadbir Urus Pilihan Raya
Jadual 2.2	Perbandingan Kerusi Parlimen Terbesar dan Terkecil Mengikut Negeri (PRU 14)



SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB
Rajah 2.2	Kerangka Kajian
Rajah 3.1	Carta Alir Proses Kajian
Rajah 3.2	Proses Perancangan 8 Langkah



SENARAI SINGKATAN

SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
DUN	Dewan Undangan Negeri
DN	Dewan Negara
DR	Dewan Rakyat
BN	Barisan Nasional
PH	Pakatan Harapan
PRU14	Pilihan Raya Umum ke-14
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRK	Pilihan Raya Kecil
UMNO	<i>United Malays National Pertubuhan</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
SUPP	<i>Sarawak United People's Party</i>
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
myPPP	Parti Progresif Rakyat
PDP	Parti Demokratik Progresif
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PKR	Parti KeAdilan Rakyat
DAP	Parti Tindakan Demokratik
Amanah	Parti Amanah Negara
GS	Gagasan Sejahtera
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
IKATAN	Parti Ikatan Bangsa Malaysia
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
PCM	Parti Cinta Malaysia
WARISAN	Parti Warisan Sabah
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
PR	Perwakilan Berkadar

MMM	<i>Mix-Member Majoritarian</i>
INEC	<i>Independent National Election Commission</i>
AL	<i>Awami League</i>
BNP	<i>Bangladesh Nationalist Party</i>
IFE	<i>Federal Electoral Institute</i>
CSO	Organisasi Masyarakat Sipil
NADECO	<i>Democratic Coalition</i>
CDHR	<i>Committee for the Defense of Human Rights</i>
CLO	<i>Civil Liberty Organization</i>
NLC	<i>Nigeria Labour Congress</i>
BERSIH	Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil
1MDB	1 Malaysia Development Berhad
PSC	Jawatankuasa Khas Parlimen
SS	<i>Social Sanction</i>
RCO	<i>Rubbish Collection Organization</i>
PAD	<i>The Cyber Scout People's Alliance for Democracy</i>
PDRC	<i>People's Democratic Reform Committee</i>
EAC	<i>United States Election Assistance Commission</i>
PCVM	<i>Punch Card Voting Machine</i>
UDHR	<i>Universal Declaration on Human Rights</i>
NAMFREL	<i>National Citizens' Movement for Free Elections</i>
DAC	<i>The Development Assistance Committee</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
KTM	Ketua Tempat Mengundi

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bagi negara yang mengamalkan demokrasi, mengundi dalam pilihan raya merupakan satu elemen penting bagi menghubungkan rakyat dengan sistem politik. Penglibatan rakyat di dalam pilihan raya dapat memastikan dasar dan polisi yang dilakukan oleh kerajaan memenuhi kehendak rakyat. Data daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (2018) menunjukkan sejumlah 14.9 juta rakyat negara ini didaftarkan dan mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Jumlah pemilih berdaftar ini telah dilihat meningkat kepada lebih 21.17 juta orang pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang mana separuh darinya adalah terdiri daripada pengundi muda iaitu seramai 10.6 juta orang (Rahim, 2022).

Pilihan raya adalah pertandingan untuk kepentingan tertinggi dalam politik negara dan pilihan raya sistem ialah satu set peraturan yang telah ditetapkan untuk menjalankan pilihan raya dan menentukan hasil mereka (Besar, Jali, Lyndon, & Daud, 2017). Dengan itu ditakrifkan, sistem pilihan raya boleh dibezakan daripada pengendalian sebenar pilihan raya dan juga daripada keadaan sekeliling yang lebih luas pertandingan pilihan raya, seperti keadaan kebebasan awam, sekatan ke atas pembangkang dan akses kepada media massa (Washida, 2018). Walaupun semua aspek ini adalah jelas kepentingan kepada pilihan raya yang telus dan adil, kepentingan utama kajian ini

ialah sistem pilihan raya. Sistem pilihan raya adalah penting kerana ia memainkan peranan penting dan bebas kesan ke atas keputusan pilihan raya, dan membawa kepada kesamarataan terhadap calon dalam perebutan kerusi dan kuasa dalam sistem politik. Struktur politik formal yang merupakan sebahagian sistem pilihan raya dalam pertandingan untuk kuasa ini tidak dapat dielakkan adalah ungkapan yang menonjol belahan dalam masyarakat. Di Malaysia, mobilisasi politik mengikut perpecahan etnik dan perebutan kuasa adalah di kalangan parti politik yang mewakili parti tertentu kumpulan etnik. Oleh itu, adalah penting untuk memulakan dengan beberapa maklumat asas mengenai sistem politik negara dan masyarakat majmuk.

Persekutuan Malaysia terdiri daripada 11 buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu bekas Persekutuan Tanah Melayu, yang mendapat kemerdekaan daripada British pada 1957 dan Sabah dan Sarawak yang terletak di Malaysia Timur. Sabah dan Sarawak telah menyertai Persekutuan Tanah Melayu bagi membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Selain sebagai persekutuan, bentuk kerajaan adalah berperlembagaan, beraja dan berparlimen di peringkat negeri dan persekutuan.

Setiap daripada 13 negeri dan Persekutuan mempunyai perlembagaan bertulis. Yang diPertuan Agong dipilih dari Raja-raja Melayu dari 11 negeri di Semenanjung Malaysia dan memegang tahta bagi tempoh lima tahun. Empat negeri lain tanpa pemerintah diraja dan masing-masing diterajui Yang di-Pertua Negeri. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Menteri melantik Yang di-Pertua Negeri bagi tempoh empat tahun. Raja-raja dan ketua-ketua negeri terdiri daripada Majlis Raja-Raja. Setiap daripada 13 negeri mempunyai Dewan Undangan Negeri (DUN). Dewan Negara (DN) dan Dewan Rakyat (DR) merupakan dua dewan perwakilan di peringkat

persekutuan di parlimen. Melainkan dibubarkan lebih awal, DR atau DUN mempunyai tempoh lima tahun sebelum pilihan raya diadakan. Seperti dalam semua sistem parlimen, pemimpin parti politik atau gabungan dengan majoriti kerusi di DR atau DUN akan menjadi dilantik oleh Sultan / Raja / Yang Di Pertuan Negeri untuk membentuk kerajaan.

Pengalaman Malaysia dalam menguruskan pilihan raya sebanyak 15 kali melihat pelbagai pengalaman kerana ia bukan sahaja berputar di sekitar topik menang atau kalah, malah meliputi pentadbiran dan pelaksanaan rangka kerja pilihan raya itu sendiri. Malaysia sebagai sebuah negara membangun, pilihan raya yang adil, telus, dan bersistematik sering dibangkitkan. Hal ini kerana Malaysia tidak pernah bertukar parti pemerintah yang menerajui kerajaan sehinggalah PRU14.

PRU14 yang dilaksanakan pada 9 Mei 2018 menjadi peristiwa penting kerana ia telah menukar landskap politik Malaysia. PRU14 adalah pilihan raya yang mengguncang politik Malaysia. Ini kerana pertama kalinya dalam tempoh 60 tahun PRU diadakan, PRU14 telah menyebabkan perubahan kerajaan daripada gabungan Barisan Nasional (BN) kepada gabungan lain bernama Pakatan Harapan (PH), yang ditubuhkan pada 2015. PH menang besar dan membentuk kerajaan persekutuan untuk pertama kalinya dalam sejarah Malaysia moden. Sejak PRU pertama hingga tahun 2004, BN menjadi pilihan rakyat dan mempunyai pretasi yang baik dalam setiap pilihan raya (Ensiklopedia PRU, 2008). Bermula dari PRU 2008, undi BN dilihat merosot sehingga ia kehilangan majoriti di Parlimen. Penguasaan BN turut dilihat merosot apabila mereka hilang kuasa di beberapa buah negeri (Ationg, Ibrahim, Esa, & Layapan, 2020).

Pada 4 September 1957, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dibentuk untuk memastikan operasi yang adil dan saksama dalam menjalankan pilihan raya di Malaysia. SPR terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri (Suruhanjaya Pilihan Raya Pulau Pinang, 2020). Tanggungjawab utama SPR adalah untuk mengadakan PRU, Pilihan Raya Negeri (PRN), Pilihan Raya Kecil (PRK) dan Pilihan Raya Tempatan di seluruh negara. Bagi mencapai tanggungjawab utama, SPR perlu melakukan kajian terhadap persempadanan kawasan pilihan raya serta memastikan pendaftaran pemilih bagi pilihan raya berlangsung dengan baik (Suruhanjaya Pilihan Raya Umum, 2020). Selaras dengan misi dan visi SPR, maka mereka perlu untuk memastikan pilihan raya berlaku dengan bersih dan adil dalam mengekalkan demokrasi negara.

Walau bagaimanapun, ia juga perlu berhadapan dengan cabaran dan kritikan daripada pelbagai pihak dalam usaha SPR untuk memenuhi matlamat ini. PRU14 menyaksikan pelbagai laporan media berkaitan ketidakadilan dan ketidaktelusan SPR dalam mengendalikan pilihan raya tersebut. Antaranya ialah aduan dan rungutan persempadanan semula yang dibuat oleh SPR adalah bertujuan untuk membantu pihak tertentu memenangi pilihan raya (Malaysiakini, 2018). Selain itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam laporan Sinar Harian (2018) juga menyatakan bahawa beberapa keputusan SPR seperti penetapan hari mengundi pada hari rabu, tempoh berkempen yang sangat pendek dan senarai pengundi digunakan terbatas hingga 2017 mengundang keraguan ramai terhadap ketelusan, kebebasan dan keadilan SPR. Berkaitan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan strategi dan peranan sedia ada SPR dalam mencapai pilihan raya yang bersistematik, bersih, dan adil. Idea-idea segar dalam memperbaiki kelemahan yang ditemui akan turut dicadangkan di dalam bab akhir.

1.2 Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan bertanggungjawab mewujudkan organisasi SPR pada tahun 1957. SPR selaku badan bebas, tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam mengendalikan pilihan raya. SPR dianggotai oleh:

- a) Seorang Pengerusi
- b) Timbalan pengerusi
- c) Lima (5) orang ahli
- d) Anggota SPR dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

Menurut seksyen 3 Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) sebuah Urus Setia diwujudkan dan diketuai oleh Setiausaha (pegawai awam) juga adalah Ketua Pegawai Pentadbir yang mengurus Urus Setia SPR. Urus Setia SPR mempunyai 14 pejabat Pilihan Raya Negeri untuk menjalankan fungsi SPR. Anggota bagi Urusetia ini diambil dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kuasa dan tugas am SPR menurut Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) secara ringkasnya ialah:

- a) Menjalankan kawalan dan penyeliaan perjalanan pilihan raya dan pendaftaran pemilih dalam daftar pemilih; pegawai pilihan raya menjalankan tugas dengan adil dan mematuhi Bahagian VIII Perlembagaan, Akta dan mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya.
- b) Mempunyai kuasa mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu oleh SPR kepada pegawai SPR bagi memastikan Bahagian VIII Perlembagaan, Akta dan mana-mana peraturan dilaksanakan dengan berkesan.

- c) Mempunyai kuasa mengendalikan apa-apa sumpah yang dikehendaki diambil di bawah Akta ini dan mana-mana peratauran yang dibuat dibawahnya.
- d) Menjalankan dan melaksanakan segala kuasa dan tugas lain yang diberikan kepadanya oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya.

Pembahagian tugas dalam SPR dijelaskan dalam Akta Pilihan Raya (1958) yang membahagikan keterangan tugas kepada beberapa perkara utama dan sub-perkara seperti berikut:

- a) Bahagian Pilihan Raya
 - i. Daerah mengundi dan tempat mengundi
- b) Pendaftaran Pemilih
 - i. Perlantikan pegawai
 - ii. Penyediaan, penyiaran dan penyemakan daftar pemilih
 - iii. Daftar pemilih yang diperakukan dan diperakui semula hendaklah disifatkan sebagai muktamad
 - iv. Pendaftaran dalam satu bahagian pilihan raya sahaja
- c) Perjalanan Pilihan Raya
 - i. Writ pilihan raya
 - ii. Pemilihan calon
 - iii. Penggunaan sekolah dan bangunan dan permis awam sebagai tempat mengundi
- d) Peraturan-peraturan

- i. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih
- ii. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan perjalanan pilihan raya
- iii. Peraturan-peraturan hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat

Dapat diperhatikan di sini bahawa pentadbiran dan pengurusan SPR secara amnya perlu mendapatkan kelulusan Yang Dipertuan Agong untuk membuat peraturan pendaftaran pemilih tanpa perlu menjelaskan keluasan kuasa terdahulu untuk menyediakan peraturan-peraturan. Cuma peraturan yang dibuat perlu dibentangkan di Dewan Rakyat untuk mendapatkan kelulusan sama ada untuk meminda atau membatalkan peraturan terdahulu tanpa perlu menyentuh pembuatan mana-mana peraturan baru. Dari aspek perundangan, SPR menikmati autoriti yang agak selesa untuk menentukan ke empat-empat perkara dan sub-perkara yang dinyatakan di atas bagi mentadbir dan mengurus proses pilihan raya.

Pengurusan dan pentadbiran pilihan raya dari aspek teknikal boleh digalurkan dalam tiga peringkat yang berikut:

1. Peringkat Pra-pilihan Raya

- a) Melantik pegawai yang bertanggungjawab untuk bertugas dalam proses pendaftaran, semakan dan ketika pilihan raya
- b) Persempadanan semula (dilakukan setiap lapan tahun sekali)
- c) Menyediakan sistem pendaftaran pengundi, kawasan dan pusat membuang undi dan membuat pengumuman kepada pengundi

- d) Pendaftaran dan semakan pengundi secara *online* atau pusat pendaftaran pemilih atau pejabat SPR
- e) Senarai nama dan semakan pengundi dikeluarkan
- f) Melakukan semakan data pengundi menerusi kad pengenalan diri
- g) Senarai pengundi telah disemak dan muktamad
- h) Hantar salinan senarai nama pengundi ke kawasan pembuangan undi
- i) Mengambil pendaftaran calon-calon dari parti politik yang akan bertanding
- j) Mengingatkan dan melaksanakan peraturan berkempen dan penggunaan media massa, cetak dan *banner*
- k) Memastikan keselamatan pengundi, calon dan pusat pembuangan undi
- l) Mencetak kertas undi berdasarkan bilangan kertas yang akan dicetak
- m) Memastikan kertas undi yang dicetak disimpan dalam tempat yang selamat
- n) Penghantaran kertas undi ke kawasan dan pusat membuang undi

2. Peringkat Pada Hari Pilihan Raya

- a) Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya sudah menghantar agen bertugas, meletakkan peti-peti pembuangan kertas undi di kawasan dan pusat pengundian
- b) Bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan keselamatan dan keadaan terkawal
- c) Agen petugas mensahkan senarai berdaftar pengundi kawasan apabila pengundi datang ke meja untuk memastikan nama mereka ada dalam senarai tersebut

- d) Pengundi menunggu giliran untuk mengundi. Pengundi mengundi dan memasukkan kertas undi ke dalam peti undi bagi calon dewan undangan negeri dan Parlimen
- e) Kertas undi akan dikira secara terbuka disetiap pusat pengundian dan dipantau oleh semua parti politik dan orang awam
- f) Hasil pengiraan undi akan dimaklumkan kepada Pusat Perjumlahan Undi
- g) Prosedur untuk mengenal pasti undi rosak, dan undi tidak berpangkah
- h) Kertas jumlah keseluruhan kiraan undi seharusnya perlu ditandatangani oleh semua petugas yang memantau proses perjalanan pilihan raya
- i) Keputusan perlu diumumkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya secepat mungkin
- j) Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan kemenangan calon dengan kadar segera dan berhati-hati untuk mengelak kiraan semula undi

3. Peringkat Selepas Pilihan Raya

- a) Badan Kehakiman dirujuk jika ada aduan orang ramai berkenaan salah laku undi dan penipuan
- b) Jika berlaku perbalahan mengenai keputusan undi, SPR perlu melakukan kiraan semula, meluluskan dan mengisytihar keputusan muktamad kiraan semula undi kepada orang ramai

Galuran aspek teknikal ini perlu untuk memastikan perjalanan proses pilihan raya yang lancar, telus dan dipercayai kesahihannya. Aspek pentadbiran dan pengurusan pilihan raya adalah penting kerana sebarang masalah teknikal boleh dipolitikkan. Jika berlaku

pilihan raya kecil akibat perwakilan kawasan meninggal dunia atau disahkan hilang ingatan atau gila, galuran pilihan raya seperti yang dinyatakan tadi akan berlaku kecuali persempadanan semula kawasan. Namun begitu, masalah teknikal merupakan suatu yang agak sukar untuk dielakkan secara total, tetapi usaha untuk meminimalkan masalah teknikal ini dapat membantu perjalanan proses pilihan raya yang telus dan berintegriti.

Perlantikan pegawai tetap dalam SPR berdasarkan Akta Pilihan Raya 1958, mereka adalah terdiri daripada penjawat awam atau birokrasi. Ini membolehkan andaian bahawa mereka yang bertugas sepanjang proses pilihan raya adalah terdiri daripada golongan yang berpendidikan dan memahami proses tersebut. Kapasiti untuk mengurus dan mentadbir proses pilihan raya yang kompleks adalah lebih baik dengan adanya penglibatan golongan berpendidikan. Matlamat meminimalkan dan menyelesaikan masalah disepanjang proses pilihan raya boleh diurus dengan berkesan.

Sementara itu, penglibatan agen pilihan raya yang dilantik oleh SPR mestilah memenuhi tatacara perlantikan seperti syarat kelayakan, syarat perlantikan, menggariskan kuasa dan tanggungjawab agen pilihan raya seperti tugas bagi agen tempat mengundi dan mengira undi. Langkah-langkah persempadanan semula kawasan telah ditetapkan hasil persetujuan Dewan Rakyat. Kerusi Dewan Rakyat telah bertambah dari 192 kepada 222. Manakala jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri telah bertambah daripada 498 kepada 576. Sebarang perubahan terhadap persempadanan semula kawasan perlu melalui beberapa tatacara yang telah ditetapkan oleh undang-undang. SPR dibantu oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Perangkaan dan Pejabat Peguam Negara. Laporan yang lengkap selepas melalui proses

semakan dan bantahan akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk dibahaskan (Maizatul, 2022).

1.2.1 Tadbir Urus Pilihan Raya dalam Perlembagaan

Perjalanan pilihan raya dalam sistem demokrasi memerlukan badan pengendali pilihan raya yang adil, berwibawa dan bebas. Badan pengendali pilihan raya merupakan pihak yang paling penting dalam mewujudkan pilihan raya yang bebas dan adil. Secara umumnya peranan pengendali pilihan raya meliputi penyediaan daftar pemilih, menguruskan proses persempadanan pilihan raya, menjalankan proses pencalonan dan pengundian, memantau perjalanan kempen pilihan raya dan memastikan proses pilihan raya berjaya menterjemahkan hasrat rakyat melalui keputusan pilihan raya yang telus. Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyediakan asas kukuh kepada penubuhan sebuah badan pengendali pilihan raya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Perkara 113 menyatakan peranan asasi SPR untuk menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri dan menyediakan dan menyemak daftar pemilih bagi pilihan raya itu. SPR juga boleh mengendalikan pilihan raya lain, jika dikehendaki oleh undang-undang. Selain itu SPR juga berperanan untuk mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu.

Selain itu, SPR juga mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang tertakluk kepada kelulusan Yang di-Pertuan Agong atau YDPA (Seksyen 15 & 16 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954), serta pengesahan Parlimen (Seksyen 17 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954). Selain itu SPR juga mempunyai kuasa *quasi-judicial* apabila ia menjalankan proses pendengaran ketika semakan daftar pemilih (Peraturan

17 Peraturan (Daftar Pemilih) Pilihan Raya 2002). Kuasa-kuasa ini diberikan kepada SPR bagi memudahkan badan ini menjalankan tugas seperti yang dituntut oleh Perlembagaan. Memandangkan Perlembagaan merupakan dokumen terpenting yang bukan sahaja mewujudkan SPR bahkan menyediakan garis kasar pelaksanaan tugasnya, maka kajian mendalam terhadap peruntukan Perlembagaan berkaitan SPR amat kritikal. Kajian ini dapat memberikan penilaian yang menyeluruh terhadap tapak asas SPR serta mencari ruang untuk meningkatkan keberkesanan pengendalian pilihan raya. Oleh itu, tinjauan ringkas ini juga akan mengemukakan beberapa saranan dari sudut kefahaman perlembagaan dan juga penambahbaikan jika dirasakan perlu.

Untuk tujuan di atas, penelitian kepada beberapa peruntukan perlembagaan yang relevan dibuat dengan merujuk kepada hasrat penggubal melalui Laporan Suruhanjaya Reid, serta perkembangan sezaman yang mempengaruhi penggubalan perlembagaan. Rujukan kepada keperluan semasa dan faktor budaya setempat juga diambil kira. Selain itu, penelitian kepada undang-undang yang berkaitan dengan peranan SPR juga ditinjau. Kes-kes berkaitan yang berkaitan dengan tafsiran peruntukan perlembagaan juga dirujuk bagi mengukuhkan hujah.

Ringkasnya, Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan dasar yang baik untuk pengendalian pilihan raya yang bebas dan adil. Namun demikian, pindaan-pindaan yang berlaku selepas Merdeka telah menghakis sebahagian dari ruang kebebasan SPR untuk melaksanakan peranannya. Bagi mengatasi masalah ini, terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan yang perlu dipinda untuk memperkasa peranan SPR. Antaranya ialah pindaan boleh diusulkan untuk memastikan bahawa SPR adalah badan yang benar-benar bebas dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Ini

termasuk mekanisme untuk menjamin bahawa ahli-ahli SPR dilantik dan berkhidmat secara bebas dari campur tangan politik. Selain itu, pindaan terhadap kuasa dan tanggungjawab SPR dalam menyelenggara pilihan raya, termasuk kuasa untuk menentukan sempadan pilihan raya dan menyelenggara proses pengundian perlu diperincikan dengan lebih kemas dan jelas dalam perlembagaan. Pindaan juga boleh merangkumi peraturan yang lebih ketat mengenai kempen pilihan raya, termasuk pengawasan penggunaan sumber dan perbelanjaan oleh calon dan parti politik, selain daripada mengkaji semula isu-isu berkaitan dengan penggunaan undi awal dan undi pos untuk memastikan proses yang adil dan berkesan (Yusof et al., 2017).

Walau bagaimanapun, di sebalik kekangan yang wujud itu, SPR perlu mempunyai keyakinan diri untuk bertindak tanpa terlalu terikat dengan kehendak pemerintah. Kewibawaan SPR sebagai badan tertinggi yang memartabatkan sistem demokrasi perlu ditampikan. Dengan cara ini kehendak dan suara rakyat dapat benar-benar diterjemahkan melalui sistem pilihan raya yang adil, telus dan sistematik.

1.3 Pernyataan Masalah

Persepsi orang ramai terhadap realiti SPR ditentukan melalui pengendaliannya dalam pengurusan pilihan raya. Ini secara signifikan menentukan sama ada pilihan raya yang berlangsung bersih dan adil. Merujuk kepada konsep kelakuan adil dan bersih, SPR perlu memastikan dan mengambilkira semua prosedur dan undang-undang pilihan raya dilakukan secara tepat, adil, dan teliti. Selain itu, prosedur pilihan raya yang digunakan hendaklah konsisten, dan jelas. Perkara ini penting kerana jika dilihat dalam pilihan raya di kawasan 'sengit', prosedur dan undang-undang dirujuk dilihat sebagai peranan penting bagi memastikan pilihan raya tersebut tidak berat sebelah.

Sekiranya ada sebarang perubahan terhadap prosedur dan parti atau individu yang terlibat tidak diberi notis, ini menjejaskan peluang mereka untuk memenangi pilihan raya secara tidak adil (Yusof, Ghazali, Rosli, & Alias, 2015).

Bagaimanapun, seperti yang berlaku semasa PRU13, orang ramai telah membangkitkan isu berkaitan dakwat kekal yang digunakan dalam proses pengundian. Selain isu dakwat kekal, turut dibangkitkan adalah isu ketelusan dalam proses pengiraan undi (Noor, Ismail, & Noor, 2020). Hal yang sama bertambah dengan isu persempadanan, peningkatan jumlah petugas SPR, pengundi hantu, dan media yang tidak adil terhadap pembangkang dibangkitkan pada PRU14 menjadikan kredibiliti dan integriti SPR terus menjadi persoalan. Selain itu, terdapat banyak kes lain termasuk dakwaan salah guna kuasa dan politik wang termasuk kenyataan terkenal *'you help me, I help you'* yang dibuat oleh mantan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak semasa PRK Sibu pada 2010 (dialograkyat, 2010).

Bagaimanapun, SPR berkali-kali enggan menyatakan pendirian mereka yang jelas. SPR menggunakan alasan yang rasuah adalah bukan di dalam bidang kuasanya dan ia harus ditentukan oleh pihak yang bertanggungjawab yang lain (Laporan Pengurusan Pilihan Raya, 2013). Yusof et. al. (2015) menegaskan bahawa institusi yang menguruskan proses pilihan raya mestilah berwibawa, bebas, serta dianggap adil sepenuhnya oleh orang awam serta oleh parti politik dan calon pilihan raya yang bertanding.

PRU14 pada 9 Mei 2018 menyaksikan kumpulan pembangkang, PH, yang kebanyakannya menggunakan media sosial sebagai platform berkempen, berjaya

menamatkan monopoli gabungan BN selama enam dekad dan memenangi pilihan raya bersejarah. Ia menandakan yang pertama di negara ini peralihan kuasa sejak merdeka lebih setengah abad yang lalu (Kasmani, 2020). Kemenangan PH, yang kebanyakannya menggunakan platform media sosial sebagai alat kempen mengejutkan pelbagai pihak memandangkan reformasi institusi di pihak kerajaan tidak berlaku pada ketika itu. Apatah lagi pada ketika itu, SPR melakukan persempadanan semula dua bulan sebelum PRU14 yang dilihat menguntungkan BN (Noor, Ismail, & Noor, 2020).

Borang Penyata Pengundian atau Borang 14 adalah antara isu yang dibangkitkan pada PRU14 (Malaysiakini, 6 September 2018). Selepas pengiraan undi selesai, Borang 14 perlu ditandatangani Ketua Tempat Mengundi (KTM). Walau bagaimanapun, PH dan parti Warisan menimbulkan isu bahawa Borang 14 lewat ditandatangani KTM pada malam 9 Mei 2018 sehingga keputusan penuh PRU lewat diumumkan (Malaysiakini, 6 September 2018). Tanpa tandatangan KTM, calon pilihan raya tidak boleh diisytiharkan memenangi pilihan raya tersebut. Hal ini sudah pasti menyebabkan timbulnya pelbagai persoalan berkaitan kemampuan SPR untuk bertindak sebagai pihak berkecuali tanpa memihak kepada mana-mana pihak untuk memastikan pilihan raya di Malaysia berlangsung dalam keadaan bersistematik, adil, dan bersih.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian perlu dijawab di dalam kajian ini, iaitu:

- a) Apakah kaedah semasa yang digunapakai oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya?

- b) Bagaimanakah SPR menggunakan strategi bagi memastikan sistem pilihan raya yang digunakan bersistematik, bersih, dan adil?
- c) Apakah saranan bagi cadangan penambahbaikan yang boleh dicadangkan kepada SPR bagi mencapai pilihan raya bersistematik, bersih, dan adil?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dipandu objektif seperti berikut:

- a) Melihat kepada kaedah semasa yang digunakan oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya.
- b) Meneliti strategi yang digunakan SPR bagi memastikan sistem pilihan raya bersistematik, bersih, dan adil.
- c) Mencadangkan penambahbaikan yang boleh dicadangkan kepada SPR bagi mencapai pilihan raya bersistematik, bersih, dan adil

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian merujuk kepada kepentingan dan kaitannya dalam konteks pengetahuan, penyelidikan dan impak masyarakat yang lebih luas. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan harapan dapat memberi manfaat kepada ahli akademik dan pengamal terutamanya dalam bidang politik negara dalam mengurus tadbir pilihan raya secara sistematik, bersih, dan adil di Malaysia. Berikut adalah beberapa sumbangan akademik dan praktikal kajian ini.

1.6.1 Kepentingan Akademik

- a. Dari segi kepentingan akademik, kajian ini menyumbang kepada peningkatan bilangan penyelidikan empirikal yang sedia ada di Malaysia dalam bidang

sains politik terutamanya mengenai strategi dan penyelesaian sistem pilihan raya yang lebih sistematik, adil, dan bersih.

- b. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada pembangunan teori dan model politik. Dapatan kajian secara tidak langsung dapat menyediakan gambaran situasi sebenar yang lebih menyeluruh dan komprehensif terhadap pilihan raya yang telah dijalankan dari semasa ke semasa membolehkan penyelidik membangunkan dan memperhalusi teori yang berkaitan dengan tingkah laku pilihan raya, sistem pilihan raya, dan fungsi demokrasi.

1.6.2 Kepentingan Praktikal

- a. Dapatan kajian ini memberi manfaat kepada sistem pilihan raya yang digunakan di Malaysia untuk menjadi lebih baik dan meningkatkan ketelusannya semasa proses pilihan raya dijalankan. Pengurusan pilihan raya yang adil dan sistematik menyumbang kepada kestabilan politik dengan mengurangkan kemungkinan pertikaian, protes dan konflik yang timbul daripada dakwaan penipuan atau penyelewengan pilihan raya.
- b. Hasil dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak SPR mengetahui pendapat daripada akar umbi dalam mencipta pelan pelaksanaan strategi yang lebih adil, telus, dan sistematik. Pendekatan yang sistematik terhadap pengurusan pilihan raya dapat membina kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap proses pilihan raya. Selain itu, hasil dapatan kajian turut dapat membantu SPR memahami dan meningkatkan proses pilihan raya di Malaysia. Ini termasuk menilai keberkesanan SPR dalam menguruskan pilihan raya, penyemakan sempadan kawasan pilihan raya, peraturan-peraturan berkaitan kempen dan sebagainya.

1.7 Definisi Operasi

1.7.1 Demokrasi

Sat dan Yamah (2005) mendefinisikan demokrasi sebagai “kerajaan perwakilan dengan sistem pilihan raya yang kompetitif”. Menurut Munck (2016), perkataan demokrasi bermaksud pemerintahan oleh rakyat. Demokrasi merupakan sistem di mana rakyat boleh menukar pemerintah mereka secara aman dan kerajaan diberi hak untuk memerintah kerana kata rakyat boleh (Munck, 2016).

1.7.2 Pilihan Raya Umum

PRU ialah pilihan raya pengundian politik di mana secara amnya semua atau kebanyakan ahli politik dipilih mewakili kawasan mereka (Bjornlund & Bjornlund, 2004). Menurut Hussein (2004) pilihan raya ialah proses demokrasi di mana rakyat dikehendaki untuk memilih wakil mereka sebagai pembuat dasar dan memberi keputusan di peringkat Dewan Rakyat (DR) atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

Peruntukan bagi PRU di Malaysia terletak pada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kebanyakan sistem, PRU ialah pilihan raya yang dijadualkan secara tetap di mana ketua kerajaan dan semua ahli badan perundangan dipilih pada masa yang sama. Kadangkala, tarikh untuk PRU mungkin sejajar dengan tarikh pilihan raya dalam bahagian pentadbiran yang berbeza seperti PRN (Rachagan, 1993).

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (2020), PRU akan berlangsung setelah Yang diPertuan Agong dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk membubarkan DR. DUN pula, akan dibubarkan oleh Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri setelah dinasihatkan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. PRU pertama

negara ini berjalan pada tahun 1959 dan setelah itu, sebanyak 14 siri PRU telah berlangsung di negara ini.

Jadual 1.1

Senarai PRU Yang Telah Diadakan

PRU	Tarikh
1	19 Ogos 1959
2	25 April 1964
3	10 Mei 1969
4	24 Ogos 1974
5	8 Julai 1978
6	22 April 1982
7	3 Ogos 1986
8	21 Oktober 1990
9	25 April 1995
10	29 November 1999
11	21 Mac 2004
12	8 Mac 2008
13	5 Mei 2013
14	9 Mei 2018

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018.

Perlembagaan Persekutuan 1965 menetapkan lima tahun sebagai tempoh matang bagi DR dan DUN. Ini bermakna dalam tempoh lima tahun setelah tarikh mesyuarat pertama DR atau DUN, ia akan terbubar sendiri. Walau bagaimanapun, DR dan DUN di negara ini biasanya sebelum tempoh matangnya (Hussein, 2004). Setelah dibubarkan, PRU atau PRN perlu dilaksanakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia dibubarkan.

1.7.3 Suruhanjaya Pilihan Raya

Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan 1965 memberi kuasa kepada SPR untuk mengadakan PRU.

“... SPR perlu mengadakan pilihan raya umum ke atas DR dan DUN, dan juga mengadakan PRK sekiranya berlaku kekosongan”.
(Suruhanjaya Pilihan Raya)

Rachagan (1993) berkata SPR juga diberi kuasa untuk menjalankan persempadanan semula bahagian pilihan raya dalam tempoh lebih dari lapan tahun. SPR turut bertanggungjawab dalam mendaftar pemilih, membuat semakan daftar pemilih, serta memastikan pilihan raya berlangsung dengan lancar. Walaupun Perlembagaan Persekutuan 1965 tidak menetapkan SPR sebagai badan bebas daripada pengaruh kerajaan, SPR perlu bersifat telus serta hendaklah bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak (Rachagan, 1993).

1.7.4 Pilihan Raya ‘Adil’ dan ‘Telus’

Menurut Elklit dan Svensson (1997), pilihan raya “adil” dan “telus” mesti ditakrifkan dengan jelas dan dibezakan daripada prasyarat demokrasi yang lain. Menurut Van Ham (2015), adil bermaksud tidak berat sebelah. Lawan daripada keadilan ialah layanan yang tidak sama rata terhadap persamaan, di mana sesetengah orang atau kumpulan diberi kelebihan yang tidak munasabah. Oleh itu, keadilan melibatkan kedua-dua ketetapan dan pemakaian peraturan yang tidak berat sebelah dan kewajaran seperti pengagihan sumber yang berkaitan yang tidak terlalu tidak sama rata di kalangan pesaing (Bjornlund & Bjornlund, 2004).

Ketelusan adalah prinsip utama untuk pilihan raya yang boleh dipercayai (Zou, Li, Li, Peng, & Sui, 2017). Proses pilihan raya yang telus ialah proses di mana setiap langkah terbuka untuk diteliti oleh pihak berkepentingan seperti parti politik, pemerhati pilihan raya, dan pengundi, yang boleh mengesahkan secara bebas proses itu dijalankan mengikut prosedur dan tiada penyelewengan berlaku (Bello, 2011). Ketelusan dalam pilihan raya membantu mewujudkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai dalam proses itu, kerana pengundi mempunyai cara untuk mengesahkan keputusan adalah

gambaran tepat kehendak rakyat. Justeru, pilihan raya yang adil dan telus merujuk kepada satu proses pilihan raya yang dijalankan dengan integriti, kesaksamaan, dan ketelusan yang tinggi.

1.8 Batasan Kajian

Penumpuan kajian ini adalah terhadap kaedah, peranan, dan strategi yang diperankan oleh SPR bagi memastikan pilihan raya yang bersistematik, telus, dan adil. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif dalam pungutan data. Memandangkan hanya kaedah kualitatif yang digunakan, dapatan kajian bukanlah bersifat muktamad. Keputusan kajian ini adalah bersifat sugestif atau cadangan. Walaupun kaedah kualitatif mengekalkan keputusan kajian, namun ia kaedah paling sesuai bagi kajian ini memandangkan matlamat utama kajian adalah bagi mendapatkan kaedah, peranan, dan strategi yang diperankan oleh SPR bagi memastikan pilihan raya yang bersistematik, telus, dan adil.

Kajian ini dilaksanakan dalam keadaan negara masih di dalam krisis pandemik. Oleh demikian, kajian ini mengalami kesukaran untuk mendapatkan maklumbalas dari agensi dan individu-individu yang berkaitan dengan topik. Ini adalah disebabkan oleh faktor kesihatan, keselamatan, dan kekangan masa yang dihadapi oleh agensi dan individu-individu terbabit. Oleh demikian, bagi menampung data, kajian ini turut menggunakan kajian dokumen dan kajian perpustakaan untuk mendapatkan data berkaitan topik kajian.

Melihat kepada keadaan semasa, kaedah kualitatif dilihat lebih sesuai digunakan untuk kajian ini. Walaupun terdapat kesukaran dapat mendapatkan maklumat, ia tidak

merencatkan kajian ini. Ini berikutan ia disokong dengan kajian dokumen dan kajian perpustakaan.

1.9 Pembahagian Bab

Kajian ini mengandungi lima bab utama. Bab 1 adalah bab pendahuluan. Ia melibatkan perbincangan tentang permasalahan kajian. Bab 1 turut mengandungi persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasi, serta batasan kajian.

Bab 2 mengandungi perbincangan berkaitan ulasan karya. Bab 2 ini mengandungi teori dan konsep yang relevan dengan topik kajian. Bab 2 juga membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan sistem pilihan raya. Seterusnya Bab 3 di dalam tesis mengandungi metodologi kajian. Bab 3 turut membincangkan berkaitan responden dan rekabentuk kajian untuk kajian ini.

Bab 4 adalah dimana analisis kajian dan dapatan kajian dibincangkan. Bab ini akan memandu kepada dapatan yang akan memberi jawapan kepada persoalan kajian sejajar dengan objektif yang telah digariskan.

Bab terakhir iaitu Bab 5 mengandungi kesimpulan dan cadangan. Bab 5 mengandungi perbincangan membincangkan dapatan terhadap penemuan kajian dan capaian terhadap objektif kajian. Bab ini akan menyimpulkan penemuan kajian. Seterusnya cadangan penambahbaikan yang sesuai berdasarkan kepada penemuan akan diberikan di bab terakhir ini.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Bab Dua merupakan perbincangan berkaitan dengan ulasan karya hasil dari kajian-kajian lepas. Permulaan bab ini mengandungi perbincangan latar belakang teori dan konsep kajian. Seterusnya, demokrasi dalam pilihan raya bersih, adil, dan sistematik dibincangkan. Latar belakang berkenaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga dibincangkan secara meluas di dalam bab ini. Seterusnya bab ini melihat kepada isu sistem pilihan raya serta pengajaran daripada Pilihan Raya Umum 2018. Akhir sekali, bab ini membincangkan kerangka konsep dan teori kajian.

2.2 Konsep Tadbir Urus Pilihan Raya

Sarjana bidang sains politik sering kali mengasosiasikan terma tadbir urus pilihan raya dengan kualiti dalam pengendalian sesuatu pilihan raya (Elklit & Reynolds, 2002; Birch, 2008; Mozaffar, 2002; Marchetti, 2012). Pengkajian bidang ini kurang aktif di negara-negara maju, tetapi mendapat sambutan yang menggalakkan di negara-negara membangun serta yang masih berada dalam fasa demokrasi rapuh. Hal ini dipacu oleh wujudnya kebimbangan dan keraguan pihak-pihak berkepentingan ke atas tahap kebebasan, keadilan dan kompetensi pengendalian pilihan raya di negara-negara itu (Pastor, 1999). Kepelbagaian fokus dalam bidang ini turut mengaitkan pengaruh tadbir

urus pilihan raya terhadap aspek-aspek lain seperti keabsahan pilihan raya (Elklit & Reynolds, 2002), persepsi awam ke atas proses pilihan raya (Birch, 2008), dan corak pengurusan pilihan raya di negara-negara dunia ketiga seperti beberapa buah negara Afrika dan Brazil (Mozaffar, 2002; Marchetti, 2012).

Secara umumnya, Langford, Schiel dan Wilson (2022) dan Ting dan Yi (2021) mendefinisikan tadbir urus pilihan raya sebagai keseluruhan proses penyeliaan, pengurusan dan penyelenggaraan pilihan raya dalam sebuah sistem demokrasi. Ia merangkumi pelbagai langkah-langkah dan prosedur yang diperlukan untuk menjalankan pilihan raya secara efisien, adil, telus dan mengikut prinsip demokrasi. Tujuan utama tadbir urus pilihan raya adalah untuk memastikan bahawa pemilih mempunyai peluang untuk menyuarakan pendapat mereka melalui undi tanpa gangguan atau penindasan. Langford, Schiel dan Wilson (2022), Ting dan Yi (2021) dan Habibi, Destavino dan Mahadika (2023) menyenaraikan beberapa aspek-aspek utama dalam tadbir urus pilihan raya termasuklah:

1. Badan Pengurusan Pilihan Raya (EMB): EMB merujuk kepada badan atau entiti yang bertanggungjawab untuk mentadbir pilihan raya. EMB memainkan peranan penting dalam tadbir urus pilihan raya dengan merancang, mengurus dan mengawasi pelaksanaan pilihan raya, pendaftaran pemilih, proses penamaan calon, kempen pilihan raya, tempat mengundi, pengundian dan penjumlahan undi, pemantauan, pengiraan undi dan pengundian hasil. Setiap negara boleh mempunyai jenis EMB yang berbeza dengan struktur dan kuasa yang berbeza. Contohnya, di Amerika Syarikat, Suruhanjaya Pilihan Raya Persekutuan (*Federal Election Commission*, FEC) bertanggungjawab untuk mengawasi pemilihan umum persekutuan, manakala setiap negeri di Amerika

mempunyai EMB sendiri untuk pemilihan negeri. Di Malaysia pula, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) adalah contoh EMB yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mengawasi proses pilihan raya persekutuan dan negeri. Kebebasan dan kemandirian EMB adalah faktor penting untuk memastikan pilihan raya yang demokratik dan adil. EMB yang berfungsi dengan baik adalah kunci dalam mengekalkan integriti dan kredibiliti sistem pilihan raya sebuah negara.

2. Undang-undang dan Peraturan Pilihan Raya: Tadbir urus pilihan raya melibatkan pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pilihan raya. Undang-undang ini mentakrifkan rangka kerja pilihan raya, termasuk kriteria kelayakan untuk pengundi dan calon, peraturan pembiayaan kempen, pengendalian pilihan raya dan sebagainya.
3. Pendaftaran Pemilih: Memastikan proses pendaftaran pemilih yang tepat dan inklusif adalah aspek penting dalam tadbir urus pilihan raya. Proses pendaftaran pemilih ini melibatkan penyusunan senarai pemilih yang layak untuk mengundi disenaraikan, memastikan bahawa senarai pemilih adalah terkini dan menyediakan mereka dengan dokumentasi yang diperlukan.
4. Pendidikan Pengundi: Tadbir urus pilihan raya juga selalunya merangkumi program pendidikan pengundi untuk memaklumkan rakyat tentang maklumat pilihan raya. Pendidikan pengundi merujuk kepada usaha dan program yang bertujuan untuk memberikan maklumat, pengetahuan, dan kesedaran kepada pemilih mengenai proses pilihan raya, hak dan tanggungjawab mereka sebagai pemilih, calon yang bertanding, isu-isu politik, serta pentingnya mengambil bahagian dalam proses demokratik melalui mengundi. Ia adalah usaha untuk memberdayakan pemilih dengan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat

keputusan yang bijak semasa mengundi. Pendidikan pengundi boleh merangkumi pelbagai aktiviti dan inisiatif, seperti penerbitan bahan pendidikan, sesi penerangan, kempen kesedaran, latihan pengundian, menggalakkan pendaftaran, pemantauan pilihan raya dan banyak lagi.

5. Pendaftaran dan Peraturan Parti Politik: Tadbir urus pilihan raya turut melibatkan penyeliaan parti politik, termasuk pendaftaran dan peraturan parti politik. Pendaftaran dan peraturan parti politik merujuk kepada proses pendaftaran parti politik dan peraturan yang mengawal aktiviti serta pengurusan parti politik dalam sebuah sistem politik. Setiap negara biasanya mempunyai undang-undang dan peraturan yang mengatur aspek-aspek berkaitan dengan parti politik, seperti pendaftaran parti politik, peraturan parti politik, kebebasan parti politik, kewangan parti politik dan pematuhan peraturan.
6. Pemantauan dan Pemerhatian Pilihan Raya: Pemantauan dan pemerhatian pilihan raya adalah aspek penting dalam tadbir urus pilihan raya bagi menjaga integriti dan keadilan dalam sistem pilihan raya sebuah negara. Ia merupakan proses pemantauan, pengawasan, dan penilaian bebas terhadap pelaksanaan pilihan raya dan proses politik sebelum, semasa, dan selepas pilihan raya. Ia melibatkan penglibatan badan-badan atau individu yang tidak terlibat secara langsung dalam pilihan raya, seperti badan pemerhati pilihan raya antarabangsa, badan pilihan raya negara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atau individu yang bertindak sebagai pemerhati bebas. Badan-badan pemantauan dan pemerhatian pilihan raya biasanya mengeluarkan laporan hasil pemantauan mereka dan memberikan penilaian mereka tentang integriti proses pilihan raya. Laporan ini boleh memberikan maklumat penting kepada

pihak berkuasa, calon, dan masyarakat umum mengenai perkembangan dalam pilihan raya dan mengesan sebarang isu yang memerlukan penyelesaian atau perbaikan.

7. Keselamatan dan Logistik: Memastikan keselamatan proses pilihan raya dan mengurus aspek logistik pilihan raya adalah dua aspek asas kepada tadbir urus pilihan raya. Keselamatan merujuk kepada langkah-langkah dan strategi yang diambil untuk memastikan keselamatan semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya, termasuk pemilih, calon, petugas pilihan raya, pengawas, dan semua individu yang terlibat dalam proses pilihan raya. Beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam aspek keselamatan termasuklah keselamatan fizikal, keselamatan data, perlindungan terhadap ancaman dan intimidasi, kawalan dan pengurusan keselamatan dan kawalan ketenteraman awam. Sementara itu, logistik merujuk kepada perancangan, pengorganisasian, dan pengurusan semua aspek teknikal dan praktikal yang berkaitan dengan pelaksanaan pilihan raya. Ini termasuk perkara seperti pendaftaran pemilih, tempat mengundi, mengedarkan borang undi, penyusunan petugas pilihan raya, peralatan elektronik dan pengedaran hasil.
8. Ketelusan dan Akauntabiliti: Tadbir urus pilihan raya memerlukan ketelusan dalam semua aspek proses pilihan raya, manakala mekanisme akauntabiliti perlu disediakan untuk menangani sebarang pelanggaran undang-undang pilihan raya atau salah laku pilihan raya. Ketelusan merujuk kepada keadaan di mana semua aspek pilihan raya, termasuk proses pemilihan calon, pengumpulan dana kempen, iklan politik, dan prosedur pemilihan umum dijalankan secara terbuka, telus, dan boleh diakses oleh orang awam. Ini bermaksud semua maklumat berkaitan dengan pilihan raya adalah mudah

diperoleh dan difahami oleh semua pihak yang berkepentingan. Akauntabiliti pula merujuk kepada tanggungjawab dan kebertanggungjawaban pihak-pihak yang terlibat dalam pilihan raya terhadap tindakan dan keputusan mereka. Ini bermaksud bahawa mereka perlu menjawab kepada orang awam dan badan-badan berwajib jika ada tindakan yang tidak sah atau penyalahgunaan kuasa.

9. Penyelesaian Pertikaian: Dalam konteks urus tadbir pilihan raya, penyelesaian pertikaian merujuk kepada proses menyelesaikan perselisihan atau kontroversi yang berkaitan dengan pelaksanaan pilihan raya atau hasilnya. Pertikaian dalam pilihan raya boleh timbul atas pelbagai isu, seperti hasil pilihan raya, penamaan calon, kempen pilihan raya, pendaftaran pemilih, isu undang-undang, kempen perkauman atau fitnah. Proses penyelesaian pertikaian boleh melibatkan badan pilihan raya, mahkamah dan mediasi atau pengantaraan. Ia adalah satu proses yang penting bagi membolehkan sebarang pertikaian atau kontroversi diselesaikan secara adil dan objektif.
10. Keyakinan Awam: Aspek tadbir urus pilihan raya yang terakhir bertujuan untuk membina dan mengekalkan keyakinan orang ramai dalam proses pilihan raya. Keyakinan awam dalam pilihan raya merujuk kepada tahap kepercayaan dan keyakinan yang dimiliki oleh pengundi dan orang awam terhadap integriti, keadilan, dan ketelusan dalam proses pilihan raya. Keyakinan ini penting dalam sistem demokrasi, kerana ia memastikan bahawa hasil pilihan raya adalah mewakili kehendak rakyat dan bahawa proses politik adalah sah dan boleh dipercayai.

Berdasarkan definisi, tadbir urus pilihan raya ditakrifkan sebagai suatu set aktiviti luas yang berfungsi untuk mewujudkan dan mengekalkan kerangka institusi bagi

persaingan politik dan pemilihan. Tadbir urus pilihan raya beroperasi pada tiga tahap iaitu:

- a) penyediaan peraturan yang melibatkan tatacara umum persaingan pilihan raya;
- b) implementasi peraturan dalam pengendalian pilihan raya;
- c) adjudikasi berkaitan penyelesaian pertikaian semasa proses pilihan raya (Mozaffar & Schedler, 2002).

Pastor (1999) dan Mozaffar dan Schedler (2002) mencadangkan tiga fasa utama yang terlibat di dalam sesuatu tadbir urus pilihan raya, iaitu fasa pra, semasa dan pasca. Setiap fasa ini dijalankan mengikut turutan proses yang terlibat (Jadual 2.1).

Jadual 2.1
Tiga Peringkat Tadbir Urus Pilihan Raya

Peringkat	Elemen
1. Pra Pilihan Raya (Penyediaan Peraturan)	
Penetapan peraturan pilihan raya	
a) Peraturan Persaingan Pilihan Raya	Formula Keluasan daerah Sempadan daerah Saiz perwakilan Tempoh masa pilihan raya Hak mengundi
b) Peraturan Pengurusan Pilihan Raya	Pendaftaran pemilih Pendaftaran parti dan calon Peraturan pembiayaan kempen Pemantauan pilihan raya Penyediaan kertas undi Penyediaan pusat mengundi Pengundian, pengiraan dan tabulasi Badan pengurusan pilihan raya Pihak berkuasa pertikaian
2. Semasa Pilihan Raya (Implementasi Peraturan)	
Pengurusan persaingan pilihan raya	Penyediaan daftar pemilih, penamaan calon dan parti Pelantikan pemantauan pilihan raya Pendidikan pengundi Pengendalian pilihan raya Proses pengundian, pengiraan dan pelaporan

3. Pasca Pilihan Raya (Adjudikasi Peraturan)

Pengesahan keputusan pilihan raya Kemasukan aduan
dan penyelesaian pertikaian

Pemprosesan kes
Penetapan dan pelaksanaan keputusan

Sumber: Pastor (1999); Mozaffar & Schedler (2002)

Mozaffar dan Schedler (2002) turut mengetengahkan sebanyak enam dimensi sebagai asas penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu tadbir urus pilihan raya iaitu pemusatan, pembirokrasian, kebebasan, pengkhususan, perwakilan dan pengawalan.

- i. Pemusatan autoriti pilihan raya dilihat penting dalam menyeragamkan kualiti pelaksanaan pilihan raya, di samping dapat menghindarkan berlakunya konflik kepentingan di peringkat lokal.
- ii. Dari segi pembirokrasian pula, pelantikan keanggotaan dan keurusetiaan EMB secara tetap dapat memastikan urusan pilihan raya dijalankan secara efektif dan terancang.
- iii. Manakala, kebebasan EMB menjalankan tugas tanpa sebarang pengaruh luar dapat meningkatkan keabsahan keputusan pilihan raya. Badan pengurusan pilihan raya yang bebas daripada tekanan politik lebih cenderung menjalankan proses pilihan raya dengan telus.
- iv. Bagi memastikan wujudnya elemen “semak dan imbang” dalam pilihan raya, urusan pentadbiran dan pengesahan keputusan pilihan raya sepatutnya dipisahkan dan dijalankan secara pengkhususan oleh pihak-pihak berwajib. Pengkhususan melibatkan keupayaan EMB atau SPR untuk mendapatkan dan mengguna pakai kepakaran teknikal dalam pelaksanaan pilihan raya.

- v. Selain itu, perwakilan para petugas pilihan raya perlulah terdiri daripada “pihak ketiga” yang tidak berkepentingan politik seperti NGO dan pertubuhan-pertubuhan bebas.
- vi. Terakhirnya, keyakinan awam terhadap pengawalan tadbir urus pilihan raya turut bergantung kepada tahap penglibatan kategori personel dalam pelaksanaan pilihan raya. Kejayaan sesuatu tadbir urus pilihan raya turut dipengaruhi oleh EMB yang bertanggungjawab menjalankannya.

Terdapat lima model EMB dicadangkan oleh Pastor (1999) iaitu:

- i. Organisasi sepenuhnya di dalam kerajaan;
- ii. Organisasi kerajaan di bawah kawal selia perundangan;
- iii. Organisasi bebas yang bertanggungjawab ke atas parlimen;
- iv. Organisasi dianggotai oleh pelbagai perwakilan politik; dan
- v. Organisasi tanpa partisan yang keanggotaannya dipilih melalui saringan ketat.

Dalam konteks Malaysia, SPR tergolong dalam model kedua. Hal ini kerana, keahlian dan pentadbirannya di bawah kawalan kerajaan yang memerintah. Namun, SPR masih diperuntukkan undang-undang sendiri bagi pengendalian pilihan raya (Weiss, 2016; Malaysia, 2016, 2016b, 2016c). Senario ini bukanlah menjadi faktor mutlak dalam menentukan kejayaan sesuatu tadbir urus pilihan raya. Dua faktor dikesan berupaya mempengaruhi keberkesanan EMB dalam menjalankan tadbir urus pilihan raya iaitu sifat organisasi dan implementasi operasi. Sifat organisasi EMB merujuk kepada struktur, peranan, dan hubungannya dengan entiti-entiti lain dalam kerajaan dan masyarakat (Langford, Schiel & Wilson, 2022). Dari sudut organisasi, terdapat lima kaedah pengukuran digunakan iaitu penilaian terhadap karakter sesebuah organisasi,

tahap kebebasannya daripada pengaruh politik, komitmen ahlinya dalam menyediakan perjawatan, kewangan dan peralatan, tahap komitmen staf dalam menjalankan tugas, serta ketelusan pelaksanaan pilihan raya (Elklit & Reynolds, 2002).

Manakala implementasi operasi merujuk kepada cara EMB menjalankan keseluruhan proses pilihan raya, termasuk perancangan, pelaksanaan, dan pengawasan (Langford, Schiel & Wilson, 2022). Dari sudut implementasi operasi, Bland, Green dan Moore (2013) menggariskan pengukuran penilaian secara matriks antara dua dimensi penting iaitu fasa pilihan raya (pra, semasa dan pasca) dan peranan pilihan raya (penyertaan, persaingan dan integriti) (Paldam, 2021; Nye, 2019; Muhammad Nadzri & Ghazali 2018). Meskipun konsep tadbir urus pilihan raya dianjurkan sebagai pegangan ideal bagi memastikan kelancaran dan keabsahan pelaksanaannya, tahap penerimaannya adalah begitu dinamik (Berger & Luckmann, 2016). Hal ini amat berkait rapat dengan takat penglibatan dan keutamaan fokus oleh aktor-aktor yang terlibat. Berasaskan kepada prinsip “bebas dan adil”, parti-parti politik pembangkang mengeksploitasikan elemen tadbir urus ini bagi meraih sokongan rakyat terhadap perjuangan politik mereka (Quah, 2017; Alan & Hageman, 2013; Ajzen, 1991). Pada masa yang sama, parti penyandang pula memanipulasikan perundangan dan prosedur bagi menjamin kelangsungan politik mereka (Mozaffar, 2002).

Bagi pengundi pula, isu yang menjadi fokus mereka adalah berkaitan integriti dan profesionalisme petugas pilihan raya dalam mengendalikan urusan pengundian dan pengiraan undi (Bowler et al., 2015). Selain itu, kepelbagaian demografi pengundi turut mempengaruhi persepsi mereka ke atas pelaksanaan pilihan raya. Pengundi yang lebih berumur, berpendidikan dan berpendapatan tinggi, dan mempunyai pendedahan

politik yang baik cenderung untuk meyakini pelaksanaan proses pilihan raya berbanding sebaliknya (Birch, 2008). Korelasi antara kuasa eksekutif dan perundangan turut mempengaruhi keberkesanan dan penerimaan ke atas tadbir urus pilihan raya. Dalam konteks ini, pengendalian pilihan raya yang adil oleh eksekutif diikuti oleh pengesahan oleh perundangan, akan dapat menghasilkan keputusan yang diterima oleh semua pihak dan dapat menghindarkan berlakunya pertikaian dan keganasan (Mohd Nasaruddin, 2022; Mohd Sani, 2019; Muhamad Nadzri, 2018; Loh, 2015).

Sebaliknya, pilihan raya yang tidak diadakan secara adil tetapi disokong oleh perundangan akan menggalakkan pernaungan eksekutif ke atas legislatif, mendorong berlakunya keganasan dan perang saudara, serta desakan untuk mengadakan pilihan raya semula (Lehoucq, 2002). Hal ini turut akan menyebabkan berlakunya kehilangan kepercayaan awam, ketidakstabilan politik, kekangan terhadap hak asasi manusia, korupsi dan penyelewangan kuasa (Plescia, Blais & Hogstrom, 2020). Selain itu, wujudnya pertindihan fungsi antara organisasi yang terlibat dalam mengendalikan pilihan raya. Contoh terdekat adalah sepertimana situasi yang dialami oleh negara jiran Indonesia (Broadman & Recanatini, 2022; Marican, 2019). Tanggungjawab untuk mengawal selia kendalian dan menangani konflik dalam pilihan raya oleh Komisi Pemilihan Umum (KPU) turut dipikul oleh Panitia Pengawas Pemilu (PANWASLU) yang kemudiannya pada 2007 dikenali sebagai Badan Pengawas Pemilu (BAWASLU) (Hillman, 2011; Muhammad Febriansyah, Muhamad Takiyuddin & Norazam, 2020). Sorotan mengenai kekangan isu dan masalah ini merupakan antara sebahagian daripada cabaran yang dihadapi dalam mentadbir urus pelaksanaan pilihan raya. Cabaran-cabaran ini akan dikupas dengan lebih mendalam pada tajuk berikutnya (Pelligrini & Gerlagh, 2018; Nwabuzor, 2015).

2.3 Konsep Pilihan Raya yang Adil dan Telus

Pilihan raya adalah intipati demokrasi (Goodwin-Gill, 1994). Pilihan raya membenarkan orang ramai memilih pemimpin politik mereka dan kemudian meminta mereka bertanggungjawab (Hohe, 2002). Tetapi, untuk pilihan raya dapat memenuhi fungsi kritikalnya, ia mestilah adil dan telus. Hanya mengadakan pilihan raya tidak mencukupi jika sesetengah rakyat dihalang daripada mengundi atau keputusan tidak dikira dengan betul, pilihan raya tidak boleh dipanggil “adil dan telus (Najih & Wiryani, 2020; Nye, 2017; Pillay, 2014; Ata & Arvas, 2011).

Levitsky dan Way (2012) menyatakan ungkapan “satu orang, satu undi” sering digunakan sebagai singkatan untuk pilihan raya yang adil dan telus. Prinsip daripada “satu orang satu undi” bermakna setiap orang mempunyai keupayaan untuk mengundi, dan setiap undi mempunyai kuasa yang sama. Levitsky dan Way (2012) menyebut bagi mencapai ketelusan dan keadilan dalam pilihan raya, terdapat perkara yang perlu dititikberatkan sebelum proses pengundian, semasa proses pengundian, dan selepas proses pengundian.

2.3.1 Sebelum Proses Pengundian

Sebelum pilihan raya diadakan, rakyat boleh mendaftar untuk mengundi (Levitsky & Way, 2012). Kerajaan boleh meletakkan beberapa sekatan terhadap siapa yang boleh mendaftar untuk mengundi berdasarkan umur, pemastautin atau status kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, untuk pilihan raya yang telus dan adil, kerajaan tidak boleh menghalang pengundi yang layak daripada mendaftar atau menyukarkan sesetengah kumpulan orang untuk mendaftar daripada orang lain. Kerajaan perlu memastikan proses pendaftaran pengundi adalah telus dan boleh

diakses oleh semua yang layak. Ini termasuk memastikan senarai pengundi adalah terkini dan bebas daripada pengundi palsu. Contohnya, sehingga Akta Hak Mengundi diluluskan di Amerika Syarikat pada tahun 1965, banyak negeri di Selatan Amerika Syarikat mengamalkan undang-undang dan polisi yang mewajibkan pengundi berkulit hitam untuk mengambil ujian celik huruf untuk mendaftar bagi tujuan mengundi. Ujian-uji ini direka bentuk dengan sangat sukar dan subjektif untuk menghalang orang kulit hitam daripada mengundi, yang bermaksud bahawa pilihan raya yang diadakan di negeri-negeri ini dalam tempoh masa ini adalah tidak bebas dan adil (Levitsky & Way, 2012). Justeru, Akta Hak Mengundi 1965 ditubuhkan untuk menghapuskan penghalangan rasial terhadap pengundi berkulit hitam, terutamanya di negeri-negeri Selatan yang terkenal dengan penindasan pengundi. Akta ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua warganegara, tanpa mengira bangsa atau warna kulit, mempunyai hak yang sama untuk mengundi.

Seterusnya, pengundi perlu diberi akses kepada maklumat yang boleh dipercayai. Kerajaan tidak boleh menghalang media daripada membuat liputan mengenai calon atau pihak politik tertentu, dan mereka juga tidak boleh dengan sengaja menyebarkan maklumat yang salah. Kerajaan perlu memastikan liputan media adalah adil dan seimbang untuk semua calon dan parti politik dan memastikan media tidak terlibat dalam sebarang pemutarbelitkan maklumat atau propaganda palsu. (Najih & Wiryani, 2020; Nye, 2017; Pillay, 2014; Ata & Arvas, 2011). Sebagai contoh, dalam pilihan raya presiden 2020 di Burundi, Presiden Nkurunziza bertanding untuk penggal ketiga. Kerajaan mengugut atau memenjarakan wartawan untuk menghalang mereka daripada melaporkan calon-calon yang bertanding menentanginya. Walaupun kerajaan tidak sengaja berkongsi maklumat yang salah, ia boleh merebak dalam talian dan melalui

media sosial. Pengundi memerlukan akses kepada yang boleh dipercayai dan maklumat yang tidak berat sebelah untuk bebas membuat keputusan tentang calon yang akan disokong (Levitsky & Way, 2012).

Sebelum pilihan raya diadakan, kerajaan tidak boleh menghalang rakyat daripada bertanding jawatan (Levitsky & Way, 2012). Kerajaan tidak boleh menyerang atau menakut-nakutkan orang yang membuat keputusan untuk bertanding jawatan atau mencipta peraturan diskriminasi tentang siapa yang dibenarkan bertanding (Donleavy, Lam, & Ho, 2018; Gbrich, 2017).

2.3.2 Semasa Proses Pengundian

Semua pengundi perlu mempunyai akses ke tempat mengundi atau kaedah mengundi yang lain. Levitsky dan Way (2012) berkata rakyat perlu bebas membuang undi. Pengundi sepatutnya boleh mencapai tempat mengundi, masuk ke dalam stesen mengundi, dan buang undi mereka tanpa mengambilkira latar belakang dan tempat tinggal mereka (Ng & Ayub, 2018; Habibullah, Din & Hamid, 2016). Kerajaan perlu memastikan bahawa bantuan diberikan kepada pengundi yang memerlukan, termasuk pengundi yang kurang upaya atau berkeperluan khas. Jika pengundi tidak dapat mengundi sendiri seperti hilang upaya, keadaan kesihatan, atau kekurangan pengangkutan, mereka harus mempunyai akses kepada kaedah alternatif untuk mengundi, seperti mengundi melalui pos (Bello, 2011). Choi (2009) mengambil contoh, semasa pilihan raya 2019 di India, mesin mengundi dibawa ke komuniti terpencil dengan pelbagai cara termasuk dengan menggunakan helikopter, bot, dan gajah. Ini adalah untuk memastikan semua pengundi yang layak mendapat akses ke tempat mengundi (Choi, 2009).

Seterusnya, rakyat hendaklah dipastikan bebas daripada ugutan. Tempat mengundi hendaklah selamat dan bebas dari sebarang ancaman atau gangguan. Keganasan, atau ancaman keganasan, boleh membuat orang berasa takut untuk mengundi calon pilihan mereka atau menghalang orang ramai daripada mengundi sama sekali (Abdullah, 2018; Othman, Shafie & Abdul Hamid, 2014). Undi rahsia juga boleh membantu mencegah paksaan atau ugutan kerana ia membantu mencegah orang daripada menyasarkan pengundi berdasarkan kepada siapa mereka mengundi (Levitsky & Way, 2012).

Levitsky dan Way (2012) menegaskan pengundian hendaklah bebas daripada penipuan. Setiap pengundi yang layak seharusnya boleh mengundi sekali sahaja, dan pengundi yang tidak layak sepatutnya boleh mengundi dihalang daripada mengundi. Apabila undi tidak sah dimasukkan, pilihan raya tidak mencerminkan kehendak pengundi. Kebanyakan negara mempunyai pemerhati undian yang memerhatikan pengundian di tempat mengundi bagi memastikan pilihan raya berjalan dengan baik dan tiada penipuan dilakukan (Bakar, Saleh & Mohamad, 2021; Chandler & Graham, 2010).

2.3.3 Selepas Proses Pengundian

Undi dikira dengan tepat dan keputusan yang betul diumumkan. Undi tidak boleh diubah atau dibuang selepas ia dikira, dan semua undi dibuang oleh pengundi mesti dikira. Kebanyakan negara mempunyai suruhanjaya atau agensi pilihan raya bebas yang menyelia pilihan raya untuk menghalang individu atau kerajaan daripada campur tangan dalam keputusan. Undi mesti dikira dengan betul supaya sesuatu pilihan raya mencerminkan kehendak pengundi (Levitsky & Way, 2012).

Akhir sekali, selepas pilihan raya, keputusan pilihan raya hendaklah dihormati. Setelah keputusan pilihan raya diputuskan, calon mesti menghormati keputusan undian. Peralihan kuasa secara aman adalah penting kepada demokrasi, dan calon yang kalah dalam pilihan raya tidak seharusnya menggunakan kekerasan atau ugutan untuk merampas kuasa (Levitsky & Way, 2012).

2.4 Sistem Pilihan Raya dan Sistem Kepartian

Sistem pilihan raya atau sistem pengundian ialah satu set peraturan yang menentukan cara pilihan raya dan referendum dijalankan dan bagaimana keputusannya ditentukan. Sistem pilihan raya merupakan politik dianjurkan oleh kerajaan, manakala pilihan raya bukan politik mungkin berlaku dalam perniagaan, organisasi bukan bersandarkan untung dan organisasi tidak formal (Gudgin & Taylor, 2012). Peraturan ini mengawal semua aspek proses pengundian: apabila pilihan raya berlaku, siapa yang dibenarkan mengundi, siapa yang boleh bertanding sebagai calon, cara undi ditanda dan dibuang, cara undi dikira, cara undi diterjemahkan ke dalam keputusan pilihan raya, had pada perbelanjaan kempen dan faktor lain yang boleh mempengaruhi keputusan. Sistem pilihan raya politik ditakrifkan oleh perlembagaan dan undang-undang pilihan raya, biasanya dijalankan oleh suruhanjaya pilihan raya, dan boleh menggunakan pelbagai jenis pilihan raya untuk pejabat yang berbeza (Fox, Koloen, & Sahin, 2007).

Johnston, Shelly, dan Taylor (1979) berpendapat, sesetengah sistem pilihan raya memilih pemenang tunggal untuk jawatan unik, seperti perdana menteri, presiden atau gabenor, manakala yang lain memilih berbilang pemenang, seperti ahli parlimen atau lembaga pengarah. Apabila memilih badan perundangan, pengundi boleh dibahagikan kepada kawasan pilihan raya dengan satu atau lebih wakil, dan boleh mengundi secara

langsung untuk calon individu atau untuk senarai calon yang dikemukakan oleh parti politik atau perikatan. Terdapat banyak variasi dalam sistem pilihan raya, dengan sistem yang paling biasa ialah pengundian lepas pertama, undian blok, sistem dua pusingan (*runoff*), perwakilan berkadar dan undian berperingkat. Sesetengah sistem pilihan raya, seperti sistem bercampur, iaitu dengan menggabungkan faedah sistem tidak berkadar dan berkadar.

Malaysia menjalankan sistem kerajaan persekutuan dimana semasa pembentukannya ia menyatukan Tanah Melayu dan Singapura di Semenanjung dan Sabah, Brunei dan Sarawak di Borneo. Lopez (2022) menjelaskan Malaysia adalah negara berperlembagaan beraja dan demokrasi berparlimen. Ia mempunyai dua peringkat kerajaan iaitu kerajaan persekutuan (Persekutuan Malaysia) dan kerajaan negeri (11 negeri di Semenanjung Malaysia dan dua negeri di Borneo, Sabah dan Sarawak). Pada hari ini, 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan membentuk Malaysia. Di peringkat persekutuan, ia mempunyai dewan perundangan *bicameral* (terdiri daripada dua dewan), di mana Dewan Negara (DN) mempunyai 70 ahli yang tidak dipilih, dan Dewan Rakyat (DR) mempunyai 222 ahli yang dipilih secara langsung. Dewan Rakyat adalah badan legislatif utama yang berkuasa dalam membuat undang-undang persekutuan (Lopez, 2022).

Manakala di peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri (DUN) di semua 13 negeri berbeza dari segi komposisi keahlian, bergantung kepada saiz wilayah dan populasi (Parlimen Malaysia, 2021). Jumlah kerusi DUN boleh berubah melalui proses pembahagian semula sempadan pilihan raya yang dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan perwakilan yang saksama dan adil berdasarkan perubahan

demografi dan populasi. Secara keseluruhan, jumlah kerusi DUN pada PRU14 ialah 505 kerusi (Bernama, 2018). Di peringkat negeri, setiap negeri memiliki Dewan Undangan Negeri (DUN) yang menggubal undang-undang negeri dan melaksanakan dasar-dasar negeri (Lopez, 2022).

Pilihan raya umum di Malaysia diadakan secara berkala setiap lima tahun. Rakyat Malaysia akan mengundi untuk memilih wakil rakyat ke Dewan Rakyat di peringkat persekutuan dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di peringkat negeri. Untuk menjadi ahli Dewan Rakyat Malaysia, seseorang perlu memenuhi kelayakan-kelayakan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta Pilihan Raya (Parlimen Malaysia, 2021). Berikut adalah kelayakan-kelayakan asas untuk menjadi ahli Dewan Rakyat:

1. Warganegara Malaysia: Calon mesti menjadi warganegara Malaysia. Orang asing tidak dibenarkan untuk bertanding dalam pilihan raya umum di Malaysia.
2. Berumur 21 Tahun atau Lebih: Calon mesti berumur 21 tahun atau lebih pada hari penamaan calon. Pada tahun 2019, Malaysia mengurangkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun, tetapi kelayakan untuk menjadi calon Dewan Rakyat masih ditetapkan pada umur 21 tahun.
3. Tidak Bankrap: Calon tidak boleh menjadi bankrap. Ini bermaksud mereka tidak boleh dinyatakan bankrap oleh mahkamah.
4. Tidak Dihukum Penjara: Calon tidak boleh dihukum penjara dengan hukuman melebihi satu tahun atau didapati bersalah di bawah undang-undang Malaysia atau undang-undang asing yang berkenaan.
5. Tidak Menyandang Jawatan Awam: Calon yang sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan awam (kerajaan) atau sebarang jawatan yang ditetapkan

oleh undang-undang sebagai jawatan yang tidak boleh diangkat sebagai calon, perlu melepaskan jawatan tersebut sebelum penamaan calon.

6. Deposit Penamaan Calon: Calon perlu membayar jumlah deposit yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) semasa penamaan calon. Deposit ini akan dikembalikan kepada calon jika mereka mencapai jumlah undi tertentu dalam pilihan raya.

Selain daripada kelayakan-kelayakan asas ini, calon juga perlu memenuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan pilihan raya tertentu, seperti memiliki sokongan penyokong dalam bentuk tandatangan pengundi berdaftar dalam kawasan pilihan raya yang mereka hendak bertanding. Calon yang memenuhi kriteria ini boleh mengemukakan permohonan untuk bertanding dalam Dewan Rakyat dan bersaing dalam pilihan raya umum (Parlimen Malaysia, 2021).

Dari segi perlembagaan, Malaysia adalah parlimen berbilang parti demokrasi. Sehingga akhir 2020, angka daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menunjukkan bahawa terdapat 67 parti politik yang berdaftar dan aktif dengan 21 lagi menunggu kelulusan. Walau bagaimanapun, dari keseluruhan jumlah yang berdaftar, hanya sedikit yang mendominasi (Velleymalay, 2019b; Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018; Mauro, 2015). Tambahan pula, bukan semua pihak berjalan secara individu; sebaliknya, parti kecil dan sederhana besar sejajar antara satu sama lain bagi membentuk gabungan politik yang lebih besar, dan kadangkala didaftarkan secara rasmi sebagai parti yang berasingan seperti Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) (Husin, 2020; Serra, 2016; Krueger, 2014; Park, 2013). Di Malaysia, parti politik adalah badan-badan yang diiktiraf dan berdaftar dengan Pendaftaran

Pertubuhan Malaysia (ROS) (Mohamad Razali & Mohd Nor, 2020). Menurut Mohamad Razali dan Mohd Nor (2020), ROS mempunyai peranan penting dalam mengawal selia pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. Justeru, parti-parti politik di Malaysia perlu mendapatkan pengiktirafan dan berdaftar dengan ROS serta tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Jika sesebuah parti politik tidak mematuhi peraturan ini, ia akan dianggap tidak sah dan melanggar undang-undang.

PRU14 pada dasarnya adalah persaingan antara tiga gabungan (Moniruzzaman & Farzana, 2018). BN telah ditubuhkan pada 1973 merupakan gabungan terbesar dan paling berkuasa di Malaysia. BN merupakan gabungan dari 13 parti komponen. BN dibentuk dengan gabungan *United Malays National Organization* (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA), *Malaysian Indian Congress* (MIC), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), *Sarawak United People's Party* (SUPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO), Parti Progresif Rakyat (myPPP), Parti Demokratik Progresif (PDP), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Bersekutu Sabah (PBS), dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) yang mewakili pelbagai etnik di Malaysia (Muhamad Takiyuddin & Sity 2016; Mujibu, 2012; Shleifer & Vishny, 1993). BN adalah parti yang berhaluan konservatif dan mewakili perpaduan antara kaum di Malaysia.

Pada PRU14 yang berlangsung pada tahun 2018, Pakatan Harapan (PH) merupakan sebuah parti politik gabungan utama yang memainkan peranan penting dalam saingan politik di Malaysia. PH terdiri daripada gabungan parti-parti politik seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), dan Parti Amanah Negara

(Amanah), Parti Warisan Sabah (WARISAN), serta menyokong Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang juga dikenali sebagai Parti Bersatu Malaysia (PPBM) (Mat Ali & Yusoff, 2022). Bersatu, juga dikenali sebagai PPBM, adalah parti politik yang didirikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas keluar daripada UMNO. Ia adalah salah satu parti yang menyokong PH dalam PRU14. Bersatu mengutamakan isu-isu seperti ketelusan, perubahan dalam pentadbiran kerajaan, dan pemulihan ekonomi. Ia mempunyai sokongan terutamanya di Semenanjung Malaysia. Di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, PH telah berjaya mengalahkan BN yang telah berkuasa selama lebih daripada enam dekad dan membentuk kerajaan persekutuan Malaysia. PH telah mencapai kejayaan besar dalam PRU14 dengan memenangi majoriti kerusi di Dewan Rakyat, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-7. Namun, parti politik ini telah mengalami perpecahan dan pergolakan politik yang menyebabkan perubahan dalam kepemimpinan kerajaan dalam tempoh yang singkat (Mohamad Zin, Md Zain & Abdullah, 2022).

Gabungan parti politik di PRU14 yang seterusnya adalah Gagasan Sejahtera yang ditubuhkan pada 2016 dan melibatkan kerjasama antara empat parti Islam (Funston, 2018; Khor, 2014; Flanagan & Lee, 2013). Ia dianggotai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA), dan Parti Cinta Malaysia (PCM). Gagasan Sejahtera bertanding dalam PRU14 dengan tujuan untuk memenangi kerusi-kerusi di Dewan Rakyat dan DUN. Bagaimanapun, parti politik ini tidak berjaya memenangi majoriti kerusi di peringkat persekutuan atau negeri. Gagasan Sejahtera mewakili alternatif politik yang berkisar di sekitar prinsip-prinsip Islam dan keadilan sosial. Selain daripada parti-parti

komponen, PRU14 menyaksikan 15 parti lain yang layak bertanding seperti Parti Cinta Sabah (PCS), Parti Rakyat Malaysia (PRM), Soliditari, Parti Bersama Malaysia (MU), Parti Harapan Rakyat Sabah (HR) dan lain-lain lagi (Moniruzzaman & Farzana, 2018). Mohamad Zin, Md Zain dan Abdullah (2022) berpendapat bahawa parti-parti politik ini memainkan peranan penting dalam sistem politik Malaysia dengan membentuk kerajaan di peringkat persekutuan atau negeri.

Menurut Mohd Rus, Mohd Rosli dan Johar (2021), sistem pilihan raya di Malaysia adalah sistem demokrasi parlimen yang terinspirasi oleh sistem Westminster dan mengamalkan prinsip pilihan raya majoriti mudah atau dipanggil “undian pemenang undi terbanyak (*First-Past-the-Post*, FPTP) di peringkat persekutuan dan negeri-negeri. Sistem FPTP merupakan salah satu jenis sistem pengundian majoritarian, iaitu mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak dalam sesuatu kawasan pilihan raya akan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan berkenaan (Siddiquee & Zafarullah, 2020).

Walau bagaimanapun, “undian pemenang undi terbanyak” mempunyai pelbagai kelemahan dan masalah, antaranya (Mohammad Agus, & Shah, Abdul Halim, 2019):

- a) Pengagihan perwakilan dalam Parlimen tidak mencerminkan pecahan jumlah undi yang diperolehi

Misalnya, dalam PRU13 pada tahun 2013, Barisan Nasional (BN) hanya memperoleh 47.38 peratus daripada jumlah undi di seluruh negara, tetapi ia memenangi sebanyak 59.91 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat; sedangkan Pakatan Rakyat yang memperoleh sebanyak 50.87 peratus undi pada masa itu hanya mendapat 40.09 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat. Amat jelas sekali,

pengagihan kerusi dalam Parlimen tidak selaras dengan taburan undi yang diperoleh parti-parti yang bertanding. Dalam PRU14 pula, jumlah peratusan undi yang diperoleh Pakatan Harapan adalah 47.92 peratus, tetapi memenangi sebanyak 54.5 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat; manakala Parti PAS yang mendapat 16.99 peratus daripada undi keseluruhan hanya memperoleh 8.1 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat.

b) Undi dibazirkan

Dengan mengambil contoh keputusan PRU-13, Pakatan Rakyat menang 40.09 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat dengan perolehan undi popular sebanyak 50.87 peratus. Ini bermakna bahawa lebih 10.0 peratus undi (bersamaan dengan 1.1 juta undi) telah dibazirkan. Jika kita ambil contoh senario yang boleh wujud di sesuatu kawasan pilihan raya: katakan dalam satu kawasan pilihan raya dipertandingkan oleh 2 orang calon (calon A dan B), daripada jumlah undi yang dibuang dalam peti undi, calon A mendapat sebanyak 51 peratus undi, manakala calon B mendapat 49 peratus undi, maka calon A akan menang kerusi yang mewakili sepenuhnya kawasan pilihan raya tersebut. Ini bermakna pilihan hampir separuh daripada pengundi di kawasan tersebut, iaitu 49 peratus pengundi yang mengundi untuk calon B, tidak ditunjukkan dalam parlimen. Ambil satu lagi contoh, katakan adanya 3 orang calon dalam suatu kawasan pilihan raya (calon A, B dan C), calon A mendapat 34 peratus undi, calon B mendapat 33 peratus undi dan calon C mendapat 33 peratus undi, maka calon A muncul sebagai pemenang dan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan pilihan raya tersebut, walaupun dia hanya memperoleh sokongan lebih sedikit daripada $\frac{1}{3}$ jumlah pengundi yang keluar mengundi. 66 peratus undi “dibazirkan” begitu sahaja dalam senario ini.

c) Mendorong pengundian secara taktikal yang tidak sihat untuk demokrasi

Dalam pertandingan pelbagai penjur, biasanya calon yang merupakan penyandang jawatan ataupun daripada parti yang lebih besar akan mempunyai kelebihan berbanding calon-calon yang lain. Oleh sebabnya wujud masalah berkemungkinan besar undi dibazirkan, maka akan mendorong pengundi untuk mengundi secara taktikal semasa pilihan raya, dan terpaksa mengundi calon yang bukan pilihannya. Pengundian secara taktikal bermakna dalam situasi pertandingan pelbagai penjur (melebihi 2 orang calon), pengundi akan membuat pertimbangan untuk mengundi calon yang mempunyai peluang yang lebih besar untuk menang, walaupun calon yang berpeluang besar untuk menang itu bukan pilihannya. Undi kepada mana-mana calon yang dianggap tidak berpeluang menang berkemungkinan akan “dibazirkan” ataupun tidak mendatangkan kesan kepada keputusan akhirnya.

Situasi memaksa pengundi untuk mengundi secara taktikal antara dua orang calon yang paling berkemungkinan untuk menang di bawah sistem FPTP, biasanya akan meminggirkan pandangan politik yang tidak tergolong dalam parti politik aliran utama. Pandangan yang berbeza daripada parti politik aliran utama akan dipinggirkan, dan suara pengundi yang menyokong pandangan politik sebegini juga tidak dapat didengar dalam Parlimen akibat daripada pengundian secara taktikal. Pengundian secara taktikal akan menafikan kewujudan kepelbagaian pandangan politik dalam Parlimen, sedangkan masyarakat kita pada hakikatnya wujud kepelbagaian dalam banyak aspek. Pengundian secara taktikal yang menyekat kepelbagaian politik ini tidak sihat untuk perkembangan sistem demokrasi di negara kita.

d) “*Gerrymandering*”.

Satu lagi masalah serius dengan sistem pilihan raya di negara kita yang mengamalkan FPTP adalah kecenderungan untuk parti pemerintah menggunakan kaedah “*gerrymandering*” bagi menambahkan peluangnya untuk menang lebih kerusi. Ini dilakukan setiap kali diadakan persempadanan semula, di mana sempadan kawasan pilihan raya dialihkan supaya boleh memasukkan penyokong parti pemerintah yang berlebihan di sesuatu kawasan pilihan raya ke dalam kawasan pilihan raya yang berjiranan. “*Gerrymandering*” juga dilakukan untuk mewujudkan lebih kawasan yang boleh dimenangi oleh parti pemerintah, sehingga menambahkan lagi majoriti kerusi parti pemerintah dalam Parlimen.

“*Gerrymandering*” akan menimbulkan keadaan taburan bilangan pengundi yang tidak sama rata, di mana akan wujudnya perbezaan bilangan pengundi yang ketara antara kawasan pilihan raya (Paldam, 2022; Amanullah & Eatzaz, 2017; Persson, Tabellini & Trebbi, 2013).

Antara kawasan Parlimen di negara kita, ambil contoh Bangi (P102) dan Putrajaya (P125). Kawasan Parlimen Bangi mempunyai jumlah pengundi sebanyak 178,790 orang; manakala kawasan Parlimen Putrajaya hanya mempunyai jumlah pengundi sebanyak 27,306 orang. Perbezaan pengundi di dua kawasan parlimen ini adalah sebanyak 151,484, lebih 5 kali ganda daripada jumlah pengundi di Putrajaya. Kawasan Parlimen Bangi mempunyai 6.5 kali ganda pengundi berbanding Putrajaya. Dalam erti kata lain, satu undi untuk seorang pengundi di Putrajaya mempunyai pemberat yang sama dengan undi

daripada 6.5 orang pengundi di Bangi. Ini telah melanggar sepenuhnya prinsip “satu orang, satu undi”.

Sementara itu, tinjauan literatur oleh Ayub, Mohamed Yusoff dan Yeon (2017) dan Reilly (2019) telah menilai sistem perwakilan berkadar (*proportional representation*) sebagai satu sistem pengundian yang boleh menggantikan sistem FPTP yang dilaksanakan di Malaysia pada masa ini. Menurut Ayub, Mohamed Yusoff dan Yeon (2017), sistem pilihan raya perwakilan berkadar mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding sistem FPTP. Sistem perwakilan berkadar akan memastikan taburan kerusi dalam dewan perundangan mencerminkan taburan perolehan undi setiap parti yang bertanding (Case, 2019).

Seperti yang diketahui, Malaysia tidak mengamalkan sistem perwakilan berkadar dalam pengundian untuk Dewan Rakyat (Parlimen Malaysia) atau Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri-negeri. Sebaliknya, Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya FPTP untuk memilih wakil rakyat di peringkat persekutuan dan negeri. Namun, kajian oleh Ayub, Mohamed Yusoff dan Yeon (2017) dan Reilly (2019) menyatakan terdapat beberapa elemen tertentu dalam sistem politik Malaysia yang mempunyai unsur-unsur perwakilan berkadar, seperti kawasan pilihan raya undi awam (PAR) dalam beberapa negeri dan sistem pengagihan kerusi tertentu dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak. Sebagai contoh, Malaysia mempunyai kawasan-kawasan pilihan raya undi awam (PAR) yang mengamalkan sistem pilihan raya yang lebih berkadar. Kawasan-kawasan ini dikenali sebagai "*mixed-member proportional representation*" (MMP) yang mencampurkan unsur-unsur pilihan raya majoriti mudah dengan pengagihan kerusi secara berkadar. Dalam kawasan-kawasan ini, pengundi mempunyai dua undi -

satu untuk calon individu dalam kawasan dan satu lagi untuk parti politik. Ia membolehkan parti politik yang tidak memenangi banyak kerusi individu untuk tetap mendapat perwakilan melalui kerusi berkadar. Selain itu, dalam pilihan raya negeri di Malaysia juga terdapat sedikit unsur perwakilan berkadar. Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang elektoral sendiri untuk mengagihkan kerusi-kerusi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri. Beberapa negeri seperti Sarawak mengamalkan sistem pengagihan kerusi yang lebih berbentuk berkadar berbanding dengan sistem majoriti mutlak. Ini bermaksud bahawa lebih daripada satu calon boleh dipilih dalam sesuatu kawasan pilihan raya, membolehkan pelbagai parti mendapat perwakilan.

Kajian yang dilakukan oleh Kapeli dan Mohamed (2015) menunjukkan jenis sistem perwakilan berkadar yang paling kerap digunakan ialah perwakilan berkadar mengikut senarai parti. Kelemahan dengan sistem perwakilan berkadar mengikut senarai parti adalah berkemungkinan perwakilan dalam dewan perundangan tidak mencerminkan perwakilan mengikut kawasan geografi (kerana sesuatu parti mungkin akan meletakkan semua calonnya dari kawasan pusat bandar); faktor calon tidak diambil kira jika menggunakan kaedah senarai-tertutup (kerana calon mana yang masuk ke dalam dewan perundangan ditentukan oleh senarai calon yang dibuat oleh sesuatu parti) (Kapeli & Mohamed, 2015). Selanjutnya, di dalam kajian seperti Habibullah, Din dan Hamid (2016) menunjukkan PSM mencadangkan Sistem Pengundian Campuran untuk menggantikan kaedah FPTP yang digunakan dalam sistem pengundian di Malaysia. Sistem Pengundian Campuran, ataupun dua undi untuk satu kawasan pilihan raya, menggabungkan kedua-dua sistem pengundian majoritarian dan sistem perwakilan berkadar.

Secara mudahnya, di bawah Sistem Pengundian Campuran (Bakar, Saleh & Mohamad, 2021; Chandler & Graham, 2010):

- a) Seorang pengundi akan diberi dua kertas undi: satu untuk memilih antara calon untuk mewakili kawasan, dan satu lagi untuk memilih parti.
- b) Wakil rakyat untuk kawasan boleh ditentukan melalui cara “undi pemenang undi terbanyak” (FPTP) dan membentuk sebahagian daripada perwakilan dalam dewan perundangan; sementara sebahagian lagi perwakilan ditentukan mengikut taburan undi yang diperoleh setiap parti dalam undi mengikut parti.
- c) Kaedah ini dapat membolehkan perwakilan mencerminkan undi yang diperoleh di samping memastikan adanya perwakilan dari kawasan geografik yang berlainan.

Terdapat dua jenis pilihan untuk Sistem Pengundian Campuran (Shabbir & Anwar, 2017; Fisman & Gatti, 2012):

Pilihan 1: Sistem Pengundian Selari (*Parallel Voting*)

Sistem Pengundian Selari adalah satu kaedah pilihan raya yang digunakan dalam beberapa konteks untuk membolehkan pengundi membuat lebih daripada satu pilihan dalam satu pilihan raya. Unsur perwakilan berkadar tidak begitu menonjol dalam sistem ini. Sistem ini digunakan di Itali, Korea Selatan, Jepun dan sebagainya.

Pelaksanaan di Dewan Rakyat:

- a) Separuh kerusi dipilih melalui undi mengikut kawasan parlimen, separuh kerusi dipilih melalui undi mengikut senarai parti.

- b) Wakil rakyat untuk kawasan parlimen ditentukan mengikut kaedah FPTP seperti yang sedia ada, manakala wakil rakyat daripada senarai parti ditentukan mengikut nisbah undi yang diperoleh.
- c) Kurangkan jumlah kerusi mengikut kawasan parlimen kepada 120, wujudkan 120 kerusi untuk senarai parti. Jumlah kerusi di Dewan Rakyat akan bertambah menjadi 240.
- d) Ambang batas (*threshold*) perolehan undi untuk mendapatkan kerusi dalam Dewan Rakyat melalui undi senarai parti ialah 1.0 peratus, iaitu mana-mana parti yang mendapat peratusan undi keseluruhan sebanyak 1.0 peratus atau lebih dalam undian senarai parti akan mendapat sekurang-kurangnya 1 kerusi dalam Dewan Rakyat.

Pilihan 2: Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli (*Mixed-member Proportional Representation*, MMP).

Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli adalah satu sistem pilihan raya yang menggabungkan elemen-elemen perwakilan berkadar dengan sistem pilihan raya majoriti mudah (FPTP) atau sistem serupa. Sistem ini akan lebih bersifat perwakilan berkadar berbanding Sistem Pengundian Selari. MMP digunakan dalam sistem pilihan raya di Jerman, Bolivia dan New Zealand.

Pelaksanaan di Dewan Rakyat:

- a) Jumlah kerusi yang dipilih melalui undian mengikut kawasan Parlimen dikurangkan kepada 120. Jumlah kerusi yang dipilih melalui undian mengikut senarai parti sekurang-sekurangnya 120 dan boleh diselaraskan

mengikut keadaan sehingga 180, iaitu jumlah kerusi maksimum dalam Dewan Rakyat adalah 300.

b) Ambil contoh, katakan adanya tiga parti bertanding untuk semua kerusi Parlimen, Parti A, B dan C:

- Dalam undian mengikut kawasan Parlimen (melalui kaedah FPTP di semua kawasan), Parti A menang 84 kerusi dan Parti B menang 36 kerusi, sementara Parti C tidak memenangi apa-apa kerusi.
- Dalam undian mengikut senarai parti pula, Parti A mendapat 40% undi, Parti B 40.0 peratus dan Parti C 20.0 peratus.
- Jika mengikut Sistem Pengundian Selari, pengagihan kerusi mengikut peroleh undi senarai parti adalah Parti A dapat 48 kerusi, Parti B dapat 48 kerusi dan Parti C dapat 24 kerusi, tetapi pengagihan kerusi keseluruhan tidak mencerminkan perolehan undi mengikut senarai parti yang sebenar (Parti A – 132 kerusi – 55.0%, B – 84 kerusi – 35.0%, C – 24 kerusi – 10.0%).
- Untuk mencapai pengagihan kerusi yang mengikut perwakilan berkadar yang lebih adil, pelarasan dilakukan terhadap pengagihan kerusi mengikut senarai parti dengan meningkatkan jumlah kerusi mengikut senarai parti kepada 160, di mana Parti A hanya dapat 28 kerusi, Parti B dapat 76 kerusi dan Parti C dapat 56 kerusi. Maka, jumlah kerusi dalam Dewan Rakyat bertambah kepada 280 kerusi dengan pengagihan kerusi akan menjadi lebih adil, iaitu Parti A – 112 kerusi – 40.0 peratus, Parti B – 112 kerusi – 40.0 peratus, dan Parti C – 56 kerusi – 20.0 peratus.
- Ambang batas (*threshold*) perolehan undi untuk mendapatkan kerusi dalam Dewan Rakyat ialah 1% daripada undi mengikut senarai parti.

Sistem pengundian perwakilan berkadar juga boleh digunakan untuk perlantikan Senator dalam Dewan Negara. Tidak perlunya wujud satu lagi kertas undi untuk tujuan ini. Pengagihan kerusi Dewan Negara boleh dibuat mengikut nisbah undi dalam kertas undi senarai parti (Quah, 2017; Pillay, 2004).

Dengan adanya undi mengikut senarai parti dalam Sistem Pengundian Bercampur, negara kita juga boleh mewujudkan sistem pembiayaan untuk parti politik dengan menggunakan dana kerajaan, di mana pengagihan dana kepada parti politik boleh disalurkan mengikut peratusan undi yang diperoleh dalam undian mengikut senarai parti (Jain, 2021; Herzfeld & Weiss, 2013; Knack & Azfar, 2013). Cadangan untuk pendanaan awam untuk parti politik adalah setiap undi kepada sesuatu parti dalam kertas undi mengikut senarai parti akan membolehkan parti berkenaan mendapat RM 10 setiap tahun sehingga pilihan raya seterusnya (Twizeyimana & Andersson, 2019).

Misalnya, jika sebuah parti (sama ada parti pemerintah ataupun parti pembangkang) mendapat jumlah 100,000 undi, maka ia layak mendapat RM 1 juta setiap tahun. Pada takat ini, terdapatnya hampir 15 juta pengundi yang berdaftar di Malaysia. Jikalau campur semua yang layak mengundi pun, negara kita adanya lebih kurang 19 juta orang pengundi yang layak (Beugre, 2020; Campante, Chor & Do, 2019). Jika semua pengundi membuang undi semasa pilihan raya umum, maka bermakna sebanyak RM 190 juta diperlukan sebagai peruntukan untuk semua parti politik yang layak setiap tahun. Ini dapat menghindarkan masalah penyaluran dana daripada korporat kepada parti politik yang mewujudkan budaya politik yang tidak sihat (Bakar, Saleh & Mohamad, 2011).

Perubahan terhadap sistem pengundian perlu dijadikan salah satu agenda utama dalam pembaharuan institusi di negara kita (Houston & Graham, 2021; Kristiansen & Ramil, 2016). Bagi Jones (2020) dan Kapeli dan Mohamed (2019), Malaysia memerlukan sistem pilihan raya yang lebih sempurna untuk memperdalamkan politik demokrasi supaya menjamin kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Oleh yang demikian, tinjauan literatur yang dilakukan ke atas kajian oleh Peschard (2016) dan Zaman, Atif, Shah, Ayub dan Farooq (2020) telah menyenaraikan beberapa perubahan penting yang boleh dilakukan terhadap sistem pilihan raya di Malaysia, antaranya:

- a) Gantikan sistem “undian pemenang undi terbanyak” (FPTP) dengan sistem pengundian yang lebih adil, iaitu Sistem Pengundian Bercampur, sama ada Sistem Pengundian Selari atau Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli.
- b) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bebas sepenuhnya.
- c) Kurangkan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun.
- d) Tempoh penamaan calon dipanjangkan.
- e) Tempoh minimum 21 hari untuk kempen pilihan raya. - Pendaftaran pengundi secara automatik (iaitu seseorang warganegara akan menjadi pengundi secara automatik apabila umurnya mencecah umur layak mengundi).
- f) Wujudkan kawasan pilihan raya untuk warganegara Malaysia yang menetap di luar negara, supaya warganegara yang menetap di luar negara juga boleh memilih wakil rakyat yang benar-benar dapat membawa suara mereka dalam Parlimen.

- g) Perbelanjaan kempen pilihan raya untuk semua parti dibiayai sepenuhnya melalui dana awam kerajaan (supaya membendung segala sumbangan dana daripada pihak korporat swasta).
- h) Akses kepada media massa yang sama rata untuk semua parti. Siaran debat perdana antara pemimpin semua parti yang bertanding.

Namun perlu dijelaskan, kajian oleh Mohamad Noor dan Awang Besar (2020) telah menyatakan bahawa pada 16 September 2019, Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun. Pindaan ini diberikan melalui Rang Undang-Undang Konstitusi (Pindaan) 2019 yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Dengan pemansuhan had umur mengundi, individu yang mencapai usia 18 tahun atau lebih sekarang berhak untuk mengundi dalam pilihan raya persekutuan dan negeri di Malaysia. Pemansuhan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun adalah satu perubahan penting dalam sistem pilihan raya Malaysia untuk meningkatkan penyertaan generasi muda dalam proses politik dan pilihan raya. Ia memberi peluang kepada golongan muda untuk melibatkan diri dalam menentukan arah politik negara.

Di samping itu, sistem pendaftaran pengundi secara automatik di Malaysia juga telah diperkenalkan untuk memudahkan pengundian dan meningkatkan penyertaan dalam proses pilihan raya. Ini membolehkan individu yang layak seperti yang mencapai usia 18 tahun dan memenuhi syarat-syarat lain seperti kewarganegaraan akan diambilkira sebagai pengundi tanpa perlu membuat permohonan secara aktif (Mohd Nizah & Mohamad Sharif, 2019). Prosedur pendaftaran pengundi secara automatik biasanya diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) atau pihak berkuasa pilihan

raya negeri. SPR akan mendapatkan senarai individu yang memenuhi syarat secara automatik daripada sumber data yang sah seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau agensi kerajaan yang lain. Setelah individu memenuhi syarat, mereka akan dimasukkan dalam senarai pemilih dan diberi kad pengundi yang akan membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya yang akan datang (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2023a).

Kini rasuah dan politik ibarat isi dengan kuku. Seakan-akan menjadi kelaziman dan trend terutamanya menjelang pilihan raya (Fayyad, 2022; Chung, 2022; Braun, 2014; Crouch, 1996). Walhal sebelum era kemerdekaan wujud tanpa anasir-anasir negatif seperti rasuah. Kajian demi kajian dijalankan bagi mencari jawapan kepada persoalan bagaimanakah rasuah bermula? Di manakah akar umbinya? Apakah punca, kesan dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya? Kajian oleh Jamaie (2004) membincangkan perihal tentang penglibatan sebuah parti politik. Penemuan dari hasil kajian menjurus kepada penglibatan parti-parti dan pemimpin-pemimpin politik dalam bidang perniagaan (Gbrich, 2017; Nwabuzor, 2015). Kesannya, gejala atau lebih tepat lagi virus rasuah ini sukar ditangani dan dibanteras sekiranya penglibatan mereka ini masih berterusan (Houston & Graham, 2021; Khan, 2018).

Ramai pemimpin dan ahli-ahli politik hari ini menceburi politik bukan dengan niat untuk memperjuangkan nasib rakyat. Politik dilihat sebagai satu medan atau platform yang boleh mendatangkan keuntungan dengan mudah, menaik taraf hidup dan jalan pintas untuk lebih dikenali (Agbibo, 2012; Nye, 2017). Setiap kali tiba pilihan raya, pelbagai janji manis ditaburkan untuk memancing sokongan dan perhatian. Bagi pihak yang pihaknya sukar untuk mendapat tempat, hadiah dan habuan lumayan turut

dijanjikan sebagai bonus sekiranya mereka berjaya (Budiman, Roan& Callan, 2013). Akibatnya, kekayaan negara diagihkan kepada kelompok tertentu dengan alasan menjaga kepentingan sesuatu kaum. Akhirnya amalan kronisme, nepotisme dan politik wang menjadi budaya (Marican, 2019).

“... perang melawan rasuah adalah peperangan rakyat, bukannya institusi kerajaan atau parlimen atau badan kehakiman. Kita mesti sedar bahawa rasuah ibarat barah yang boleh membunuh ekonomi dan politik negara. Rasuah boleh membunuh parti-parti politik dan menyebabkan krisis politik serta perampasan kuasa (Aziz, 2005)”.

Amalan rasuah tidak sepatutnya berlaku di negara ini kerana lebih daripada 50.0 peratus penduduknya beragama Islam. Tetapi masalahnya kebanyakan mereka yang terlibat dengan rasuah merupakan orang beragama Islam.

“... rasuah adalah suatu gejala yang jahat, tetapi dia juga faham, bagi rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, memasuki perkhidmatan kerajaan adalah satu cara paling mudah untuk membuat duit, dan mereka pun tahu antara mereka nanti ada yang akan ditendang keluar dalam pilihan raya setiap lima tahun, jadi mereka terima rasuah dan jadi korup (Ismail, 2005)”.

Justeru itu, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009 bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah dan Aspirasi 2010 dilihat dapat menjadi wadah dan penawar untuk menghapuskan gejala dan virus ini dari terus membiak di Malaysia (Caelli, Ray & Mand, 2013). Selain itu, penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institusi Integriti Malaysia diharap dapat membantu SPRM untuk memastikan ketelusan dan kejujuran dalam pentadbiran negara (Shah & Schacter, 2014).

Perubahan semasa di seluruh dunia juga memperlihatkan kesedaran global untuk memerangi rasuah dengan termeterainya “*United Nation Convention against Corruption*” (UNCAC) yang dimeteraikan pada tahun 2003 (Vellymalay, 2019a; Ades & Di Tella, 2019). Konvensyen ini merupakan manifestasi di peringkat global yang menolak dan menuntut setiap negara pejanji yang meratifikasikan konvensyen ini untuk memerangi rasuah di negara masing-masing dengan menerima pakai pendekatan-pendekatan yang dipersetujui dalam Konvensyen tersebut. Malaysia merupakan salah sebuah negara pejanji kepada konvensyen tersebut (Case, 2017).

Implikasi dan Kesan Rasuah dalam Politik

a) Terhakisnya Keadilan

Apabila sumber ekonomi seperti hak memperoleh tender dimonopoli oleh hanya sekumpulan pihak yang mampu memberi ‘sogokan’ atau mereka yang mempunyai kepentingan tetapi tidak menunaikan tanggungjawab dan tidak memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tugas, akibatnya rakyatlah yang terpaksa menanggung padah. Menurut sumber daripada Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya, sebanyak 85.37 peratus projek yang dilaksanakan oleh segelintir kontraktor bumuputera mengalir kepada kaum lain. Isu ketirisan projek ini telah mendapat liputan meluas dan reaksi hangat khususnya kepada mereka yang tertindas. Rasuah dilakukan melalui ‘kabel politik’ dan ‘orang dalam’ di jabatan-jabatan yang berkaitan (Case, 2017).

b) Melemahkan Sistem Pentadbiran

Sistem pentadbiran negara tidak akan berfungsi dengan baik kerana wujudnya saluran lain selain sistem tersebut. Sistem pentadbiran dirangka bagi

melicinkan perjalanan sesuatu urusan tetapi disebabkan peranan ‘orang dalam’ atau ‘orang tengah’ sistem yang sepatutnya memberi hasil terbaik dalam sesuatu perkhidmatan itu gagal berfungsi apabila rasuah dan sogokan menjadi perantara (Othman, Shafie & Abdul Hamid, 2014).

c) Nasib Rakyat Menjadi Taruhan Bukan Perjuangan

Rasuah bukan sahaja menjejaskan kemajuan sesebuah negara bahkan mempertaruhkan nasib rakyat dalam negara tersebut. Ini dapat dilihat sewaktu kempen meraih undi dalam pilihan raya. Janji dan habuan menjadi mainan namun setelah berlaku pilihan raya, janji tinggal janji. Yang menjadi mangsa adalah rakyat setempat (Tan Abdullah & Tee Abdullah, 2016).

d) Amanah Bukan Lagi Pegangan

Hilangnya amanah di dalam sesuatu urusan kerana mereka bukan lagi berkhidmat atas dasar amanah yang dipertanggungjawabkan, tetapi kerana manfaat yang boleh diraih dengan jawatan yang dimiliki (Najih & Wiryani, 2020).

e) Melahirkan Pemimpin yang Tidak Berkualiti

Sekiranya rasuah tidak dicegah, maka akan wujud satu negara yang dipimpin oleh mereka yang bukan sahaja mementingkan diri sendiri malahan melahirkan insan-insan yang tidak berkualiti. Realitinya, akibat gejala rasuah, sesebuah negara yang maju dan pesat membangun sekalipun tidak mungkin bertahan sehingga akhirnya tumbang menyembah bumi. Rakyat tiada lagi dahan untuk bergantung dan hilang bumbung untuk berteduh (Mohd Fuad & Junaidi, 2012).

Rasuah politik dan politik wang memberikan kesan yang memudaratkan kepada negara (Ksenia, 2018; Olowu, 2017). Politik wang sering menjadi titik permulaan

kitaran jahat dan dahsyat rasuah dalam sebuah masyarakat (Ksenia, 2018; Creswell, 2017). Kerosakan yang berpunca daripada rasuah politik termasuk:

- a) Menolak ansur/mengkompromikan kualiti kepimpinan
- b) Mewujudkan persaingan yang tidak adil di kalangan parti-parti dengan memihak calon-calon yang mempunyai akses kepada sumber-sumber yang lebih banyak. Hak warganegara untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam masyarakat dinafikan.
- c) Mengancam prinsip kesamarataan dengan membenarkan mereka yang memegang kuasa ekonomi untuk menikmati pengaruh politik yang lebih besar.
- d) Melencongkan/mengalihkan sumber awam kepada peribadi.
- e) Menyebabkan ketirisan dalam dana pembangunan persekutuan yang menghalangnya daripada sampai ke peringkat akar umbi. Ini meningkatkan ketidaksamarataan pendapatan.
- f) Mengurangkan keupayaan pentadbiran negeri.
- g) Menggugat tanggung pembangunan, hak asasi manusia individu dan rangka undang-undang yang dihasratkan untuk melindungi mereka. Adalah penting untuk kerajaan bertindak cepat bagi menghentikan kerosakan yang boleh berlaku kepada negara disebabkan rasuah politik.

Masyarakat Malaysia sudah terlalu lama bertolak ansur dengan rasuah. Kita telah menikmati saat-saat indah dan kita sering memiliki sikap toleransi “tak apa” terhadap rasuah (Kristiansen & Ramil, 2016). Kita menerima bahawa adalah tidak menjadi kesalahan untuk seseorang itu terlibat dalam rasuah asalkan kita sendiri memperoleh sesuatu atau merasa selesa (Khan, 2018; Nye, 2017). Justeru itu kita sering menutup mata terhadap perlakuan rasuah politik dalam semua bentuk, dan tidak mengendahkan

soal kurangnya akauntabiliti dan urus tadbir dalam urusan menerajui sumber negara, asalkan pemimpin politik berupaya memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat, meskipun tidak sebanyak mana atau tidak setimpal sekalipun berbanding dengan ketirisan yang berlaku (Schedler, 2022).

Akhirnya, kekaburan dalam pemerolehan kerajaan dan pemberian lesen dan konsesi dan bentuk-bentuk naungan politik yang lain menambahkan beban pembayar cukai dan orang awam (Olowu, 2017; Leff, 2014; Husin, 2001). Pada tahun 2008, Bank Dunia menganggarkan bahawa rasuah di Malaysia boleh menelan belanja sehingga RM10 bilion setahun. Ianya bertambah serius apabila Ketua Audit Negara melaporkan pada tahun 2009 bahawa RM28 bilion telah dibazirkan dalam pemerolehan kerajaan dalam tahun yang sebelumnya. Ini diterjemahkan kepada kos kehidupan lebih tinggi dan sistem penyampaian yang tidak cekap. Keadaan menjadi bertambah serius apabila ia melindungi kepentingan orang yang begitu berpengaruh yang menyalahgunakan kuasa mereka. Begitu juga, institusi penguatkuasaan boleh dikenakan pengaruh tidak wajar supaya bertindak mengikut cara yang berkompromi dengan kebebasan dan profesionalisme mereka. Perkara ini boleh menimbulkan keadaan yang mengecewakan yang seterusnya menjadi satu ciri sebuah negara yang gagal (Schedler, 2022).

Pada tahun 2003 dan 2004, *Transparency International* (TI) dan Gallup International telah mengenal pasti bahawa parti politik merupakan institusi paling banyak terlibat dalam rasuah, di tiga daripada empat buah negara yang dikaji selidik. Begitu juga, dalam laporan Barometer Rasuah Global TI (GCB) 2009 mengenai persepsi masyarakat Malaysia tentang integriti sektor institusi, kira-kira 42.0 peratus responden

menyatakan pandangannya bahawa parti politik adalah kelompok paling rasuah (Case, 2017; Rose-Ackerman, 2016). Sesungguhnya adalah amat membimbangkan jika ahli politik yang terpilih untuk berkhidmat kepada orang awam dilihat bersikap rasuah (Abdullah, 2008).

Sehubungan dengan itu, fenomena politik wang adalah satu isu yang penting dalam politik Malaysia yang memerlukan pemantauan dan peningkatan dalam ketelusan dan pematuhan undang-undang (Wei, 2021). Ini kerana semakin bertambahnya keprihatinan mengenai seriusnya fenomena politik wang dan bahaya sebenar perkara berkenaan dalam meruntuh dan memusnah keyakinan awam terhadap proses demokrasi (Gomez, 2012). Wei (2021) menjelaskan fenomena politik wang merujuk kepada penggunaan wang atau sumber kewangan sebagai cara untuk mempengaruhi proses politik, terutamanya dalam pilihan raya. Fenomena ini boleh melibatkan pelbagai aktiviti, termasuk sumbangan kewangan kepada parti politik atau calon, pengeluaran wang untuk kempen politik, dan sebagainya.

Tidak syak lagi, terhakisnya kepercayaan rakyat terhadap legitimasi kerajaan, dan implikasi yang berlaku ke atas institusi utama yang mendukung prinsip urustadbir yang demokratik, mendatangkan akibat yang dahsyat, seperti yang dinyatakan ahli sains politik, Noraini Othman:

“... pada masa ini sistem pilihan raya sedang berhadapan dengan suatu krisis kebolehpercayaan dan kecuali sesuatu dilakukan dengan cepat untuk menangani terhakisnya keyakinan orang awam, sistem pilihan raya dan legitimasi politik yang sangat diperlukan, yang menjadi sandaran kerajaan untuk mewajarkannya berada dalam bahaya tekanan teruk. Mengkompromikan punca atau memperkecilkan kebarangkalian kelegitimiannya sendiri adalah sesuatu yang tidak ada kerajaan atau pihak berkuasa yang

memerintah mampu memikirkan atau mahu memikir-mikirkannya dengan tenang”.

Peranan institusi dan politik pilihan raya dalam memastikan demokrasi perwakilan perlu diperkukuh bagi mengelakkan trajektori ke bawah daripada menjadi ramalan memuaskan hati sendiri. Hanya melalui usaha gigih agenda ini pilihan raya bebas dan adil dengan penyertaan aktif warganegara dalam proses politik dapat dipastikan. Bagi mewujudkan suasana suatu persekitaran demokratik yang sihat, adalah penting untuk memastikan bahawa keadaan persekitaran yang kondusif untuk satu aras medan permainan dalam arena politik dikekalkan (Park & Kim, 2020).

Sumber kewangan adalah perlu bagi parti-parti politik dan calon-calon berfungsi dengan berkesan dalam sistem demokrasi moden. Akan tetapi, wang dalam politik boleh menimbulkan risiko rasuah yang serius terhadap kualiti kerajaan dan demokrasi. Wang boleh mengganggu prinsip demokrasi mengenai persaingan yang adil dalam pemilihan dan menggugat perwakilan politik yang betul. Masalah timbul apabila organisasi-organisasi yang mempunyai agenda persendirian menyediakan dana rahsia yang besar kepada parti-parti politik atau calon-calon dan mengharapkan sesuatu sebagai balasan, mengkompromikan kualiti kerajaan (Siddiquee, 20110).

Transparency International-Malaysia (TI-M) mula menjalankan penyelidikan mengenai kedudukan pembiayaan politik di Malaysia dari 2009-2010. Penyelidikan tersebut mengandungi wawancara dengan ahli-ahli politik yang lepas dan yang sekarang seperti Tun Dr Mahathir Mohamed dan YM Tengku Razaleigh Hamzah dan kajian-kajian dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), ahli-ahli politik, ahli-

ahli akademik, penganalisis politik, syarikat-syarikat, masyarakat sivil, wartawan, pelajar universiti dan masyarakat awam. TI-M telah juga menganjurkan bengkel pensahihan, perbincangan meja bulat, dan persidangan kebangsaan dan juga perundingan peringkat negeri mengenai reformasi dalam pembiayaan politik di Malaysia. Penyelidikan tersebut sampai ke kemuncaknya dengan kelahiran buku berjudul “*Reforming Political Financing in Malaysia*” dan “Reformasi Pembiayaan Politik di Malaysia” yang berfungsi sebagai panduan mengenai reformasi pembiayaan politik di Malaysia (Ismail, 2018).

Secara amnya, sebuah parti politik memerlukan wang sebagai pendanaan untuk tujuan pilihan raya termasuk aktiviti-aktiviti parti politik yang lain seperti pendidikan, analisis polisi, latihan dan lain-lain. Semasa pilihan raya parti politik memerlukan jumlah dana yang banyak untuk menbiayai kempen pilihan raya, seperti perbelanjaan calon, pusat operasi kempen, poster dan media massa dan elektronik (Jain, 2021). Kebiasaanya kesemua kos-kos tersebut dibiayai dengan yuran keahlian, derma politik, makan malam untuk mendapatkan dana, penjualan buku dan juga dana daripada calon pilihan raya sendiri. Seiring dengan kenaikan kos sara hidup yang lain, kos untuk parti politik juga bertambah dan untuk menjalankan kempen pilihan raya memerlukan dana yang lebih daripada biasa. Persaingan untuk mendapatkan jawatan dan memenangi pilihan raya menjadikan kosnya melambung tinggi. Dalam proses ini, wujudnya politik wang (Manan et al, 2022).

Menurut Teh (2002) beliau merujuk politik wang sebagai wang haram yang diterima oleh parti politik. Di dalam konteks Malaysia, beliau merujuk politik wang sebagai menggunakan wang, hadiah, barangan berharga, kontrak untuk membeli undi dan

sokongan dan kebiasaanya berlaku semasa kempen pilihan raya. Politik wang dirujuk sebagai rasuah politik apabila ahli politik menerima wang haram daripada individu, ahli perniagaan, atau golongan kaya yang meminta sesuatu sebagai timbal balik. Kebiasannya mereka meminta kontrak perniagaan kerajaan dan juga kontrak perniagaan usahasama sebagai balasan (Teh, 2002).

Menurut TI-Malaysia, penggunaan wang di dalam politik tidak dipantau oleh intuitusi kerajaan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ianya juga tidak dipantau dengan ketat oleh parti-parti politik (Bosco, 2016; Adak, 2015). Sebagai kesannya, ia akan menyebabkan pemilihan pemimpin yang bakal memimpin parti dan negara akan terjejas. Sebagai contoh, pemimpin yang berkaliber tetapi tidak mempunyai dana politik yang banyak akan tewas kepada pemimpin yang kurang ciri-ciri kepimpinan tetapi mempunyai pendanaan yang banyak. Akibatnya negara akan ditadbir oleh pemimpin yang tidak kompeten dan bakal menjerumuskan negara kepada keadaan tidak menentu (Ufen, 2015).

Lantaran itu, untuk kita membezakan diantara wang politik dan politik wang adalah amat penting kerana wang dalam politik amat signifikan untuk kelangsungan parti politik tersebut (Leff, 2014; Vinod, 2013). Wang politik dirujuk sebagai wang yang diterima dengan jalan sah seperti yuran keahlian, derma politik yang tidak meminta balasan, sumbangan daripada orang perseorangan untuk parti, dan dana yang diperolehi daripada majlis-majlis makan malam untuk tujuan pendanaan. Wang politik sangat penting untuk ahli politik bagi memastikan penyokong-penyokongnya dapat digerakkan semasa kempen pilihan raya (Jalles, 2020; Mauro, 2018). Jika hanya menggunakan wang persendirian dan sumbangan daripada parti, ianya tidak

mencukupi. Kerana sebagai ahli politik kehidupan seharian mereka adalah dikelilingi oleh ahli parti dan penyokong-penyokong (Case, 2015).

2.4.1 Definisi Pembiayaan Politik dan Pembiayaan Politik di Malaysia

Takrif pembiayaan politik cenderung untuk terbatas hanya kepada pendanaan parti-parti dan kempen pilihan raya (Maryville, 2022; Lio, Liu, & Ou, 2021). Pinto-Duschinsky, seorang akademik Amerika Syarikat, mencatatkan bahawa menurut takrif paling sempit, pembiayaan politik dilihat sebagai “wang untuk kegiatan berkempen”, tetapi menambah bahawa ia termasuklah pengumpulan dana untuk aktiviti-aktiviti parti dan calon untuk melaksanakan tugas-tugas politik mereka seperti kos menyenggarakan pejabat-pejabat, menjalankan penyelidikan dasar, mengendalikan undian dan pendidikan politik, menjalankan pengiklanan kempen mengenai dasar-dasar mereka, dan mengerahkan pengundi semasa pilihan raya (Zeilig, 2018).

Rajah 2.1 memberikan suatu penunjuk mengenai sumber-sumber pendapatan patut dan tidak patut seseorang calon dan sesebuah parti dan perbelanjaannya semasa kempen pilihan raya (Dinwoodie, 2021; Huntington, 2018). Ia juga memberi contoh membalas budi oleh parti dan calon yang terpilih, suatu petanda bahawa pendedahan sumber dana adalah imperatif dalam pembiayaan politik (Mo, 2021). Pembiayaan berlebih-lebihan oleh golongan perniagaan atau aliran wang dari sumber-sumber yang menyalahi undang-undang boleh membawa kepada pembayaran balik hutang kempen kepada menggalakkan rasuah. Sebab-sebab utama mengapa seseorang individu atau firma memberikan dana politik adalah, pertama, untuk menyokong sesuatu ideologi atau ideal tertentu (Ruitenberg, 2020).

Umpamanya, firma-firma persendirian diketahui gemar memberikan dana kepada parti yang memperakukan dasar neo-liberal yang memperjuangkan campur tangan yang sedikit daripada kerajaan dalam ekonomi. Sebab kedua pemberian dana kepada parti-parti ialah apa yang telah diistilahkan sebagai faktor “kewangan” yang membabitkan suatu percubaan untuk memperoleh manfaat material, seperti kontrak atau lesen, daripada kerajaan. Sebab ketiga ialah “sosial”, berkaitan dengan percubaan oleh individu-individu untuk mendapat akses kepada kerajaan atau memperoleh penghormatan orang awam. Sebab-sebab ini menunjukkan dengan yakin bahawa sumber-sumber dana sesebuah parti boleh menentukan atau secara aktif membentuk dasar-dasar awam dan perundangan, dan juga mempengaruhi cara pengagihan konsesi kerajaan (McMullan, 2021; Gomez, 2019; Tirole, 2016).

Dalam konteks politik di Malaysia, pembiayaan politik merujuk kepada kewangan yang diperlukan untuk menyokong aktiviti-aktiviti politik seperti kempen pilihan raya, operasi parti politik, dan aktiviti-aktiviti politik lain (Dettman, 2019). Menurut Yusof, Mohamad, Nizar dan Karim (2017), ia adalah aspek penting dalam sistem politik Malaysia, tetapi juga merupakan isu yang mencabar yang memerlukan peraturan dan pemantauan yang cermat. Terdapat beberapa aspek utama dalam pembiayaan politik di Malaysia (Dettman, 2019; Yusof, Mohamad, Nizar & Karim, 2017):

1. Sumber Pembiayaan:

- Sumbangan Individu: Pembiayaan politik di Malaysia sering bergantung kepada sumbangan individu yang boleh memberi sumbangan wang secara sukarela kepada parti politik atau calon politik.

- Sumbangan Syarikat: Syarikat-syarikat di Malaysia juga dibenarkan memberikan sumbangan kewangan kepada parti politik. Walau bagaimanapun, had dan peraturan mengenai sumbangan syarikat telah diubah dan diperketat untuk memastikan kewangan politik yang lebih telus.
- Dana Awam: Dana awam adalah sumbangan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada parti politik yang mendapat sokongan dalam Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Sumbangan ini adalah sebahagian daripada pembiayaan rasmi parti politik.

2. Peraturan Pembiayaan Politik:


- Di Malaysia, terdapat beberapa undang-undang dan peraturan yang mengawal pembiayaan politik, seperti Akta Perhubungan Antara Parti Politik 1974 dan Akta Pertubuhan 1966. Peraturan ini termasuk had sumbangan individu, penggunaan dana awam, dan pelaporan kewangan.
- Peraturan yang lebih ketat telah dikenakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk memastikan pembiayaan politik yang lebih telus dan mengelakkan pengaruh wang yang besar dalam politik.

3. Ketelusan dan Pelaporan:

- Parti politik di Malaysia dikehendaki untuk mengemukakan laporan kewangan secara berkala kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan Biro Perhubungan Antarabangsa dan Pembiayaan (BPR). Laporan ini perlu menyatakan jumlah sumbangan dan sumber pembiayaan.

- Ketelusan dalam pembiayaan politik adalah penting untuk membolehkan pengawasan oleh pihak berkepentingan dan awam, serta untuk memastikan pematuhan undang-undang.

Pembiayaan politik di Malaysia adalah isu yang penting dalam sistem politik negara ini. Matlamat utama adalah untuk memastikan bahawa pembiayaan politik adalah telus, konsisten dengan undang-undang yang berlaku, dan tidak memberi peluang kepada pengaruh yang tidak sepatutnya dalam proses politik. Peraturan dan pematuhan terhadap undang-undang yang ketat adalah penting untuk memastikan pembiayaan politik yang adil dan demokratik.



Rajah 2.2 Bagaimana Wang Mempengaruhi Politik

Sumber: *International Institute for Democracy and Electoral Assistance*

2.5 Pilihan Raya dan Demokrasi

Secara ringkasnya, terdapat dua jenis pilihan raya di Malaysia iaitu pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Pilihan raya umum diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan atau terbubar sendiri selepas tamat tempoh 5 tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2023b). Pilihan Raya Kecil pula berlaku untuk mengisi kekosongan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di luar jangka disebabkan oleh:

- i. Kematian
- ii. Perletakan jawatan
- iii. Hilang Kelayakan
- iv. Pembatalan keputusan pilihan raya oleh Mahkamah Pilihan Raya

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2023b) menjelaskan bahawa perjalanan PRU di Malaysia melibatkan lima fasa yang berkaitan dengan persediaan, kempen, pengundian, dan penentuan hasil. Berikut adalah penerangan mengenai fasa-fasa utama PRU di Malaysia:

1 Fasa Persediaan:

- **Penamaan Calon:** Pada permulaan, parti-parti politik perlu menamakan calon-calon mereka untuk bertanding di kawasan-kawasan pilihan raya. Ini melibatkan proses pemilihan calon dan pengemukakan nama-nama mereka kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).
- **Pendaftaran Pengundi:** Warganegara yang mempunyai kelayakan untuk mengundi perlu mendaftar sebagai pengundi. Pendaftaran pengundi boleh dilakukan secara manual atau dalam talian.

- Penentuan Sempadan Pilihan Raya: SPR akan menentukan sempadan kawasan-kawasan pilihan raya untuk Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN) berdasarkan jumlah pengundi yang sedia ada. Ini adalah proses penting yang memastikan bahawa setiap kawasan mempunyai bilangan pengundi yang seimbang.

2 Fasa Kempen:

- Bermula Kempen: Setelah penamaan calon dan penentuan sempadan selesai, kempen pilihan raya dimulakan. Parti-parti politik dan calon-calon akan mengadakan ceramah-ceramah, perjumpaan awam, dan menggunakan pelbagai alat komunikasi seperti poster, bendera, dan media sosial untuk menyampaikan mesej mereka kepada pengundi.
- Perbincangan Isu-isu: Semasa kempen, parti-parti politik akan memfokuskan perbincangan kepada isu-isu utama seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, rasuah, dan lain-lain. Ini adalah peluang untuk mereka menyuarakan dasar-dasar mereka kepada pengundi.
- Pengumpulan Dana: Kempen pilihan raya juga melibatkan pengumpulan dana untuk menampung perbelanjaan kempen seperti iklan, ceramah, dan bahan-bahan promosi.

3 Fasa Pengundian:

- Pengundian Awal: Malaysia memperkenalkan pengundian awal yang membolehkan pengundi yang tidak dapat hadir pada hari pilihan raya mengundi lebih awal. Pengundian awal ini dilakukan di pusat pengundian awal yang ditetapkan oleh SPR.
- Hari Pilihan Raya: Hari pilihan raya adalah hari di mana pengundi yang mempunyai kelayakan untuk mengundi akan ke pusat pengundian awam untuk

mengundi. Pengundi akan mengundi secara rahsia dan mendapatkan salinan rasmi kertas undi yang akan diletakkan dalam peti undi.

- Pengiraan Undi: Selepas pengundian tamat, peti undi akan dibuka dan undi akan dikira oleh pegawai pilihan raya. Hasil pengundian akan diumumkan secara rasmi selepas pengiraan selesai.

4 Fasa Penentuan Hasil:

- Penentuan Keputusan: Keputusan pilihan raya akan ditentukan berdasarkan undi yang diperoleh oleh calon-calon di setiap kawasan pilihan raya. Calon yang memenangi undi terbanyak dalam kawasan mereka akan menjadi wakil rakyat atau ahli DUN.
- Penubuhan Kerajaan: Jika parti atau koalisi parti politik memenangi majoriti kerusi di Dewan Rakyat (parlimen), pemimpin parti tersebut biasanya akan dilantik sebagai Perdana Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong. Di peringkat negeri, pemimpin parti yang memenangi majoriti kerusi DUN akan dilantik sebagai Ketua Menteri.

5 Fasa Selepas Pilihan Raya:

- Pembentukan Kabinet: Selepas dilantik sebagai Perdana Menteri, pemimpin parti yang memenangi pilihan raya di peringkat persekutuan akan membentuk kabinet dengan ahli-ahli kabinet yang bertanggungjawab untuk pelbagai portofolio kerajaan.
- Pemantauan dan Perlembagaan: Rakyat Malaysia akan mengawasi tindakan kerajaan yang baru terbentuk dan melibatkan diri dalam proses politik. Perlembagaan Malaysia juga akan terus menjadi rujukan penting dalam proses kerajaan.

Jelaslah, perjalanan PRU di Malaysia adalah proses yang melibatkan beberapa fasa yang penting dalam proses demokrasi negara ini. Setiap fasa memainkan peranan penting dalam menentukan pemimpin dan kerajaan yang akan menguruskan negara untuk tempoh masa tertentu.

Sistem pilihan raya Malaysia sentiasa berbilang parti. Tetapi dalam amalan, ia tidak pernah sampai ke situ (kecuali untuk tempoh yang singkat pada tahun 2016). Dari kemerdekaannya pada 1957 hingga Februari 2008, sistem pilihan raya Malaysia boleh dicirikan sebagai “autoritarianisme pilihan raya” (Schedler, 2006). Schedler ini menerangkan:

“...rejim autoritarian pilihan raya memainkan permainan pilihan raya berbilang parti dengan mengadakan pilihan raya biasa untuk ketua eksekutif dan dewan perundangan negara. Namun mereka melanggar prinsip kebebasan dan keadilan liberal-demokratik dengan begitu sengit dan sistematik untuk menyampaikan instrumen pilihan raya pemerintahan autoritarian dan bukannya instrumen demokrasi...”

Democracy Reporting International (2012) menegaskan yang pilihan raya merupakan inti kepada demokrasi. Rakyat boleh memilih individu untuk mewakili mereka ketika pilihan raya. *UN Human Rights* (2012) berkata rakyat perlu diberi hak untuk terlibat dengan pilihan raya sama ada untuk mengundi atau bertanding.

Antara perkara utama yang dikaitkan dengan demokrasi dan pilihan raya adalah parlimen. Elemen demokrasi yang disenaraikan OPPD termasuk isu berkaitan fungsi parlimen, pembahagian kuasa, kedaulatan undang-undang, sistem kepartian dan organisasi politik, ketelusan dan akauntabiliti (*Democracy Reporting International*, 2012).

Parlimen berfungsi menggubal dan meluluskan dasar yang memberi kepentingan umum. Ahli Dewan Rakyat merupakan mereka yang diundi untuk menjadi wakil rakyat pada pilihan raya. Menurut Parlimen (12 Mac 2020), sistem perwakilan ini turut dikenali sebagai demokrasi tidak langsung. Pilihan raya memainkan peranan penting dalam demokrasi kerana melalui pilihan raya, kerajaan yang sah ditubuhkan. Selain itu, demokrasi turut membenarkan setiap warganegara yang layak untuk memilih mereka yang disukai untuk mewakili mereka ke peringkat pembuat dasar (*Democracy Reporting International*, 2012). Pilihan raya membolehkan parti yang menang membentuk kerajaan dan pihak kalah sebagai pembangkang. Dengan adanya pembangkang, semak dan imbang pentadbiran kerajaan dapat dilakukan.

Walaupun demokrasi ada kerajaan dan semak imbang oleh kerajaan, ia juga ada kelemahannya. Ini kerana di dalam sistem demokrasi, rakyat tidak dapat mengawal tindakan kerajaan secara langsung (Johari, 2019). Ini mengakibatkan jika berlaku salah kuasa oleh kerajaan, rakyat tidak berkuasa penuh menghalangnya. Kuasa penuh yang ada pada rakyat adalah pada pilihan raya. Walaupun rakyat berkuasa penuh memilih kerajaan pada pilihan raya, kemungkinan berlaku perubahan-perubahan dasar atau undang-undang yang telahpun memberi kesan kepada kepentingan umum (Sani & Azizuddin, 2014).

Oleh kerana itu, Bjornlund dan Bjornlund (2004) menegaskan bahawa pentingnya pilihan raya dilaksanakan secara adil, bebas, dan bersistematik. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah membentangkan beberapa elemen yang patut ada di dalam demokrasi, termasuk pilihan raya tetap yang bebas dan adil, sistem parti dan organisasi politik yang

pluralistik, pengagihan kuasa, kemerdekaan, keadilan, ketelusan dan akauntabiliti dalam awam, serta pentadbiran dan media yang bebas (PBB, 2019). Ini sepatutnya menjadi perhatian kerana pilihan raya merupakan asas kepada sistem demokrasi itu sendiri. Menurut PBB (2019), berdasarkan kepada prinsip demokrasi, rakyat berhak mengundi pemimpin yang dianggap layak oleh mereka. Umumnya, demokrasi merupakan kuasa dan keputusan rakyat dan pilihan raya membuka jalan kepada demokrasi. Melalui pilihan raya, rakyat dapat mengundi wakil mereka dan memberi punca kuasa kepada kerajaan yang dibentuk.

Di Malaysia, istilah “politik wang” digunakan untuk memerihalkan pembelian undi semasa pemilihan parti dan pilihan raya umum (Nye, 2017; Paunov, 2016; Mauro, 2015). Ia juga merujuk kepada pengagihan kontrak, lesen, saham, dana pembangunan dan manfaat-manfaat lain (Méon & Weill, 2020). Politik wang boleh juga berupa naungan politik dan penyalahgunaan kuasa yang membabitkan pilih kasih, nepotisme, dan percanggahan kepentingan dalam pemberian konsesi kerajaan. Sebagai tambahan, frasa “politik wang” biasanya digunakan untuk memerihalkan perkaitan antara politik dengan perniagaan, suatu konsep yang menyatakan perkaitan antara politik dengan perniagaan, khususnya pemilikan entiti korporat oleh parti, kawalan secara langsung dan tidak langsung ke atas syarikat-syarikat oleh ahli-ahli politik dan parti-parti politik, dan campur tangan langsung dan tidak langsung parti-parti politik dan ahli-ahli politik dalam sektor korporat (D’Agostino, Dunne & Pieroni, 2022; Murphy, Shleifer & Vishny, 2013).

Sesetengah daripada kebimbangan yang diungkapkan terhadap pembiayaan parti-parti politik di Malaysia termasuklah (Ibrahim, Abdullahi, Azman-Saini & Rahman, 2017; Knack & Keefer, 2015):

- a) rejim kawal selia yang lemah ke atas pembiayaan politik;
- b) medan permainan yang tidak searas semasa pilihan raya persekutuan dan negeri kerana sesetengah parti mempunyai lebih banyak akses kepada dana berbanding dengan parti-parti yang lain, yang mana menggugat persaingan pemilihan yang adil;
- c) dakwaan pendanaan secara tersembunyi ke atas ahli-ahli politik, yang boleh menyumbang kepada penjajahan pengaruh dan salah guna sumber-sumber kerajaan; dan
- d) keadaan berpuak-puak yang serius yang tidak berdasarkan pandangan ideologi atau politik yang berbeza tetapi mengenai siapakah di antara pemimpin-pemimpin politik yang paling banyak keupayaan untuk mengagihkan dana untuk memperoleh sokongan akar umbi. Fahaman berpuak-puak yang berteraskan wang mengancam kewujudan parti-parti dan menggugat keyakinan orang awam terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan.

Malaysia merupakan salah sebuah daripada segelintir negara di mana parti politik memiliki syarikat korporat (Nordin & Nordin, 2016; Xu & Yano, 2016). Syarikat-syarikat ini termasuklah penerbit utama akhbar berbahasa Inggeris, Melayu, China, dan Tamil; parti-parti ini juga mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam firma-firma utama televisyen dan radio (Saha, Gounder & Su, 2019; Krueger, 2014). Satu lagi kebimbangan ialah cara pendanaan kempen-kempen pemilihan dalam parti. Jumlah dana yang diagih-agihkan semasa pemilihan parti dikatakan lebih

daripada jumlah wang yang dibelanjakan semasa pilihan raya umum (Pieroni & D'Agostino, 2013). Kelebihan menjadi penyandang digambarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam wawancara beliau dengan TI-M:

“... Presiden, Ketua Menteri/Menteri Besar, mereka boleh mengumpulkan dana. Dan rakyat di Malaysia, tidak perlu banyak pujukan. Mereka percaya bahawa jika mereka menyumbang, mereka mungkin mendapat sedikit pengaruh. Jadi, apabila tiba masa pilihan raya, rakyat akan datang ... dan wang yang diambil ada kalanya tanpa resit, jadi ia bergantung sama ada anda hendak berlaku jujur atau tidak”.

2.6 Suruhanjaya Pilihan Raya

Bagi sesebuah sistem demokrasi, badan yang bertanggungjawab hendaklah memainkan peranannya dengan bebas, bertanggungjawab, berwibawa, dan memberi persepsi yang baik kepada umum. Badan yang berwibawa dan neutral penting kerana ia memainkan peranan utama dalam pilihan raya yang bebas dan adil. Perkara 113 di dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyebut:

- i. Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang hendaklah ditubuhkan mengikut Perkara 114, yang, tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan, hendaklah menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri dan menyediakan dan menyemak daftar pemilih bagi pilihan raya itu.
- ii. (i) Tertakluk kepada perenggan (ii), Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri kepada bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas; dan

kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan-dewan Undangan hendaklah dijalankan pada masa yang sama dengan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.

(ii) Maka hendaklah ada lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun antara tarikh siapnya satu kajian semula, dengan tarikh bermulanya kajian semula yang kemudiannya, di bawah Fasal ini. (iii) Kajian semula di bawah perenggan (i) hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Sumber: Perlembagaan Persekutuan, 1965

Pilihan raya merupakan perkara pokok dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia. Sebelum merdeka lagi Malaysia telah mengunapakai sistem demokrasi. Rangka kerja pilihan raya dalam pilihan raya pertama pada tahun 1955 telah diperkukuh melalui struktur perlembagaan. Menurut Yusof, Ghazali, Rosli, dan Alias (2015), Suruhanjaya Reid mengemukakan empat elemen penting pilihan raya dalam perlembagaan baharu iaitu fungsi dan organisasi SPR, definisi pengundi, pilihan raya, dan hak mengundi.

Menurut Johari (2019), pada PRU14, cuma 82.32 peratus daripada keseluruhan 14,940,624 pengundi berdaftar yang keluar mengundi. Ini menunjukkan 17.68 peratus daripada keseluruhan pengundi tidak mengundi. Hal ini menurut Johari (2019) boleh menyebabkan amalan demokrasi menjadi rapuh. Noor dan Daud (2016) berkata bahawa kurangnya pengundi yang mengundi pada pilihan raya boleh menjejaskan amalan demokrasi.

Perkara 113 Perlembagaan memberi peruntukan bahawa menyediakan dan memeriksa daftar pemilih, memeriksa dan membina kawasan pilihan raya parlimen dan menjalankan pilihan raya hendaklah dilaksanakan oleh SPR mengikut undang-undang persekutuan. Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Salah Laku Pilihan Raya 1954 adalah undang-undang utama yang dimaksudkan. Menurut Besar, Jali, Lyndon dan David (2017), SPR turut menggunakan kuasanya untuk menggubal peraturan (yang boleh dimansuhkan oleh Parlimen) untuk menerimapi peraturan mengenai pendaftaran pengundi dan pengendalian pilihan raya.

SPR memikul tanggungjawab dalam menyediakan dan menyelenggara senarai pemilih, menetapkan sempadan pilihan raya parlimen dan mengadakan pilihan raya di semua peringkat. Bagi Yusof, Ghazali, Rosli dan Alias (2015), isu ini amat penting di mana SPR harus benar-benar bebas dan tidak berat sebelah. Oleh demikian, SPR menjadi badan tetap yang ahlinya haruslah orang yang dipercayai sepenuhnya oleh semua parti dan masyarakat demokratik (Yusof, Ghazali, Rosli & Alias, 2015). Dasar itu bagi memastikan demokrasi di negara ini dipelihara, dikekalkan, dan diselia dengan baik dengan mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil.

2.6.1 Undang-undang dan Peraturan Pilihan Raya

Perlembagaan ialah pernyataan asas sesebuah negara dan selalunya tertakluk kepada perbincangan rasmi dan proses pindaan yang penting. Ini membantu mengukuhkan asas untuk pilihan raya demokrasi yang tulen dan berkala. Walau bagaimanapun, Gudgin dan Taylor (2012) berkata kekekalan relatif perlembagaan juga membayangkan bahawa untuk membolehkan kelonggaran yang diperlukan, peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan pilihan raya harus dimasukkan ke

dalam perundangan parlimen, dan perkara pentadbiran dan prosedur harus diserahkan kepada peraturan dan peraturan pentadbiran. Ini bermakna sistem itu sendiri mempunyai peraturan asas yang tertentu.

Mernurut Bello (2011), undang-undang pilihan raya ialah instrumen undang-undang yang digunakan untuk membangunkan majoriti topik pilihan raya yang relevan untuk sesebuah negara terutamanya dalam kes negara-negara tersebut yang mengikuti tradisi undang-undang sivil. Undang-undang pilihan raya digubal oleh penggubal undang-undang biasa untuk membangunkan prinsip umum yang ditetapkan oleh Perlembagaan (Choe & Darnolf, 2000).

Peraturan asas sistem pilihan raya telah digubal sebelum kemerdekaan untuk Pilihan Raya Persekutuan pertama di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. Peraturan ini, bersama-sama dengan penambahan dan perubahan penting, telah dimasukkan ke dalam perlembagaan yang diterima pakai semasa kemerdekaan pada tahun 1957. Pindaan penting telah dibuat kepada sistem pilihan raya sebelum dan selepas pembentukan Persekutuan Malaysia (Fann, 2019).

Terdapat beberapa undang-undang dan peraturan yang digunapakai oleh SPR dalam mengurus pilihan raya. Antara undang-undang dan peraturan yang digunapakai adalah:

- a) Perlembagaan Persekutuan;
- b) Perlembagaan Negeri;
- c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- d) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);

- e) Peraturan-peraturan (Penjalanan Pilihan Raya) Pilihan Raya, 1981;
- f) Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya, 2002, dan;
- g) Peraturan-peraturan (Pengundian Pos) Pilihan Raya, 2003.

Suruhanjaya Pilihan Raya (2020) berpendapat mereka menggunakan undang-undang yang berkait langsung dengan pilihan raya. Walau bagaimanapun, SPR turut menggunakan undang-undang lain seperti Akta Polis 1962; Akta Hasutan 1970; Akta Rahsia Rasmi 1972; dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 sebagai sokongan dalam memastikan kelancaran pilihan raya.

2.6.2 Elemen penting dalam Pelaksanaan Pilihan Raya

Bahagian pilihan raya, pemilih, calon, dan proses pilihan raya merupakan empat elemen dalam pilihan raya (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2020). Kawasan Pilihan Raya atau bahagian pilihan raya di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu Parlimen dan DUN (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2020). Parlimen adalah di peringkat Persekutuan dalam Dewan Rakyat manakala DUN pula adalah di peringkat negeri. Sempadan bahagian pilihan raya adalah tidak tertakluk kepada sempadan pentadbiran mukim atau daerah. SPR boleh melakukan persempadanan sempadan Kerusi DUN atau Parlimen. Bagi Kerusi Parlimen, Kerusi diwakili adalah bertanda P.xxx dan bagi Kerusi DUN ditanda dengan N.xx. Keseluruhannya, Malaysia mempunyai 222 kerusi Parlimen dan 600 kerusi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2020). Bagi pembahagian sempadan pilihan raya, SPR bertanggungjawab membuat kajian semula bahagian Parlimen dan DUN. Perlembagaan Persekutuan menetapkan yang kajian sempadan pilihan raya perlu dibuat setiap tidak kurang daripada 8 tahun. Walau bagaimanapun perkara tersebut

boleh ditangguhkan jika berlaku PRU dalam tempoh tersebut (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2019).

Bagi membolehkan seseorang individu itu layak mengundi pada PRU, individu tersebut hendaklah mendaftar dengan SPR. Kelayakan untuk mendaftar undi adalah:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh kelayakan;
- c) Seorang penduduk di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia; dan
- d) Tidak hilang kelayakan.

Berikut ialah proses pilihan raya Malaysia berdasarkan sistem *first-past-the-post* dalam demokrasi berparlimen:

- a) Pembubaran Parlimen

Bola mula bergolek pada hari pembubaran Parlimen dan pada ketika itu PRU masih belum berlaku. Parlimen dibubarkan biasanya pada setiap empat tahun atau penggal penuh ialah lima tahun. Atas nasihat Perdana Menteri, Yang Di-Pertuan Agong secara rasmi akan membubarkan Parlimen. Setelah pembubaran Parlimen, pilihan raya hendaklah dijalankan dalam tempoh 60 hari.

- b) Pencalonan

Calon perlu terlebih dahulu mengemukakan RM10,000 deposit atau wang pertaruhan untuk bertanding kerusi parlimen dan RM5,000 untuk kerusi di peringkat negeri. Sekiranya mereka gagal mendapat $\frac{1}{4}$ daripada jumlah keseluruhan undi, mereka akan kehilangan wang deposit. Selain itu, calon turut

dikehendaki membayar RM5,000 deposit untuk bahan kempen bagi kerusi Parlimen dan bagi kerusi DUN pula berjumlah RM3,000. Dalam tempoh dua minggu selepas undian, wang deposit akan dikembalikan kepada calon setelah semua bahan kempen calon dibersihkan.

Kertas pencalonan diserahkan kepada pegawai pengurus bagi setiap kawasan pilihan raya. Selepas itu, Pegawai Pengurus Pilihan Raya akan mengisytiharkan calon dan percaya mereka layak untuk bertanding. Bagi membolehkan seseorang itu layak menjadi calon pilihan raya, empat faktor perlu dipatuhi iaitu warganegara Malaysia, berumur 21 tahun dan ke atas, mempunyai mental yang sihat, dan tidak diisytiharkan muflis.

c) Kempen

Selepas penamaan calon, lempen akan bermula dan akan berakhirnya sehinggalah pada tengah malam sebelum hari mengundi. Kempen akan melibatkan lawatan calon dan parti di sekitar kampung dan mengadakan “ceramah”, atau perhimpunan. Kempen yang dijalankan perlu mematuhi peraturan kempen iaitu tidak menggunakan bahan yang salah, tiada menganjurkan forum tidak sah, dan kempen yang dianjurkan hendaklah tidak melebihi had perbelanjaan yang dibenarkan iaitu kempen, iaitu RM200,000 untuk Parlimen dan RM100,000 untuk DUN.

d) Hari mengundi

Hari pengundian akan berlaku dalam tempoh sehari. Pengundi yang berdaftar membuat pengundian mereka untuk calon peringkat Parlimen dan DUN. Pada

hari mengundi yang telah ditetapkan, pemilih-pemilih yang namanya ada di dalam daftar pemilih akan keluar mengundi di pusat-pusat mengundi yang telah ditetapkan. Pada amnya masa mengundi yang telah ditetapkan oleh SPR ialah antara jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang diseluruh Semenanjung Malaysia dan mulai jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang di Sabah dan Sarawak. Namun demikian ada juga kawasan yang masa mengundinya dipendekkan atas alasan keselamatan dan kesukaran pengangkutan terutamanya di Sabah dan Sarawak. Setiap pusat mengundi biasanya mempunyai lebih dari satu tempat mengundi (saluran). Ianya diketuai oleh seorang Ketua Tempat Mengundi dan dibantu oleh dua (2) hingga empat (4) orang Kerani Pengundian.

Bagi pengundi awal iaitu anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan, mereka akan mengundi pada Hari Mengundi Awal. Bagi pengundi yang layak mengundi secara pos, mereka akan menerima kertas undi pos selepas proses pengeluaran kertas undi pos dilaksanakan. Namun demikian, semua kertas undi pos yang telah ditandakan perlu dihantar dan diterima oleh Pegawai Pengurus selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang hari mengundi tersebut.

e) Pengiraan kertas undi

Undi dikira oleh pegawai SPR. Sebaik saja urusan pengundian selesai, Ketua Tempat Mengundi akan membuat pengiraan kertas undi. Keputusan pengiraan undi ini akan dimasukkan ke dalam Borang 14. Semua Borang 14 ini akan dibawa kepada Pegawai Pengurus untuk dibuat Penjumlahan Rasmi Undi. Pegawai Pengurus setelah menyemak Borang 14 ini dan jika didapati betul

beliau akan mengumumkan kepada orang ramai satu persatu dan jika terdapat keraguan beliau akan menyemak semula dengan Borang 13 Penyata Kertas Undi. Apabila semua keputusan Borang 14 - Penyata pengundian Selepas Pengiraan Undi dan Borang 15 - Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Kertas Undi Pos diterima dan diumumkan, beliau akan menjumlahkan keseluruhan keputusan untuk menentukan pemenangnya.

f) Pengisytiharan

Pegawai Pengurus Pilihan Raya setiap kawasan akan mengumumkan calon yang menjadi pemenang. Bagi setiap kerusi yang diisytiharkan, jumlahnya mula bertambah untuk parti mana yang akan memerintah di Parlimen. Pengisytiharan ini adalah menggunakan kaedah *first-past-the-post*, yang mana ia turut digunakan di Britain. Pemenang ialah merupakan calon yang memperoleh undi terbanyak daripada jumlah undi yang dibuang pada hari pengundian. Sebagai contoh, sekiranya 1000 undi dibuang di sesuatu bahagian Parlimen dan Calon A memperoleh 400 undi, dan Calon B dan Calon C mendapat masing-masing 300 undi, Calon A merupakan pemenang walau dia tidak memperoleh sokongan majoriti pengundi di kawasan Parlimen tersebut. Kerajaan dibentuk setelah parti atau gabungan mendapat lebih daripada separuh kerusi di Parlimen. Daripada keseluruhan 222 kerusi ditawarkan, 112 kerusi diperlukan bagi membolehkan kerajaan majoriti dibentuk di dalam parlimen.

2.7 Pengajaran dari Pilihan Raya Umum

PRU14 ternyata menjadi detik penting bagi demokrasi di Malaysia. Pada 9 Mei 2018, pemerintahan BN yang dahulunya tidak dapat dikalahkan telah berakhir, dan peralihan kuasa secara aman telah dibuat kepada kerajaan campuran baharu di bawah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pada ketika itu berusia 93 tahun. Dengan perubahan itu, Malaysia memasuki politik persekitaran dengan kemungkinan baharu untuk reformasi demokrasi dan pilihan raya. Oleh yang demikian, bahagian ini mengetengahkan beberapa isu yang menjadikan PRU14 medan permainan yang tidak sekata untuk parti pembangkang walaupun sebelum pilihan raya diadakan, dan berat sebelah pengendalian PRU14 itu sendiri.

2.7.1 Suruhanjaya Pilihan Raya Kurang Kebebasan

Struktur semasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang ditakrifkan di Perlembagaan Persekutuan membenarkan campur tangan atau pengaruh eksekutif sejak Yang di-Pertuan Agong melantik ahli SPR atas nasihat Perdana Menteri (Ong, Kasuya, & Mori, 2017). Semasa pemerintahan BN, SPR selalu digambarkan sebagai agensi yang melakukan perkara yang terbaik untuk memastikan rejim penyandanganya mengekalkan kuasa (Ationg, Ibrahim, Esa, & Layapan, 2020). Fakta bahawa kebanyakan Pengerusi SPR adalah pesara penjawat awam yang diketahui mempunyai pertalian politik menjadi saksi kepada kurangnya kebebasan SPR.

2.7.2 Pembahagian dan Pengaturan yang Tidak Sesuai dan Adil

SPR memulakan kajian persempadanan semula yang telah lama tertunggak untuk Sarawak pada Januari 2015 dan untuk Sabah dan negeri semenanjung pada September 2016 (Wei & Besar, 2018). Namun, kawasan pilihan raya menjadi semakin tidak

sesuai dan tidak adil. Keadaan ini dilihat memanipulasi perlembagaan untuk memihak satu parti sahaja.

Ini bertentangan dengan prinsip yang ditetapkan persempadanan dalam Seksyen 2 Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan, di mana kawasan pilihan raya dicadangkan untuk “lebih kurang sama” dalam bilangan pengundi, dan usaha untuk “mengekal hubungan tempatan” diperlukan. *Malapportionment* atau pembahagian yang tidak sesuai ini melanggar prinsip ini dengan menghasilkan perbezaan besar antara populasi kawasan pilihan raya yang mengakibatkan nilai undi menjadi sangat tidak sama rata (Wong, 2018). Jadual 2.1 di bawah menggambarkan tahap ketidaksamarataan bagi setiap negeri.

Jadual 2.2
Perbandingan Kerusi Parlimen Terbesar dan Terkecil mengikut Negeri (PRU 14)

Negeri	Kerusi Terbesar	Pengundi	Kerusi Paling Kecil	Pengundi	Nisbah
MALAYSIA	P102 Bangi	178,790	P207 Igan	19,592	9.13
Selangor	P102 Bangi	179,790	P092 Sabak Bernam	40,63	4.38
Sarawak	P195 Bandar Kuching	81,856	P207 Igan	19,592	4.18
Perak	P063 Tambun	107,763	P055 Lenggong	29,752	3.62
Johor	P162 Iskandar Puteri	138,299	P142 Labis	40,356	3.43
Pahang	P085 Pekan	88,899	P078 Cameron Highlands	32,048	2.77
Kedah	P015 Sungai Petani	112,577	P004 Langkawi	42,697	2.64
Melaka	P138 Kota Melaka	126,848	P134 Masjid Tanah	51,441	2.47
Negeri Sembilan	P128 Seremban	110,168	P126 Jelevu	48,522	2.27
Sabah	P171 Sepanggar	62,415	P183 Beluran	28,509	2.19
Kelantan	P019 Tumpat	110,924	P032 Gua Musang	52,524	2.11

Penang	P051 Bukit Gelugor	91,595	P049 Tanjong	49,586	1.85
Terengganu	P040 Kemaman	107,593	P03 Hulu Terengganu	73,487	1.46
Kuala Lumpur	P116 Wangsa Maju	88,482	P119 Titiwangsa	61,598	1.44
Perlis	P002 Kangar	55,938	P001 Padang Besar	46,096	1.21
Putrajaya	P125 Putrajaya	27,306	P125 Putrajaya	27,306	1.00
Labuan	P166 Labuan	28,356	P166 Labuan	28,356	1.00

Sumber: Fann, 2019

Gerrymandering, di mana sempadan dilukis semula untuk memihak kepada pihak tertentu, biasanya oleh manipulasi mengikut komposisi etnik, menggalakkan politik identiti, yang menyemai perselisihan dan kebencian di kalangan masyarakat pelbagai etnik (Stephanopoulos & McGhee, 2015). Mengikut Seksyen 2(a), kawasan pilihan raya tidak boleh melanggar sempadan negeri (Fann, 2019).

2.8 Tingkah Laku Pengundian

Tingkah laku pengundian menjelaskan persepsi dan partisipasi pengundi terhadap proses pilihan raya dan pihak yang terlibat seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), parti politik, calon, ahli politik dan media massa (Pandian, 2012). Pengundi mengikut konteks di Malaysia terdiri daripada individu yang mencecah usia 18 tahun yang telah mendaftar sebagai pemilih. Warganegara yang telah berusia 18 tahun yang telah mendaftar sebagai pemilih dengan Suruhanjaya Pilihan Raya diberi hak untuk mengundi dalam mana-mana pilihan raya. Tingkah laku pengundi menjelaskan pertimbangan yang dibuat oleh pengundi dalam membuat keputusan untuk mengundi atau tidak calon yang bertanding dalam pilihan raya (Wise, 2016; Pandian, 2014). Kajian tentang tingkah laku pengundi yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur terarah kepada persepsi politik pengundi (Junaidi, et al., 2014) mendapati bahawa majoriti responden etnik Melayu dan etnik India menyokong BN. Mereka juga turut memilih calon yang jujur dan amanah, mesra rakyat serta menyokong parti yang dapat memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan. Tingkah laku pengundian dalam pilihan raya dikawasan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang turut mengkaji pendapat pengundi tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundian (Pandian, 2012).

Faktor-faktor tersebut termasuklah calon, parti, etnik, isu-isu semasa dan wang. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 600 responden di Parlimen Permatang Pauh dan temu bual responden yang telah dipilih berdasarkan ciri-ciri yang diperlukan pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa faktor calon masih dianggap sebagai faktor dominan dalam menentukan hala tuju undian pengundi. Ini terbukti apabila kajian yang sama dilakukan terhadap responden yang sama menunjukkan bahawa peningkatan berlaku pada faktor calon yang akan mempengaruhi undian mereka pada pilihan raya akan datang. Ini jelas menunjukkan faktor calon yang berwibawa serta lengkap dengan pakej yang dikehendaki pengundi akan menjadi pilihan mereka untuk diundi.

Seterusnya, kajian oleh Junaidi, et al. (2015) tentang tinjauan kritis terhadap pola pengundiandan tingkah laku etnik melayu pada PRU 13 yang bertujuan untuk menganalisis kepelbagaian pola pengundian etnik Melayu terhadap parti politik yang bertanding dalam dalam pilihan raya umum 2013. Hasil kajian mendapati bahawa dua perkara utama dapat dikenalpasti iaitu yang pertama adalah pola pengundian etnik Melayu dapat dikaitkan dengan tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku mengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan

pendekatan pilihan rasional. Hasil kajian yang kedua menunjukkan Pakatan Rakyat berpengaruh di kawasan Melayu bandar dan pengundi Melayukelas atasan dan pertengahan atau berpendidikan tinggi.

Kajian *mix-methods* yang dijalankan oleh Mohd Azri dan Sity (2015) bertajuk pilihan raya dan tingkah laku pengundi dalam PRU 2008 telah memberi fokus kepada 331 orang responden di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. Hasil kajian ini mendapati bahawa tingkah laku pengundi dalam proses pilihan raya merupakan suatu tindakan yang boleh dipengaruhi oleh aspek sosial, politik dan ekonomi serta kaitannya dengan sumber maklumat dan isu-isu pilihan raya. Selain itu, Syed Arabi Idid (2011) telah menggunakan analisis kandungan untuk melihat bagaimana akhbar melaporkan berita semasa PRU 11 dan tinjauan pendapat awam untuk mengetahui isu semasa serta sebab pengundi memilih parti tertentu. Dalam kajian yang dilakukan diantara PRU11 dan PRU12, angkubah kajian beliau seperti isu ekonomi dan kepimpinan merupakan antara konsep utama yang diberi tumpuan dalam Teori Pilihan Rasional. Hasil kajian menunjukkan terdapat satu perasaan yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia iaitu sekiranya keadaan hidup dan keyakinan pengundi terhadap masa hadapan negaracukup kukuh, maka ia menjadi suatu yang menguntungkan parti yang memerintah.

2.9 Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB

Pilihan raya merupakan manifestasi penting dalam pemilihan pemimpin, di samping turut berperanan sebagai mekanisme bagi penegakan hak-hak demokrasi. Pelaksanaan pilihan raya yang bertepatan dengan kepatuhan garis panduan akan meningkatkan keyakinan dan keabsahan daripada pihak-pihak berkepentingan terhadapnya.

Manakala, pelaksanaan pilihan raya yang terpalit dengan pelbagai konspirasi pula mengikis penerimaan umum terhadap penghasilannya. Bagi memastikan kualiti pilihan raya sentiasa berada pada tahap optimum, tentunya EMB selaku organisasi utama yang menjalankan pilihan raya berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan.


Sebanyak tiga cabaran yang berupaya mempengaruhi keupayaan sesebuah EMB dalam menjalankan tadbir urus pilihan raya dikenal pasti oleh Mozaffar & Schedler (2002) iaitu:

- a) untuk menjalankan pilihan raya secara efisien;
- b) untuk memastikan keneutralan politik dalam pelaksanaan pilihan raya; dan
- c) untuk meningkatkan akauntabiliti awam dalam pilihan raya. Pelaksanaan pilihan raya selalunya melibatkan skala yang besar, bersifat nasional dan melibatkan koordinasi logistik yang kompleks.

Malah, EMB turut bertanggungjawab untuk memastikan hak persaingan dan pemilihan diberikan secara adil kepada calon-calon politik dan para pengundi. Pada masa yang sama, EMB perlu menjarakkan pelaksanaan tugas pilihan raya mereka daripada sebarang bias politik. Hal ini bagi memastikan tiadanya sebarang manipulasi prosedur dan operasi dilakukan bagi memberikan kelebihan persaingan kepada mana-mana pihak. Bagi meningkatkan akauntabiliti pilihan raya, EMB juga perlu menyeimbangkan antara keefisienan pelaksanaan dengan keneutralan politik dalam pelaksanaan pilihan raya. Kelley (2012) turut menambah wujudnya pengaruh antarabangsa terhadap pengendalian pilihan raya oleh sesebuah EMB. Intervensi ini

diterjemahkan melalui penetapan kepatuhan terhadap beberapa garis panduan dalam pelaksanaan pilihan raya.

Sehubungan itu, kajian ini mengetengahkan sebanyak empat cabaran utama yang dihadapi EMB dalam menjalankan tabir urus pilihan raya iaitu pilihan raya efisien, neutralisme politik, akauntabiliti masyarakat dan norma antarabangsa. Kesemua cabaran ini dihadapi secara serentak oleh setiap EMB, ianya melibatkan tiga fasa umum pilihan raya yang digariskan sebelum ini. Ilustrasi pemahaman penulis mengenai cabaran-cabaran ini adalah seperti di Rajah 2.2.



Rajah 2.2

Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB

Sumber: Diubahsuai daripada Mozaffar & Schedler (2002); Kelley (2012)

2.9.1 Pilihan Raya Efisien

Cabaran pertama EMB adalah untuk mengadakan pilihan raya secara cekap, dengan cara segala urusan diselesaikan dalam ketetapan tempoh tanpa meminggirkan aspek piawaian kualiti. Dalam meletakkan konteks proses pilihan raya, Medina Torres dan

Ramirez Diaz (2014) memperjelasnya sebagai turutan proses yang kompleks yang dijalankan dalam beberapa fasa. Antara fasa utama yang terlibat adalah kempen politik yang melibatkan urusan seperti penamaan calon, penamaan parti politik, propaganda pilihan raya, pengundian dan pengumuman keputusan pilihan raya. Manakala, urusan berkaitan pilihan raya yang melibatkan peranan agensi kerajaan adalah seperti pendaftaran pemilih, pendaftaran dan pendanaan parti politik, serta semakan pilihan raya yang melibatkan urusan pengauditan, pentadbiran dan pembatalan pilihan raya. Cabaran ini dapat disebabkan oleh dua faktor, iaitu dalaman dan luaran.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga faktor dalaman yang berupaya mempengaruhi prestasi EMB dalam melaksanakan pilihan raya iaitu melibatkan aspek prosedur, kompetensi dan afiliasi EMB itu dengan politik. Kajian Kartini dan Mohamad Nadzri (2008) mengenal pasti wujudnya kelemahan ke atas dua prosedur pilihan raya SPR iaitu penggunaan daftar pemilih yang usang dan persempadanan yang terpalit dengan isu *gerrymandering*. Dengan menjadikan bancian penduduk sebagai sandaran, SPR disarankan untuk beralih daripada konsep pendaftaran pemilih tradisional yang melibatkan penambahan dan pengemaskinian data sahaja kepada pendaftaran pemilih semula secara total bagi setiap lima atau sepuluh tahun. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan aspek ketulenan dan ketepatan daftar pemilih bagi tujuan kegunaan pilihan raya.

Selain itu, urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya juga dituntut untuk diadakan secara konsisten bagi memastikan aspek keseimbangan taburan pengundi. Keefisienan prosedur pilihan raya tidak semestinya bergantung kepada teknologi canggih. Tokaji (2009) membandingkan kelancaran pengendalian pilihan raya

Amerika Syarikat 2000, 2004 dan 2008 oleh *United States Election Assistance Commission* (EAC). Skop ini dipilih kerana ia merupakan suatu fasa peralihan reformasi pengurusan pilihan raya daripada konsep manual kepada automasi. Inovasi utama yang terlibat dalam ketiga-tiga pilihan raya itu adalah penggunaan *Punch Card Voting Machine* (PCVM) bagi urusan pengundian dan pengiraan undi. Namun, ralat sebanyak ratusan ribu undi akibat kekeliruan fungsi sistem ini menyebabkan urusan pengundian dan pengiraan undi terpaksa dikembalikan kepada manual. Sepertimana SPR, EAC turut dikritik mengenai pengurusan daftar pemilih. Peralihan peranan penyediaan daftar pemilih daripada peringkat kerajaan tempatan kepada negeri mewujudkan masalah pemusatan dan partisan dalam pengurusan pilihan raya.

Kompetensi personel juga merupakan faktor penting yang memastikan kelancaran pengurusan sesuatu pilihan raya. Penelitian terhadap impak EMB ke atas kualiti pilihan raya dijalankan di beberapa buah negara Amerika Selatan. Kajian kuantitatif ini mendapati EMB yang bebas dan profesional berupaya menyelia pelaksanaan pilihan raya dengan lebih telus berbanding dengan EMB yang partisan. Kualiti ini disumbangkan oleh kebebasan prosedur serta keutamaan terhadap profesionalisme dalam urusan pelantikan keanggotaan EMB (Hartlyn, McCoy & Mustillo, 2008).

Manakala, kajian Sarofah, Purwaningsih dan Nurhakim (2018) pula menganalisis pelbagai peringkat tadbir urus pilihan raya di Yogyakarta pada 2017. Sebanyak tiga fasa pilihan raya terlibat dalam kajian ini iaitu fasa pra, semasa dan pasca pilihan raya. Aspek dinilai pada fasa pra pilihan raya adalah penyediaan program dan bajet, perancangan, pendaftaran pemilih dan kempen pilihan raya. Fasa semasa pilihan raya pula melibatkan proses pengundian dan pengiraan undi. Manakala, penyelesaian

pertikaian terlibat pada fasa pasca pilihan raya. Secara umumnya, kajian ini merumuskan keupayaan EMB menjalankan pilihan raya dengan baik. Namun, isu tahap kompetensi yang rendah bagi petugas pilihan raya di lapangan merupakan cabaran terbesar yang dikhuatiri dapat menjejaskan kualiti pelaksanaan pilihan raya ini.

Satu lagi faktor yang berupaya memberi kesan terhadap keefisienan pengendalian pilihan raya adalah afiliasi EMB terhadap kecenderungan politik. Kajian Tokaji (2009) bagi meneliti peranan reformasi pilihan raya oleh EAC dalam pelaksanaan siri pilihan raya pada 2000, 2004 dan 2008 berupaya mengenal pasti kewujudan pengaruh ini. Meskipun fokus kajian ini tertumpu kepada aspek kompetensi personel pilihan raya, namun ia turut mengaitkannya dengan kecenderungan pengurusan EAC terhadap partisan politik. Hujah ini diperkuatkan dengan beberapa insiden yang berlaku semasa pilihan raya, di mana pelantikan ahli komisi pilihan raya dilakukan pada saat-saat akhir sebelum bermulanya pilihan raya, kelulusan bajet pengurusan pilihan raya yang tidak mencukupi, kekurangan khidmat sokongan daripada agensi-agensi kawal selia pilihan raya lain, pentadbiran pilihan raya yang dibayangi kawalan parti penyandang, serta ketidakupayaan EAC membekalkan maklumat dan menjalankan prosedur pilihan raya mengikut ketetapan piawaian.

Kupasan perbincangan ini menggambarkan bahawa partisan EAC itu sendiri yang didorong oleh afiliasi politik menyebabkan berlakunya kompromi dalam aspek keneutralan pelaksanaan tadbir urus pilihan raya. Tahap keefisienan EMB dalam menjalankan pilihan raya juga dipengaruhi oleh faktor-faktor luar. Antaranya adalah sifat sistem pilihan raya yang digunakan itu sendiri, tekanan oleh pengaruh politik dan

ketegangan keselamatan semasa pilihan raya. Pelaksanaan sesuatu sistem pilihan raya oleh sesebuah negara bergantung kepada dominasi sifat dan asal-usul sesuatu sistem pilihan raya luar yang diadaptasikan. Hujah ini dibuktikan melalui dapatan kajian Reilly (2020).

Model demokrasi politik di kebanyakan negara Asia Pasifik dipengaruhi oleh faktor kolonial. Urusan pilihan raya di kebanyakan negara Asia Tenggara masih lagi mengadaptasikan sistem pilihan raya stabil yang dipelopori British, Perancis dan Belanda. Contoh yang paling ketara adalah sistem pilihan raya dua pusingan di Vietnam, sistem *first-past-the-post* di Myanmar dan Malaysia, serta perwakilan berkadar (PR) di Indonesia. Selain itu, pengaruh kewilayahan turut mendorong kepada peniruan amalan sistem politik terutamanya di Asia Timur.

Fahaman penggunaan sistem *mix-member majoritarian* (MMM) yang diperkenalkan oleh Jepun pada 1993 telah merebak secara meluas ke beberapa negara seperti Taiwan, Thailand, Korea Selatan dan Mongolia. Selain itu, aspek terpenting yang mempunyai pengaruh kuat terhadap tadbir urus pilihan raya adalah pemerintahan panjang sesuatu kerajaan. Pengalaman pemerintahan oleh *People's Action Party* (Singapura), *Cambodian People's Party* (Kemboja) dan Barisan Nasional (Malaysia – sehingga 2018) membuktikan bahawa keadilan sistem pilihan raya yang diyakini berupaya mengekalkan kestabilan politik, yang seterusnya memastikan peluang pilihan raya berkualiti dapat dijalankan. Cabaran EMB terhadap partisan politik bukan sahaja berlaku daripada dalam, bahkan turut dipengaruhi oleh tekanan luar.

Berdasarkan kajian Hartlyn, McCoy dan Mustillo (2008), pengaruh politik luar ke atas EMB diteliti di beberapa negara Amerika Selatan. Berbeza dengan hujah yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini mendapati kestabilan politik sebenarnya memberikan kesan negatif kepada pelaksanaan pilihan raya. Negara-negara yang mempunyai kestabilan politik seperti Republik Dominica dan Nicaragua sangat terdedah kepada risiko berlakunya manipulasi pilihan raya berbanding dengan negara-negara yang kurang stabil politik seperti Brazil dan Ecuador. Isu pengaruh politik dari luar EMB ini turut melibatkan aspek pelaksanaan prosedur pilihan raya.

Dalam konteks Malaysia, wujudnya pengaruh *political master* yang memberi kesan terhadap pelaksanaan proses pilihan raya. Manipulasi persempadanan kawasan pilihan raya yang dilihat menyebelahi parti penyandang dan pembatalan penggunaan dakwat kekal dalam proses pengundian pada saat-saat akhir semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 merupakan antara contoh tekanan politik terhadap pelaksanaan prosedur pilihan raya SPR (Kartini & Mohamad Nadzri, 2008). Ketegangan keselamatan yang memuncak semasa tempoh pilihan raya juga turut menjejaskan kualiti pelaksanaan sesuatu pilihan raya. Acap kali perbincangan mengenai masalah ini merujuk kepada ketegangan politik di negara-negara Afrika ekoran daripada manipulasi pilihan raya oleh parti penyandang.

Kajian oleh Nnamani (2014) meneliti konsep proses pilihan raya, amalan tadbir urus baik, evolusi pilihan raya dan pengaruh politik terhadap tadbir urus pilihan raya di Nigeria. Kajian ini mengenal pasti sebanyak 14 faktor yang berupaya memberi kesan terhadap tadbir urus pilihan raya iaitu ketegangan antara kaum, perbezaan agama, menjatuhkan hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan, tidak yakin terhadap

tribunal pilihan raya, tiada demokrasi dalam parti, penyelewengan dalam pilihan raya, kenyataan media yang bersifat menghasut, masalah perkongsian kuasa, cabaran keselamatan dalam proses pilihan raya, “pembunuhan” politik, ancaman, rampasan undi, perbuatan membakar harta awam secara khianat, samseng pilihan raya, dan gangguan terhadap pemerhati pilihan raya.

Manakala, kajian Omotola (2010) pula membandingkan pengurusan pilihan raya oleh *Independent National Election Commission* (INEC) di Nigeria susulan peralihan demokrasi pada tiga siri pilihan raya iaitu 1999, 2003 dan 2007. Pemerhatian lapangan oleh para pemerhati pilihan raya domestik dan antarabangsa pada 1999 mengesan wujudnya manipulasi pemerintah secara berleluasa terhadap pengurusan pengundi semasa pilihan raya. Hal ini menyebabkan keputusan pilihan raya tidak diterima dan dicabar oleh parti-parti politik, calon-calon bertanding dan masyarakat sivil. Sebagai perbandingan, kajian ini mendapati persiapan INEC pada pilihan raya 2003 adalah lebih baik berbanding sebelumnya.

Prosedur pilihan raya dikemas kini dan penyertaan parti-parti politik meningkat secara mendadak. Begitu pun, pengurusan pilihan raya masih lagi jauh daripada memuaskan hati pemegang taruh terlibat. Antara isu utama yang menjadi kritikan adalah pengurusan pengundi yang masih lagi meragukan, dan penempatan tentera secara besar-besaran dalam urusan pilihan raya. Manakala, pengurusan pilihan raya 2007 mengalami perubahan yang lebih besar. Meskipun didesak untuk terlibat menyelesaikan pelbagai isu dan pertikaian politik, INEC tetap berusaha untuk menjalankan pilihan raya secara bebas, adil dan mempunyai kredibiliti. Sepertimana pilihan raya terdahulu, isu pengurusan pengundi yang melibatkan pemalsuan, ugutan,

penipuan masih lagi berlaku. Keputusan pilihan raya yang memihak kepada parti penyandang turut mengundang kritikan.

2.9.2 Neutralisme Politik

Cabaran kedua yang dihadapi EMB adalah bagaimana untuk menyeimbangkan neutralisme politik dalam menjalankan pengurusan pilihan raya. Cabaran ini dapat dikelompokkan kepada dua kategori, iaitu dalaman dan luaran. Aspek kekangan afiliasi politik dalaman EMB kurang diberi perhatian dalam pengkajian mengenai tadbir urus pilihan raya. Begitu pun, kajian yang paling hampir dijalankan oleh Tarouco (2016). Berfokus kepada aspek kebebasan, integriti dan partisan EMB, kajian perbandingan ini meneliti pelaksanaan pilihan raya di Amerika Selatan yang berhubung kait antara aspek tadbir urus dan kualiti implementasi.

Analisis kajian ini membincangkan variasi pengendalian pilihan raya di negara-negara Amerika Selatan dalam era demokrasi sehingga tahun 2014 oleh tiga kategori EMB, iaitu:

- a) EMB yang dianggotai oleh pegawai kerajaan sepenuhnya;
- b) EMB yang dianggotai oleh sebahagian pegawai kerajaan dan pihak bebas; dan
- c) EMB yang dianggotai oleh pihak bebas sepenuhnya. Sebanyak lima aspek mengenai tadbir urus pilihan raya oleh EMB terlibat dalam kajian ini, iaitu tahap kebebasannya daripada kuasa eksekutif, pemusatan pengurusan, kerenah birokrasi, perwakilan aktor bukan partisan, pengkhususan dan kawal selia.

Kajian ini merumuskan tahap kebebasan EMB berperanan penting dalam mempengaruhi kualiti pelaksanaan pilihan raya. EMB yang partisan akan bermasalah

dalam mematuhi ketetapan prosedur pilihan raya, manakala EMB yang telus pula adalah sebaliknya. Kajian-kajian terdahulu gemar menumpukan kepada pengaruh luar yang memberi kesan terhadap keneutralan EMB. Sebanyak tiga pengaruh luar dikenal pasti iaitu pernaungan politik, kawalan elit dan tahap keyakinan awam susulan daripada intervensi politik ke atas EMB. Pernaungan politik merupakan isu utama yang sering menjadi polemik oleh para sarjana.

Kochanek (2000) melihat pengaruh penaung-dinaungi dalam peralihan demokrasi di Bangladesh. Sejak peralihan demokrasi bermula 2009, keputusan pilihan raya di dominasi oleh dua parti utama iaitu *Awami League* (AL) dan *Bangladesh Nationalist Party* (BNP). Komposisi AL dianggotai oleh kumpulan kelas pertengahan, elit luar bandar yang menjiwai pengaruh penaung-dinaungi. Manakala, BNP pula berteraskan kepada kumpulan birokrat-tentera, lapisan atasan dan usaha tani yang kaya-raya di luar bandar. Pemerintahan kedua-dua parti ini terpalit dengan autokrasi, keputusan oleh elit politik dan kepatuhan terhadap pemerintah melalui amalan pernaungan. Kepimpinan sebegini tentunya mempengaruhi kualiti pengurusan pilihan raya dan menjejaskan penerimaan awam terhadap integriti pilihan raya.

Kajian ini melihat walaupun Bangladesh mengamalkan demokrasi yang melibatkan institusi formal seperti perdana menteri, menteri kabinet, mahkamah dan sebagainya dalam pemerintahan, namun ia masih dibayangi oleh peraturan, norma dan nilai-nilai tidak formal. Percanggahan antara institusi formal dan pegangan tidak formal ini melemahkan fungsi dan peranan sesuatu institusi demokrasi itu, termasuklah EMB.

Kontradiksinya, kajian Naseemullah dan Chhibber (2018) pula meneliti sama ada kawalan pernaungan oleh ahli-ahli politik berupaya untuk mencorakkan kemungkinan penumpuan dalam pilihan raya. Kajian kes ini melibatkan pelaksanaan pilihan raya Pakistan bagi 2008 dan 2013. Sebanyak tiga sumbangan utama kajian ini diketengahkan iaitu:

- a) mengenal pasti kekangan koordinasi pilihan raya sama ada di dalam mahupun luar wilayah pilihan raya;
- b) membandingkan dua tema politik utama iaitu pernaungan dan sistem parti; dan
- c) menganalisis kedinamikan kes yang berlaku di Pakistan dan perkaitannya dengan teori politik pilihan raya.

Kajian ini mendapati koordinasi berjaya dan gagal dilakukan pada konteks tertentu. Kajian ini turut melihat sama ada berlakunya monopoli birokrasi harian berbanding pernaungan. Dalam konteks ini, calon perlu meningkatkan pengaruhnya melebihi birokrat dengan pernaungan melalui afiliasi dengan parti di peringkat nasional. Apabila birokrasi tidak berupaya mengekalkan monopoli, tekanan untuk mengadakan pilihan raya menjadi kurang, dan dengan demikian perpecahan undi di peringkat konstituen turut memungkinkan seseorang calon sebagai pilihan untuk memenangi jawatan pemerintahan.

Kawalan elit juga merupakan antara cabaran luar yang dihadapi EMB dalam melaksanakan tadbir urus pilihan raya secara berintegriti. Kajian Turovsky (2014) menganalisis kombinasi rumit antara sekatan dan kerjasama elit pemerintah di Russia dengan parti-parti politik pembangkang di peringkat wilayah. Analisis kajian ini adalah terhadap parti-parti yang dominan dalam pilihan raya di setiap wilayah Russia

(dengan menggunakan formula yang diperkenalkan oleh Juan Molinar pada 1991). Kajian ini mendapati masih lagi wujudnya pernaungan politik oleh elit, meskipun sesuatu kawasan itu dimenangi oleh parti lain. Situasi ini menyebabkan parti yang benar-benar dipilih oleh rakyat tidak dapat menjalankan pemerintahan dengan baik.

Dari segi tadbir urus pilihan raya pula, masalah pernaungan politik menyebabkan proses pilihan raya telus yang dijalankan tidak menghasilkan pemerintahan yang diharapkan. Senada dengan itu, kertas konsep Tarouco (2020) membincangkan faktor-faktor yang mendorong kepada perwakilan kuasa tadbir urus pilihan raya daripada legislatif kepada aktor berkecuali di negara-negara Amerika Selatan. Sebanyak empat keadaan dianalisis yang melibatkan kewujudan pengaruh politik dalam EMB iaitu:

- a) perhatian umum terhadap tema integriti pilihan raya;
- b) pengurangan kos disebabkan oleh reformasi lain;
- c) pengurangan kos disebabkan oleh perwakilan di negara-negara jiran; dan
- d) insentif kepada pihak yang menjayakan perpecahan dalam sistem parti.

Dari segi penglibatan parti dalam tadbir urus pilihan raya, dua hujah dikemukakan kajian ini iaitu autonomi yang diberikan kepada EMB bukan hanya melibatkan eksekutif dan legislatif tetapi turut melibatkan politik, dan risiko pengaruh politik sebagai pemegang taruh kepada EMB yang menyebabkan berlakunya kompromi dalam keadilannya. Kecuali Bolivia, kajian ini merumuskan bahawa politikus di negara-negara Amerika Selatan tidak begitu mengambil berat mengenai aspek integriti dalam pengurusan pilihan raya. Mereka dilihat bimbang mengenai kualiti integriti yang menjejaskan peluang kemenangan mereka dalam pilihan raya, tetapi tidak mempercayai peranan perwakilan kepada aktor ketiga.

Satu lagi penumpuan aspek dalam pengkajian mengenai pengaruh politik ke atas neutralisme pengurusan pilihan raya adalah persepsi masyarakat terhadap tahap penglibatan politik dalam urusan pilihan raya. Bjornskov (2010) menjalankan kajian untuk mengetahui pengaruh perbandingan antara desakan yang berlaku di dalam pilihan raya kepada ahli politik serta tingkah laku bukan politik oleh birokrat terhadap tahap keyakinan awam. Kajian kuantitatif ini melibatkan analisis regresi ke atas enam petunjuk utama iaitu tadbir urus, kualiti perundangan, rasuah, demokrasi, keyakinan awam dan persaingan politik.

Dapatan kajian mencadangkan bahawa masyarakat mempunyai persepsi yang baik terhadap prestasi birokrat dalam menjalankan tadbir urus, termasuklah bagi urusan pilihan raya. Hal ini disumbangkan oleh sifat penjawat awam dan ejen ekonomi itu sendiri yang menjalankan peranannya berdasarkan tanggungjawab yang diamanahkan. Bezanya, keyakinan masyarakat terhadap ahli-ahli politik pula bergantung kepada tahap keseriusan mereka dalam menunaikan janji-janji politik. Calon-calon politik yang komited dalam menjalankan tugas akan terus mendapat kepercayaan dan sokongan rakyat, begitulah juga dengan calon yang berprestasi sebaliknya.

2.9.3 Akauntabiliti Masyarakat

Cabaran ketiga pula melibatkan tanggungjawab EMB kepada rakyat. Dalam konteks ini, masyarakat sivil merupakan pemegang taruh utama yang mempunyai kepentingan terhadap setiap peringkat tadbir urus pilihan raya yang dijalankan oleh EMB. Ghaus-Pasha (2005) mendefinisikan masyarakat sivil sebagai “sektor ketiga” yang berpengaruh terhadap pemerintahan dan pasaran. Masyarakat sivil berupaya untuk bertindak sebagai ejen bagi:

- a) mempromosikan tadbir urus yang baik seperti ketelusan, keberkesanan, keterbukaan, responsif dan akauntabiliti;
- b) mengawal dan memantau prestasi pemerintah dan tingkah laku pegawai awam;
- c) membina kapasiti bagi membolehkan masyarakat mengartikulasikan nilai, kepercayaan, norma sivik dan amalan demokrasi;
- d) menggerakkan konstituen melalui penyertaan lebih banyak kumpulan massa dalam politik dan kepentingan awam; dan
- e) membangunkan dan meningkatkan kesejahteraan sesuatu kumpulan masyarakat.

Dalam mengelaskan kumpulan masyarakat sivil, skop kajian ini diperluaskan kepada 36 buah negara. Sebanyak tiga kategori berdasarkan fungsi masyarakat sivil dikemukakan, iaitu:

- a) perkhidmatan – merangkumi aktiviti berkaitan pendidikan, kesihatan, sosial dan pembangunan;
- b) ekspresif – budaya/rekreasi, profesional/kesatuan, awam/sokongan dan persekitaran; dan
- c) lain-lain – yayasan, antarabangsa dan tanpa pengelasan spesifik. Namun begitu, kajian ini turut mendapati perkembangan masyarakat sivil berhadapan dengan pelbagai ancaman terutamanya di negara-negara membangun.

Antaranya seperti kawalan oleh politik autoritarian, kolonialisme, penyertaan keanggotaan terhad, kekurangan pendanaan, sekatan undang-undang, dan perubahan paradigma dalam pentadbiran kerajaan. Sebanyak dua faktor daripada masyarakat sivil berupaya mempengaruhi kualiti tadbir urus pilihan raya oleh sesebuah EMB iaitu

faktor dalaman dan luaran. Bagi faktor dalaman, inisiatif untuk melakukan perubahan positif dalam pengurusan pilihan raya dilihat sebagai aspek penting dalam meningkatkan keyakinan awam ke atas keneutralan EMB.

Hal ini dibuktikan melalui kajian Ugues (2010), yang meneliti penilaian rakyat terhadap tadbir urus pilihan raya oleh institusi demokratik. Berdasarkan data pilihan raya presiden Mexico 2006, kajian ini meninjau pendapat umum terhadap pengurusan pilihan raya yang dijalankan oleh *Federal Electoral Institute* (IFE) Mexico. Kajian ini beranggapan bahawa pandangan umum terhadap IFE berkait rapat dengan demografi responden itu sendiri iaitu identiti kepartian, persepsi terhadap demokrasi, umur, pegangan ideologi, dan wilayah kediaman responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun kebolehpercayaan keputusan pilihan raya Mexico presiden Mexico 2006 bergantung kepada identiti kepartian responden, namun petunjuk ini bukanlah petunjuk konsisten kerana pendedahan responden masih lagi rendah terhadap persaingan politik dalam sistem demokrasi. Penemuan kedua kajian ini adalah mengenai peranan persepsi individu terhadap kredibiliti tadbir urus pilihan raya. Perubahan institusi demokrasi yang semakin responsif berupaya meningkatkan keyakinan awam terhadap kualiti demokrasi Mexico dalam corak peningkatan yang berterusan. Namun, bayangan pemerintahan autoritarian masih lagi membekas kepada amalan demokrasi seharian mereka. Keyakinan awam ini juga turut menggalakkan penyertaan mereka dalam urusan pilihan raya.

Grishin (2020) secara sistematik mereka bentuk kajian yang bertujuan untuk melihat penginstitutionan penyertaan rakyat dalam proses-proses pilihan raya. Kajian perbandingan ini adalah secara rentas negara yang melibatkan Australia, New Zealand,

Kanada, India, Great Britain, Amerika Syarikat dan Russia. Analisis tahap penyertaan rakyat dalam pilihan raya adalah berdasarkan teori *Ladder of Citizen Participation* 1969 oleh Sherry R. Arnstein. Sebanyak tiga reaksi rakyat dikaitkan dengan lapan senario politik iaitu:

- a) tiada penyertaan (bagi manipulasi dan terapi);
- b) token (bagi makluman, perundingan dan menenangkan); dan
- c) kuasa rakyat (bagi perkongsian, kuasa perwakilan dan kawalan rakyat).

Berdasarkan literatur, penglibatan rakyat dalam proses pilihan raya masih lagi terhad.

Urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya di kebanyakan negara menidakkan peranan rakyat dalam pembuatan keputusan. Kajian ini menyarankan supaya lebih banyak penyertaan rakyat dilibatkan dalam proses-proses pilihan raya. Antaranya, dengan memanjangkan tempoh penglibatan rakyat dalam penyediaan sesuatu prosedur. Meskipun inisiatif ini akan melambatkan pelaksanaan urusan pilihan raya oleh pihak berautoriti, namun ia dapat meningkatkan legitimasi sesuatu proses pilihan raya itu. Faktor luar merupakan cabaran yang paling dominan masyarakat sivil terhadap tadbir urus pilihan raya. Pengaruh ini sering kali melibatkan peranan, fungsi dan desakan yang dibawa oleh sesebuah organisasi masyarakat sivil (CSO).

Dalam meneliti aspek ini, Fidelis (2015) menjalankan kajian ke atas CSO yang terlibat di dalam pendemokrasian Nigeria dari 1995 hingga 2015. CSO seperti *National Democratic Coalition* (NADECO), *Committee for the Defense of Human Rights* (CDHR) dan *Civil Liberty Organization* (CLO) berperanan sebagai tunjang utama dalam membudayakan amalan demokrasi. Kolaborasi ketiga-tiga CSO ini dengan

Nigeria Labour Congress (NLC) antara 1993-1999 berupaya memobilisasikan pelajar dan pekerja kepada ketidakpatuhan sivil, serangan dan protes di seluruh Nigeria.

Dari segi sumbangan pula, CSO Nigeria berupaya menghadirkan sebanyak lima pencapaian iaitu:

- a) menggerakkan protes rakyat terhadap agenda penggal ketiga bekas Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo (1999 hingga 2008);
 - b) menyemai “doktrin keperluan” di kalangan rakyat untuk mendesak agar Naib Presiden Goodluck Ebele Jonathan diberi pemangkuan berikutan ketiadaan Presiden Umaru Musa Yar’Adua yang menjalani rawatan di Arab Saudi antara November 2009 hingga Mac 2010;
 - c) mendesak reformasi pilihan raya dijalankan;
 - d) mewujudkan gabungan organisasi pemantauan pilihan raya domestik melalui penyertaan pelbagai CSO tempatan; dan
 - e) mendesak kepada penggubalan Freedom of Information Act pada 2007.
- Selaras dengan penjelasan sebelum ini, CSO turut berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kekurangan dana operasi, pernaungan kerajaan, kekurangan sokongan dan kerjasama, serta tiadanya kesatuan di antara CSO (disebabkan orientasi perjuangan kepentingan yang berbeza).

Dalam konteks Malaysia, CSO juga berperanan penting sebagai medium desakan yang kuat terhadap aspek integriti dan ketelusan dalam tadbir urus pilihan raya. Contoh yang paling jelas adalah fungsi yang digerakkan oleh Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil (BERSIH). Kajian Chan Tsu Chong (2018) menganalisis peranan dan impak BERSIH semasa PRU ke-14 melalui desakan mereka terhadap tiga peluang politik

utama iaitu skandal 1 *Malaysia Development Berhad* (1MDB), penipuan pilihan raya dan persempadanan semula kawasan pilihan raya. Dari segi peranan, kehadiran BERSIH merupakan suatu platform kepada rakyat untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka ke atas pemerintahan kerajaan berkaitan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan kelemahan institusi awam.

Skandal dan manipulasi yang berlaku dalam pemerintahan dijadikan sebagai peluang oleh BERSIH dalam menggerakkan desakan untuk membudayakan demokrasi melalui siri perhimpunan dan demonstrasi jalanan, cabaran terhadap persempadanan semula kawasan pilihan raya, dan aktiviti pemantauan pilihan raya. Meskipun begitu, BERSIH dikritik kerana usaha yang dijalankan lebih kepada menarik sokongan rakyat terhadap pembangkang dan mengupayakan kemenangan mereka. Kritikan terhadap Barisan Nasional (BN) yang dilontarkan BERSIH lebih menjurus kepada mengurangkan legitimasi pemerintah, dan bukannya bertujuan menambah baik pemerintahan. Dalam mempertahankan peranan BERSIH, kajian ini menegaskan fokus utama CSO ini adalah berlandaskan kepada kepentingan bersama iaitu reformasi pilihan raya meskipun CSO ini diwujudkan daripada gabungan beberapa CSO dan parti-parti politik yang partisan kepada pembangkang.

Penglibatan CSO turut menghadirkan pengaruh positif dan negatif ke atas tadbir urus pilihan raya. Impak BERSIH 3.0 dalam memobilisasikan ruang awam bagi tujuan pendemokrasian di Malaysia dibincangkan dalam kajian Smeltzer dan Pare (2015). Kajian ini menyasarkan tiga objektif utama iaitu matlamat dan komposisi BERSIH, parti politik yang terlibat dalam gerakan BERSIH, dan pengaruh aktiviti BERSIH terhadap pemerintah. Kajian kualitatif ini menggunakan pensampelan bertujuan yang

melibatkan temu bual ke atas 37 orang informan yang terdiri daripada NGO, ahli akademik, pengamal media alternatif/kritikal, ahli politik pembangkang dan ahli jawatankuasa pemandu BERSIH.

Isu-isu berbangkit seperti *gerrymandering*, ketidaksamaan akses media penyiaran dan cetak di bawah kawalan kerajaan, undi pos, kegagalan dakwat kekal menghalang undi berganda, tidak aturan daftar pemilih dan ketidakadilan SPR digunakan dalam tiga siri perhimpunan BERSIH (BERSIH 1.0 pada 2007, BERSIH 2.0 pada 2011 dan BERSIH 3.0 pada 2012). Gerakan BERSIH berupaya menarik penyertaan yang ramai kerana selain isu pilihan raya, isu-isu lain seperti alam sekitar, agama, kesihatan dan pendidikan turut diketengahkan dalam agenda perhimpunan mereka. Tidak seperti peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, perhimpunan BERSIH yang mendesak ke atas isu-isu bersama dalam demokrasi berupaya menarik penyertaan daripada pelbagai kaum. Namun, niat di sebalik gerakan ini tetap diragui berikutan kedekatan BERSIH dengan Pakatan Rakyat (PR).

Begitu pun, kajian ini turut mengakui bahawa impak gerakan BERSIH tidak dapat diukur dengan tepat. Meskipun gerakan ini berjaya mendesak kepada penubuhan Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC), namun tidak semua syor agenda perubahan dilaksanakan pemerintah. Pada masa yang sama, gerakan ini sedikit sebanyak berupaya meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat serta mewujudkan ruang kerjasama yang lebih luas antara kerajaan dan masyarakat sivil berkaitan penglibatan politik. Begitu pun, penglibatan aktif CSO dalam tadbir urus pilihan raya turut terpalit dengan risiko kecenderungan afiliasi yang menjejaskan keyakinan awam.

Kajian Sombatpoonsiri (2018) umpamanya melihat sifat dan pengaruh CSO konservatif terhadap demokrasi di Thailand. Kajian ini mengemukakan tiga kategori CSO, iaitu:

- a) pergerakan yang berasaskan nasionalis dan setia raja – menggunakan medium dalam talian seperti *trolling* dan buli siber untuk mendedahkan dan menghukum sesiapa sahaja yang mengkritik keluarga diraja, antaranya seperti *Social Sanction* (SS), *Rubbish Collection Organization* (RCO), dan *The Cyber Scout*;
- b) pergerakan yang berasaskan figura agama dan kumpulan aktivis – melalui penglibatan militan sami Buddha, pergerakan ini mendesak protes dan sokongan politik bagi meraih sokongan terhadap peranannya sebagai penjaga diraja, antara tokoh utama adalah Santi Asoke; dan pergerakan yang berasaskan NGO pembangunan dan aktivis kesatuan –dianggotai oleh NGO berkaitan perdagangan, kesihatan dan pembangunan seperti *AIDS Network*, *Southern Federation of Small Scale Fishers*, *Northern Farmer Alliance* dan *Sum Dwellers Group*, pergerakan ini mulanya menyokong reformasi demokrasi tetapi menjadi konservatif apabila berafiliasi dengan parti politik seperti *People's Alliance for Democracy* (PAD) dan *People's Democratic Reform Committee* (PDRC).

Kajian ini merumuskan tiga dapatan:

- a) perjuangan demokrasi yang dibawa oleh setiap CSO ini adalah bersifat konvergen iaitu bagi menjaga kepentingan kumpulan yang diwakili;

- b) perjuangan CSO konservatif ini disokong oleh majoriti rakyat yang mahu mengekalkan status quo, ia menggalakkan polarisasi antara kumpulan masyarakat;
- c) kepentingan bersama yang kuat mampu menggerakkan CSO konservatif ini untuk bersatu ke arah satu matlamat politik yang sama, buktinya melalui paradoks “kuasa rakyat” yang memboikot pilihan raya 2006 dan 2014.

2.9.4 Norma Antarabangsa

Cabaran keempat melibatkan peranan EMB terhadap norma antarabangsa. Faktor dalam dan luar berkenaan aspek antarabangsa ini dikenal pasti berupaya memberi kesan terhadap tadbir urus pilihan raya yang dijalankan EMB. Dari segi faktor dalaman, beberapa kajian lepas membincangkan mengenai reaksi dan strategi yang digunakan sesebuah kerajaan dalam menangani desakan pendanaan demokrasi antarabangsa, yang turut melibatkan aspek pengurusan pilihan raya.

Antaranya adalah kajian Chand (1997) yang meneliti implikasi pemantauan pilihan raya antarabangsa terhadap perubahan kedaulatan, pembangunan masyarakat sivil dan politik tempatan, dan trend baharu interaksi antara NGO, organisasi wilayah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Meskipun tertumpu kepada peranan pemantauan pilihan raya antarabangsa, kajian ini turut menyentuh mengenai aspek kedaulatan negara yang melibatkan reaksi kerajaan terhadap kehadiran pemantauan pilihan raya antarabangsa. Kebenaran yang diberikan ini bukanlah atas dasar semangat pematuhan prinsip demokrasi yang dibawa oleh pihak antarabangsa ini, tetapi lebih kepada cara mudah untuk meningkatkan kredibiliti pilihan raya, meredakan tekanan

oleh pembangkang, dan menghindari kemerosotan hubungan dengan komuniti antarabangsa.

Kajian Orr dan Geddis (2021) pula membandingkan strategi perundangan yang digunakan Australia dan New Zealand dalam menangani campur tangan asing dalam urusan kempen pilihan raya dan pendanaan politik. Politik Australia banyak dipengaruhi isu-isu kontroversi yang berhubungan dengan China melalui pendanaan politik ke atas parti-parti utama. Antara contoh yang jelas adalah seperti hubungan ahli perniagaan dengan Parti Buruh dan Parti Liberal di Australia menggamit persepsi negatif berikutan perkaitan ahli perniagaan itu dengan Parti Komunis China. Dalam mengekalkan survival politik, majoriti parti politik tidak mendedahkan sumber pendanaan mereka. Bagi mengatasi masalah ini, beberapa negeri mengetatkan undang-undang berkaitan pendanaan politik antarabangsa.

Antaranya seperti *Queensland – Electoral Act 1992* (Queensland), *New South Wales – Electoral Funding Act 2018* (New South Wales), dan *Victoria – Electoral Act 2002* (Victoria). Sekatan ini turut dijalankan pada peringkat persekutuan Australia, melalui penggubalan beberapa undang-undang iaitu seperti *National Security Legislation (Espionage and Foreign Interference) Act 2018*, *Foreign Influence Transparency Scheme Act 2018*, dan *Electoral Legislation Amendment (Electoral Funding and Disclosure) Act 2018*. Kesemua perundangan ini bertujuan untuk menghalang berlakunya konflik kepentingan dan pengaruh berlebihan antarabangsa terhadap politik Australia.

Bagi politik New Zealand pula, *Electoral Finance Act 2007* diperkenalkan sebagai tujuan untuk menghalang campur tangan asing dalam pilihan raya negara itu. Halangan ini bukan sahaja menghadkan jumlah pendanaan asing kepada parti dan calon, malah potensi penglibatan langsung pemberi dana dalam pelaksanaan pilihan raya New Zealand. Akta ini kemudiannya digantikan dengan *Electoral (Finance Reform and Advance Voting) Amendment Act 2010* yang menggariskan dengan jelas nilai had pendanaan asing sebanyak NZ\$1,500 setahun kepada parti politik, dan had jumlah yang sama kepada calon persendirian bagi satu tempoh kitaran lengkap proses pilihan raya.

Sepertimana Australia, sekatan pendanaan asing ini dilakukan kerana Sinophobia masyarakat New Zealand terhadap kehadiran imigran China yang dilihat cuba untuk mengikis “nilai-nilai Kiwi” melalui pendekatan politik. Manakala, aspek-aspek seperti kesan positif, tekanan dan perubahan fokus pendanaan merupakan faktor luar yang mempengaruhi kualiti tadbir urus EMB dalam pilihan raya.

Kelley (2012) meneliti pengaruh antarabangsa terhadap pilihan raya dari segi perundangan, proses, tingkah laku dan norma dan membincangkan bagaimana penglibatan aktor antarabangsa dalam pilihan raya domestik. Kajian ini mengetengahkan sebanyak dua pengaruh antarabangsa terlibat iaitu secara tidak langsung dan juga secara langsung. Dari segi pengaruh tidak langsung, dua kaedah digunakan, iaitu:

- a) implementasi garis panduan antarabangsa – contohnya seperti *Universal Declaration on Human Rights* (UDHR) yang tertumpu pada tempoh pilihan raya, kerahsiaan undi dan kesamarataan hak mengundi, *European Court of*

Human Rights yang tertumpu pada hak-hak pilihan raya, *European Commission* yang tertumpu pada piawaian pilihan raya, dan *Carter Center* yang menggariskan pemantauan terhadap norma pilihan raya antarabangsa; dan

- b) tekanan daripada aktor domestik yang memegang piawaian pilihan raya antarabangsa.

Manakala, dari segi pengaruh langsung pula terdapat empat kaedah digunakan iaitu:

- a) nasihat perundangan

Pakar perundangan antarabangsa meneliti semula perundangan pilihan raya yang melibatkan aspek persempadanan, sistem perwakilan, kuota etnik dan jantina, tadbir urus EMB, dan kepelbagaian elemen perundangan pilihan raya (seperti pembiayaan kempen, peraturan kempen, proses pencalonan, kelayakan mengundi dan sebagainya);

- b) bantuan pilihan raya

Fokus secara spesifik untuk mengurangkan tekanan pilihan raya ke atas isu-isu sumber dan pengalaman, bantuan ini bersifat material dan teknikal contohnya seperti penyediaan peti undi, cetakan dan edaran bahan-bahan pilihan raya, penyediaan komputer, alat komunikasi dan sebagainya;

- c) pemantauan pilihan raya

Kaedah ini bertujuan untuk menghalang daripada berlakunya sebarang penipuan pilihan raya oleh pihak-pihak berkepentingan melalui penglibatan pihak ketiga antarabangsa yang tidak berkepentingan, aktiviti ini juga turut melibatkan peranan bantuan pilihan raya iaitu dari nasihat perundangan dan bantuan logistik, kehadiran pemantauan antarabangsa turut mengupayakan

peranan badan pemantauan domestik contohnya sepertimana pengalaman *National Citizens' Movement for Free Elections* (NAMFREL) bagi semasa pilihan raya presiden Filipina 1986; dan

d) penglibatan pasca pilihan raya

Dua peranan antarabangsa iaitu bagi tujuan mengelakkan berlakunya penipuan dalam urusan selepas pilihan raya, dan bagi membantu untuk menyelesaikan sebarang bentuk pertikaian terhadap keputusan pilihan raya. Kajian ini merumuskan bahawa penglibatan pihak antarabangsa menghadirkan impak positif iaitu peningkatan penggunaan teknologi kepada EMB, membantu aktor untuk memobilisasikan bantahan pilihan raya yang memenuhi piawaian, mendidik masyarakat mengenai norma pilihan raya antarabangsa, dan mengekang penipuan pilihan raya oleh calon-calon bertanding.

Pemantauan pilihan raya juga berperanan sebagai mekanisme tekanan atau pendesak kepada sesebuah kerajaan untuk memastikan urusan pilihan raya dijalankan dengan berintegriti dan mendapat kepercayaan semua pihak. Hal ini dibuktikan melalui kajian Chand (1997). Dalam meneliti implikasi pemantauan pilihan raya antarabangsa ke atas senario politik domestik, kajian ini mendapati pemantauan pilihan raya antarabangsa mampu menghadirkan sebanyak lima fungsi iaitu meningkatkan kredibiliti pilihan raya dengan menghalang penipuan, menyediakan bantuan teknikal bagi memperkemaskan proses pilihan raya, berperanan sebagai orang tengah dalam meredakan perbalahan politik, memastikan masalah yang berlaku dalam pilihan raya diselesaikan pihak berwajib, dan sebagai penyelia pilihan raya luar bagi mengekalkan keamanan.

Dari segi sumbangan, kajian ini merumuskan bahawa tekanan oleh pihak antarabangsa mampu menggalakkan kerajaan untuk membangunkan institusi pilihan raya yang lebih adil melalui keanggotaan EMB yang bebas, daftar pemilih yang lebih tepat, hak asasi manusia, media rasmi pilihan raya, pembiayaan dana parti yang telus, dan sebagainya.

Namun, tidak semua urusan pendanaan berupaya membawa impak positif terhadap tadbir urus sesebuah negara. Perbincangan mengenai peranan bantuan demokrasi terhadap tadbir urus di sesebuah negara, juga termasuklah aspek pilihan raya diberi penyentuhan melalui kertas konsep Santiso (2001). Kajian ini berhujah bahawa generasi pertama bantuan demokrasi antarabangsa gagal untuk menghadirkan impak dan keberkesanan terhadap tadbir urus sesebuah negara demokrasi. Justeru, kajian ini mencadangkan agar generasi kedua bantuan demokrasi antarabangsa sepatutnya beralih daripada bantuan teknikal tradisional kepada bantuan yang lebih komprehensif dan bersifat intervensi politik. Saranan ini dikemukakan berikutan daripada kesukaran mod yang dipraktikkan terdahulu untuk mengukur keberkesanan bantuan demokrasi yang diberikan kepada sesebuah negara.

Penumpuan pengukuran yang efektif adalah tertumpu kepada pulangan hasil yang diperoleh daripada perbelanjaan wang awam, peningkatan praktis pengurusan dan pengurangan tingkah laku rasuah. Usaha ke arah ini telah pun dimulakan melalui beberapa kajian empirikal yang dijalankan oleh *The Development Assistance Committee* (DAC) iaitu sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) yang menumpukan kepada pemantauan serta penilaian program pembangunan penyertaan dan tadbir urus baik,

dan Bank Dunia yang tertumpu kepada korelasi antara tadbir urus dengan prestasi kerajaan.

2.10 Teori Identifikasi Parti

Teori Identifikasi Parti merujuk kepada psikologi jangka panjang yang menghubungkan diantara pengundi dan sebuah parti politik yang dipilih (Campbell, Convers, Miller & Stokes, 1960). Teori psikologi sosial dalam identifikasi parti menjelaskan bahawa identifikasi parti berkembang pada awal kehidupan seseorang dan dipengaruhi oleh ibu bapa melalui proses sosialisasi politik. Dari semasa ke semasa, individu membentuk hubungan yang baik dengan pihak dan parti tertentu secara berterusan sepanjang hidup mereka serta menilai dari sudut pandang mereka tentang politik. Identifikasi parti juga merujuk kepada ikatan dan kesetiaan yang berpanjangan terhadap sesebuah parti dan ia mempengaruhi sikap dan tingkahlaku politik di samping sentiasa mengundi parti tertentu dalam pilihan raya (Bernardi, Sandri dan Seddone, 2016; Ghazali, 2008).

Kuatnya pengaruh identifikasi terhadap tingkah laku pengundi adalah berkaitan dengan sikap. Menurut Greenstein (1965), sikap memiliki tiga fungsi, iaitu:

a) Fungsi kepentingan

Penilaian terhadap suatu subjek atau objek yang diberikan berdasarkan motivasi, minat dan kepentingan individu tersebut.

b) Fungsi penyesuaian diri

Seseorang bersikap tertentu sesuai dengan keinginan individu tersebut untuk sama atau tidak sama dengan pemimpin yang disegani.

c) Fungsi luaran dan pertahanan diri

Keupayaan untuk mengatasi konflik atau tekanan psikologi, yang mungkin wujud dalam mekanisme luaran dan pertahanan diri seperti idealisasi, rasionalisasi, dan identifikasi.

2.11 Teori Pilihan Rasional

Kajian kontemporari terhadap tingkahlaku pengundi juga didapati banyak beroperasi dalam kerangka Teori Pilihan Rasional (Stokes 1992; Clark & Harold, 2004; Dalton & Klingemann, 2007). Isu yang menjadi fokus utama kepada Teori Pilihan Rasional adalah penilaian terhadap polisi parti, prestasi ekonomi dan imej kepimpinan parti. Andaian utama model ini ialah pengundi merupakan individu yang rasional dalam membuat pertimbangan terhadap calon dan parti sebelum mereka mengundi. Teori Pilihan Rasional yang dipopularkan oleh Downs (1957) ini, mengandaikan pengundi bertindak secara rasional semasa membuat keputusan untuk keluar mengundi dan semasa membuat pilihan ketika mengundi. Prinsip asas Teori Pilihan Rasional berasal daripada ekonomi neoklasik dan merupakan tindakan rasional daripada individu atau pengundi untuk melakukan sesuatu tindakan berdasarkan tujuan tertentu dan tujuan itu ditentukan oleh nilai atau pilihan (Douglas, 2004).

Teori Pilihan Rasional ini adalah berdasarkan kepada perhatian individu atau pengundi. Pengundi dilihat sebagai individu yang mempunyai tujuan atau maksud tertentu dan tindakannya bertumpu pada keupayaan untuk mencapai tujuan tersebut. Melalui pendekatan pilihan rasional, faktor yang menentukan kejayaan dalam pilihan raya bukanlah tahap kebergantungan terhadap ikatan sosial atau keterikatan parti yang kuat, tetapi fokusnya kepada hasil penilaian rasional daripada pengundi yang baik (Zidni, 2014).


2.12 Teori Sosiologi

Teori Sosiologi juga merupakan teori yang penting dalam kajian tingkah laku pengundi terhadap parti politik (Roth, 2008). Sosiologi adalah ilmu pengetahuan yang memberi pemahaman interpretatif tentang suatu tindakan sosial dalam rangka untuk membuat penjelasan berkaitan sebab dan akibat (Weber, 1964). Aspek sosiologi dalam tingkah laku pengundi yang paling mempengaruhi pilihan rakyat dalam pilihan raya adalah ciri-ciri sosial dan kelompok sosial (Gusti, et al., 2014). Menurut Gusti, et al. (2014) ciri-ciri sosial menentukan kecenderungan politik seseorang. Manakala, kelompok sosial adalah merangkumi umur, jantina, agama, pekerjaan, sosio-ekonomi, kawasan tempat tinggal, latar belakang keluarga dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh individu. Kelompok sosial inidilihat berpengaruh dalam keputusan pemilihan parti kerana ia berperanan dalam membentuk sikap, persepsi dan orientasi individu. Penekanan Teori Sosiologi juga diberikan kepada perkara sosialisasi iaitu cara atau kaedah seseorang individu menerima norma, nilai dan pengalaman politik dalam kehidupan (Anis, 2008).

Sosialisasi politik berlaku disebabkan oleh proses pembudayaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dari pelbagai sudut seperti politik, ekonomi dan sosial (Siti Rohana, Norun, Nor Fazilah & Zanariah, 2008). Sosialisasi politik bermula apabila masyarakat belajar tentang politik dan kerajaan dengan melalui putaran hidup daripada zaman kanak-kanak hingga dewasa. Sosialisasi politik adalah suatu proses yang memungkinkan seseorang individu mengenali sistem politik yang kemudian menentukan persepsinya terhadap politik serta reaksi-reaksi terhadap gejala-gejala politik.

2.13 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dibina berdasarkan Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB yang terdiri daripada empat elemen utama iaitu keadilan, ketelusan, keberkesanan, dan sistematik.



Rajah 2.3 Kerangka Kajian

Sumber: Diubahsuai daripada Mozaffar & Schedler (2002); Kelley (2012)

2.14 Kesimpulan Bab

Istilah tadbir urus pilihan raya mungkin jarang-jarang digunakan masyarakat umum dalam menilai aturan dan pelaksanaan pilihan raya. Namun, ia merupakan suatu kaedah penting bagi mewujudkan ruang persaingan pemilihan politik yang seimbang dan telus. Pengurusan pelbagai aspek pilihan raya yang melibatkan tiga fasa utama iaitu pra – penyediaan prosedur pengurusan pilihan raya, semasa – pelaksanaan proses-proses dalam pilihan raya, dan pasca – penyelesaian pertikaian berkaitan pelaksanaan dan keputusan pilihan raya merupakan asas penting dalam menghubungkan jalinkan antara tuntutan keseluruhan implementasi proses pilihan raya mengikut turutan dan legitimasi pilihan raya yang diperoleh daripada pemegang taruh terlibat. Namun, teratas dalam pegangan prinsip ini adalah tahap keneutralan sesuatu EMB dalam

memikul tanggungjawab dalam pengurusan pilihan raya. Kupasan perbincangan yang dimuatkan dalam artikel ini berupaya memperincikan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh EMB, bagi mengekang kualiti pilihan raya yang dikendalikan mereka.

Penelitian secara 360⁰ mendapati sekurang-kurangnya empat cabaran utama perlu dihadapi EMB iaitu: tekanan untuk menjalankan pilihan raya secara cekap, telus dan efisien; tekanan terhadap penyediaan ruang dan pentas persaingan pilihan raya yang adil dan seimbang daripada para calon dan parti politik yang terlibat; tekanan daripada kumpulan masyarakat sivil yang membawa pegangan nilai-nilai demokrasi dan kesamarataan hak-hak bagi sesuatu kumpulan etnik mahupun sosial yang diwakili mereka; dan tekanan terhadap pematuhan piawaian pilihan raya oleh badan-badan antarabangsa yang terdiri daripada para promotor dan pemberi dana bagi urusan pendemokrasian.

Kritikan oleh pelbagai pihak berkepentingan terhadap beberapa keputusan kerajaan berkaitan pengurusan pilihan raya membuktikan bahawa aspek tadbir urus pilihan raya semakin mendapat perhatian masyarakat umum di Malaysia. Senario politik semasa dijangka akan terus menjadi faktor pemangkin terhadap desakan secara berterusan oleh aktor-aktor terlibat ke atas aspek pengurusan pilihan raya yang lebih kredibiliti menjelang yang akan datang. Justeru, adalah wajar kajian lanjut dijalankan berkaitan tadbir urus pilihan raya secara spesifik dalam konteks Malaysia.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Seperti yang ditunjukkan dalam tajuk, bab ini merangkumi metodologi kajian bagi ini. Secara lebih terperinci, dalam bahagian ini penulis menggariskan kaedah kajian, reka bentuk kajian, pendekatan kajian, kaedah pengumpulan data, pemilihan sampel, proses penyelidikan, jenis analisis data, pertimbangan etika dan batasan penyelidikan projek.

3.2 Kaedah Kajian

Prosedur atau kaedah kajian adalah penting bagi menjalankan sesuatu kajian. Kaedah kajian perlu dipilih dan dinilai sebaiknya untuk memastikan objektif kajian dicapai dan perseoalan kajian dapat dijawab dengan baik. Bagi memandu penyelidik menjalankan kajian, teknik kajian adalah antara kaedah yang digunapakai bagi memilih metod kajian (Bennett & Elman, 2006).

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat kepada peranan, strategi, dan kaedah yang digunapakai oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mencapai pilihan raya yang adil, bersih, dan bersistematik. Bagi memenuhi objektif kajian, kaedah kualitatif telah dipilih untuk digunakan di dalam kajian ini. Kaedah kualitatif merupakan penekanan kepada pemahaman mendalam tentang konteks, proses, dan makna yang berkaitan


yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Ciri utama penyelidikan kualitatif ialah kebanyakannya sesuai untuk sampel kecil, manakala hasilnya tidak boleh diukur dan boleh diukur. Menurut Collis dan Hussey (2013), kelebihan kaedah kualitatif ialah ia menawarkan penerangan dan analisis subjek penyelidikan yang lengkap tanpa menghadkan skop penyelidikan dan sifat tindak balas informan.

Bagi mengkaji strategi, peranan, dan kaedah yang dijalankan oleh SPR, teknik yang tepat digunakan ialah teknik kualitatif melalui kaedah temu bual, semakan dokumen, dan kajian di perpustakaan, memandangkan masa yang terhad untuk menyiapkan kajian ini. Sebenarnya terdapat banyak kajian berkaitan apa yang dimainkan oleh SPR dalam pilihan raya di Malaysia. Oleh itu, dengan menjalankan penyelidikan ini, garis masa strategi, peranan, dan kaedah yang digunakan SPR dapat dilihat dan pemahaman baru dan semasa berkaitan topik penyelidikan dapat dikenal pasti.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Bagi memastikan kajian mencapai objektifnya, maka reka bentuk kajian merupakan sesuatu yang perlu dititikberatkan. Bagi kajian ini, kaedah kualitatif akan digunapakai. Kajian ini melibatkan kaedah temu bual, semakan dokumen, dan kajian di perpustakaan. Ini bermakna, sumber utama kajian ini adalah dari dua sumber iaitu primer dan sekunder. Sumber primer merujuk kepada sumber yang menyediakan maklumat atau data asal yang diperolehi secara langsung daripada sumber asal atau peristiwa itu sendiri. Sumber ini adalah sumber yang pertama kali mencipta atau merekodkan maklumat atau data tersebut (Sekaran & Bougie, 2019). Manakala sumber sekunder merujuk kepada sumber yang menggunakan, menganalisis, atau menginterpretasi maklumat atau data yang diperolehi daripada sumber primer. Sumber

ini adalah hasil daripada pengelompokan semula, analisis, atau penafsiran data oleh individu atau organisasi lain (Sekaran & Bougie, 2019). Kaedah ini dipilih berdasarkan kesesuaian semasa dan paling sesuai digunakan bagi topik kajian. Kaedah ini juga dilihat dapat menjimatkan masa dan tidak terlalu mahal. Dalam keadaan pandemik pada hari ini, temu bual dengan informan yang dipilih boleh dilakukan secara dalam talian sekiranya berlaku kekangan fizikal.



Rajah 3.1 Carta Alir Proses Kajian

Kajian ini melibatkan beberapa peringkat (Rajah 3.1). Ini adalah bagi memastikan kajian berlangsung dengan teratur dan lancar. Seperti di Rajah 3.1, kajian ini bermula setelah topik dan skop penyelidikan dikenalpasti. Kemudian, bahan bacaan berkaitan dengan tajuk kajian dicari. Setelah itu, masalah berkaitan tajuk kajian akan dilihat secara umum. Persoalan kajian dibentuk setelah meneliti bahan literatur dan seterusnya objektif kajian dibentuk sebagai pemandu kepada kajian. Kajian ini kemudiannya melalui proses pengumpulan data di mana data kajian dikumpul melalui temu bual dan kajian perpustakaan.

Selepas data yang diperlukan lengkap, semua data akan dianalisis bagi memastikan objektif kajian dicapai. Akhir sekali, perbincang mengenai dapatan kajian akan

dilakukan dan kesimpulan daripada hasil kajian akan menjawab persoalan dan objektif kajian.

Secara umumnya, teknik ini dianggap sangat sesuai untuk kajian ini. Ini adalah kerana ia dilakukan mengikut urutan dan dilaksanakan bagi melaksanakan tugas dan menjawab persoalan kajian. Konsep umum semakan dokumen sebagai satu proses “menilai dokumen dengan cara yang menjana pengetahuan empirikal dan membangunkan pemahaman” (Bowen, 2009). Tambah Bowen (2009), ia bukan hanya proses penyusunan koleksi petikan yang menyampaikan apa yang diingini oleh kajian, malah pengkaji mesti mengekalkan objektiviti dan peka yang tinggi supaya hasil analisis dokumen boleh dipercayai dan sahih (Bowen, 2009).

3.4 Sumber Data

3.3.1 Data Primer

Data primer ialah data asal yang dikumpul khusus untuk menjawab persoalan kajian (Marican, 2005). Sumber maklumat ini sering dikumpul melalui pemerhatian dan temu bual. Oleh itu, pengumpulan data adalah tinjauan sistematik temu bual dengan informan daripada individu dan kumpulan yang terlibat dalam pilihan raya.

Sumber data primer ialah sumber data asal, iaitu sumber tempat penyelidik mengumpul data secara terus untuk tujuan penyelidikan atau projek tertentu. Data mentah boleh dikumpul dalam beberapa cara. Teknik yang paling biasa, bagaimanapun, adalah tinjauan, temu bual, pemerhatian lapangan dan eksperimen buatan sendiri. Pengumpulan data primer agak mahal dan memakan masa berbanding mengumpul data sekunder (Hox & Boeije, 2005). Walau bagaimanapun, pengumpulan

data primer mungkin satu-satunya kaedah yang sesuai untuk jenis penyelidikan tertentu.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder diambil daripada artikel, buku, disertasi dan jurnal berkaitan untuk mendalami konsep dan teori kajian lepas mengenai pilihan raya di dalam serta luar negara. Bagi kajian ini, kebanyakan data sekunder akan melihat tulisan berkaitan PRU14 yang berlaku pada tahun 2018.

3.4 Persampelan

Kaedah persampelan ialah teknik yang digunakan dalam penyelidikan untuk memilih subset (sampel) individu atau elemen daripada populasi yang lebih besar. Persampelan yang betul adalah penting untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai dan mewakili. Dalam konteks kajian ini, penyelidik menggunakan teknik persampelan tujuan (*purposive sampling*) untuk memilih informan. Persampelan tujuan merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai informan kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan (Patton, 1990). Oleh itu, penyelidik dapat memilih dengan sengaja individu dan kawasan yang terlibat untuk membantu dalam membangunkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap permasalahan kajian yang dijalankan.

Kajian ini telah menggunakan 13 orang informan kajian yang terdiri daripada pegawai SPR dan pengundi PRU ke-14 termasukla pengundi dalam dan luar negara serta pengundi pos. Jumlah informan kajian ini sangat bersesuaian seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2013), beliau menggambarkan bahawa dalam pendekatan kualitatif

kajian kes boleh mengkaji satu sehingga empat orang peserta kajian. Pemilihan informan kajian ini adalah mengikut kriteria yang diperlukan berdasarkan permasalahan dalam kajian (Bogdan & Biklen, 2007). Antara alasan pemilihan informan kajian adalah seperti berikut:

- a. Informan kajian yang dipilih adalah yang telah dikenalpasti sebagai pengundi pada PRU ke-14 untuk memudahkan penyelidik memahami secara dekat pandangan terhadap sistem pilihan raya di Malaysia selari dengan tujuan kajian untuk mewujudkan sistem pilihan raya yang sistematik, adil, dan bersih.
- b. Penyelidik juga memilih dua kakitangan SPR sebagai informan yang mewakili badan pelaksana untuk melihat secara menyeluruh permasalahan yang timbul dalam sistem pilihan raya di Malaysia.
- c. Penyelidik juga telah memilih informan kajian dalam kalangan latar belakang yang berbeza untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berbeza.
- d. Tidak hanya tertumpu pada pengundi biasa, penyelidik juga memilih pengundi luar negara dan pengundi pos sebagai informan kajian ini untuk melihat pandangan ketelusan sistem yang digunakan.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data biasanya berdasarkan data dan maklumat sejarah dan ia dipecahkan kepada dua sumber iaitu semakan dokumen dan semakan perpustakaan. Teknik ini membolehkan syarat-syarat kajian difahami oleh pengkaji. Teknik ini juga boleh digunakan bagi memastikan kajian ini mempunyai hala tuju kajian yang jelas dan tidak tersasar dari objektif. Bagi kajian kualitatif, bahan berasaskan dokumen amat

penting dan ia boleh menjadi sumber data utama bagi kajian ini. Hal ini kerana data tersebut mendaftar maklumat penting berkaitan subjek pada masa dan situasi tertentu (Silverman, 2006). Data daripada keratan akhbar, artikel, buku, sumber internet, dan video dikumpul dan dianalisis serta dipersembahkan.

3.5.1 Temu bual

Data dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang dikumpul melalui kaedah temu bual. Kaedah ini sering digunakan dalam sains sosial di pelbagai bidang yang mana membolehkan penyelidik mengumpul maklumat, pandangan dan perspektif yang mendalam daripada reponden (Creswell, 2017). Penyelidik telah memilih teknik temu bual separa berstruktur dan soalan-soalan telah dirangka terlebih dahulu dan pertanyaan adalah bergantung pada situasi reponden. Dalam temu bual separa berstruktur, penyelidik mempunyai set soalan atau topik yang telah ditetapkan untuk membimbing temu bual, tetapi mereka juga mempunyai fleksibiliti untuk bertanya soalan susulan dan meneroka bidang tertentu dengan lebih mendalam. Pendekatan ini membolehkan keseimbangan antara pengumpulan data piawai dan interaksi perbualan terbuka dengan orang yang ditemu bual. Selain itu, kaedah ini juga membolehkan informan meluahkan sebarang idea atau pandangan yang terlintas dalam fikiran mereka.

Dalam kajian ini, proses temu bual dijalankan kepada setiap 13 orang informan dalam tempoh masa 10 hingga 30 minit dan perakam suara digunakan bagi merekod maklumbalas informan. Analisis data diambil daripada temu bual dengan 13 orang informan yang terdiri daripada pegawai SPR dan warganegara Malaysia yang mengundi pada PRU ke-14 di dalam dan luar negara. Transkrip setiap rakaman temu

bual yang telah direkod diterjemahkan secara bertulis untuk memudahkan data analisis yang seterusnya. Penyelidik membangunkan dua set soalan terbuka iaitu Set 1 untuk diajukan kepada yang terdiri daripada pegawai SPR manakala Set 2 ada untuk warganegara Malaysia yang mengundi pada PRU ke-14. Soalan-soalan yang dibincangkan dalam setiap temu bual adalah seperti berikut:

a) Set 1: Pegawai SPR

1. Sila perkenalkan diri Tuan / Puan termasuk latar belakang dan penglibatan Tuan / Puan dalam Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

2. Apakah kaedah semasa yang digunakan oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya?

Adakah kaedah ini digunakan sejak pertama kali pilihan raya diadakan di Malaysia iaitu pada tahun 1959?

Adakah terdapat lebih dari satu kaedah dalam pengurusan pilihan raya? Jika YA, apakah kaedah-kaedah lain yang digunakan?

3. Adakah Tuan / Puan berpendapat kaedah yang dijalankan oleh SPR adalah bersistematik, bersih dan adil?

Jika YA, kenapa?

Jika TIDAK, kenapa?

4. Pada pendapat Tuan / Puan apakah kelemahan atau kelebihan yang terdapat dalam sistem pilihan raya yang dijalankan?

5. Apakah cadangan atau penambahbaikan yang dapat Tuan / Puan berikan bagi memastikan agar sistem pilihan raya yang dijalankan lebih bersistematik, bersih dan adil?

b) Set 2: Pengundi PRU14

1. Sila perkenalkan diri Tuan / Puan termasuk latar belakang dan sudah berapa kali Tuan / Puan mengundi.
2. Apakah pendapat Tuan / Puan terhadap sistem pilihan raya yang dijalankan oleh SPR?


Apakah kelemahan atau kelebihan yang dapat dikenalpasti oleh Tuan / Puan terhadap sistem pilihan raya yang dijalankan?

3. Adakah Tuan / Puan merasakan sistem pilihan raya yang dijalankan bersistematik, bersih dan adil?

Jika YA, kenapa?

Jika TIDAK, kenapa?

4. Apakah cadangan atau penambahbaikan yang dapat Tuan / Puan berikan bagi memastikan agar sistem pilihan raya yang dijalankan lebih bersistematik, bersih dan adil?



Seterusnya, protokol temu bual juga dibangunkan bagi memastikan konsistensi antara temu bual yang mana mengandungi nama projek kajian berserta penjelasan tentang tujuan kajian, masa dan tempat temu duga, nama dan jawatan orang yang ditemu duga, dan akhir sekali nama penemuduga. Nama informan akan dinyatakan dalam dapatan kajian ini setelah mendapat persetujuan daripada mereka.

3.5.2 Kajian Dokumen

Semakan dokumen adalah antara satu kaedah yang digunakan di dalam kajian kualitatif. Kaedah ini mentafsirkan dokumen bagi memberi makna dan suara kepada

subjek kajian (Bowen, 2009). O'Leary (2014) berpendapat bahawa sumber sekunder mempunyai tiga jenis, iaitu- bukti fizikal, dokumen peribadi, dan rekod awam.

a) Rekod Awam

Rekod rasmi yang berterusan bagi aktiviti organisasi seperti penyata misi, laporan tahunan, manual dasar, buku panduan, pelan strategik.

b) Dokumen Peribadi

Akaun orang pertama tentang tindakan, pengalaman dan kepercayaan individu. Contohnya termasuk kalendar, e-mel, buku skrap, blog, catatan Facebook, log tugas, laporan insiden, refleksi atau jurnal dan surat khabar.

c) Bukti Fizikal

Objek fizikal yang ditemui dalam persekitaran kajian (sering dipanggil artifak). Contohnya termasuk risalah, poster, agenda, buku panduan dan bahan latihan.

Semakan dokumen ialah cara mengumpul data dengan menyemak dokumen sedia ada. Dokumen itu mungkin dalaman kepada program atau organisasi seperti rekod apakah komponen program pengurusan dan strategi telah dilaksanakan oleh SPR atau mungkin luaran. Dokumen boleh salinan cetak atau elektronik dan mungkin termasuk laporan, log program, penilaian prestasi, cadangan pembiayaan, minit mesyuarat, surat berita, dan bahan pemasaran (Bowen, 2009).

3.5.3 Kajian Perpustakaan

Bagi melengkapkan maklumat, bahan rujukan berkaitan perlu diperolehi di perpustakaan. Melihat kepada tajuk dan objektif kajian, pelbagai rujukan dari pelbagai

bidang terutamanya politik pilihan raya, sistem pilihan raya, serta strategi pemantauan pilihan raya perlu dirujuk. Pengkaji harus mencari perkara-perkara yang disebutkan di atas untuk mendapatkan maklumat tentang penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan atau ketidakselarasan dalam bahan rujukan daripada semua sumber yang serupa dengan kajian ini.

Kajian lepas perlu dikaji semula untuk memastikan tajuk kajian disokong bagi menjadikan ia sumber maklumat. Kajian terdahulu adalah penting bagi memastikan kajian lepas tidak berulang di dalam kajian ini. Selain itu, ia turut bagi memberi penghargaan kepada penulisan pakar di dalam bidang ini. Kebanyakan kajian yang diambil adalah datang daripada tinjauan yang dijalankan di peringkat nasional dan terdapat juga kajian daripada dari luar negara diambil sebagai rujukan di dalam kajian ini. Bagi tinjauan perpustakaan, pengkaji menggunakan perkhidmatan beberapa perpustakaan di seluruh negara termasuklah Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan lain yang mempunyai kedai buku dan bahan rujukan berkaitan topik.

3.6 Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh daripada temu bual dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan. Bell (2003) menyatakan analisis kandungan ialah kaedah menganalisis kandungan daripada teks dengan lebih terperinci. Teks terdiri daripada imej, simbol, tema, perkataan, idea, dan sebagainya. Cadangan analisis kandungan membolehkan pemahaman data. Dengan ini, data yang boleh difahami tidak muncul sebagai ingatan peristiwa fizikal, tetapi sebagai tanda simbolik yang mempunyai cerita dan makna yang boleh diterjemahkan ke dalam teks. Menurut Krippendorff (1993),

analisis kandungan ialah kaedah penyelidikan dalam membuat kesimpulan dengan menggunakan data yang sah melalui penyiasatan konteksnya.

Analisis juga merupakan teknik yang sangat berguna untuk mengkaji kandungan media, sama ada media cetak atau media penyiaran (Burhan Bungin, 2003). Oleh itu, boleh diputuskan bahawa pendekatan analisis kandungan adalah teknik yang berfungsi sebagai perbincangan khusus tentang data bertulis atau bahan tidak bertulis. Dalam analisis kandungan ini, kajian ini menggunakan analisis konseptual mengikut skop kajian yang menumpukan kepada huraian atau menerangkan konsep yang dikaitkan dengan kandungan yang disemak. Kajian ini memilih perkataan atau frasa yang kemudiannya dikelaskan mengikut kategori mengikut keutamaan kajian.

Data dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang dikumpul melalui kaedah temu bual. Semasa proses temu bual, perakam suara digunakan bagi merekod maklumbalas informan. Analisis data diambil daripada temu bual dengan 13 orang responden yang terdiri daripada pegawai SPR dan warganegara Malaysia yang mengundi pada PRU14 di dalam dan luar negara. Transkrip rakaman akan diterjemahkan secara bertulis. Data temu bual dianalisis mengikut prosedur yang disyorkan oleh Creswell (1998). Ia melibatkan proses merumus, mengundi, menyusun, dan mentafsir data. Temu bual secara mendalam dapat memberi gambaran yang realistik tentang pengalaman informan dalam mengumpul data sebenar dan tepat. Maklumat temu bual dikumpul sehingga tahap tepu. Ia adalah maklumat daripada informan baharu semasa temu bual memberikan lebih banyak maklumat baharu berkaitan persoalan kajian berbanding dengan informan terdahulu (Merriam, 1998).

Temu bual secara bersemuka telah dijalankan bagi menyokong data asas yang diperoleh dengan memfokuskan kepada kakitangan pelaksana SPR yang bertugas di tapak untuk mendapatkan maklum balas menyokong hasil kajian tentang peranan dan strategi SPR. Selain itu, temu bual dengan orang awam yang terlibat dalam pilihan raya juga dapat memberi gambaran sebenar bagi hasil dari penggunaan strategi semasa SPR dalam mencapai pilihan raya yang bersih, telus, dan sistematik. Bowen (2009) berkata analisis kandungan merupakan salah satu kaedah dalam kajian kualitatif yang mana pengkaji mentafsir dokumen bagi mengetahui perkaitannya dengan subjek kajian.

Analisis dokumen ialah satu bentuk penyelidikan kualitatif yang menggunakan prosedur sistematik untuk menganalisis bukti dokumentari dan menjawab soalan kajian khusus. Analisis dokumen adalah apabila digunakan dalam triangulasi, dokumen boleh menyokong atau menafikan, menjelaskan atau mengembangkan penemuan merentas sumber data lain, yang membantu menjaga daripada berat sebelah (Bowen, 2009). O'Leary (2014) menerangkan “proses perancangan 8 langkah” yang perlu dijalankan bukan sahaja dalam analisis dokumen, tetapi analisis teks yang konsisten.



Rajah 3.2 Proses Perancangan 8 Langkah (O'Leary, 2014)

O'Leary (2014) menyatakan tidak menjadi kesalahan untuk seseorang pengkaji itu menggunakan sejumlah besar teks untuk kajian dan tidak salah jika pengkaji tersebut hanya menggunakan dokumen bertulis. Walau bagaimanapun, ia adalah persoalan tentang berapa banyak dokumen yang perlu dan patut dikumpul. Bowen (2009) mencadangkan perlunya untuk dokumen diperbanyakan. Dengan dokumen yang pelbagai, pengkaji dapat mempertimbangkan kualiti dokumen yang dihasilkan daripada kuantiti yang dikumpul.

O'Leary (2014) turut menyentuh dua kebimbangan utama yang perlu diambilkira ketika melakukan analisis dokumen. Pertama ialah dokumen tidak dibuat dengan agenda kajian data dan oleh itu memerlukan beberapa kemahiran penyiasatan. Dokumen tidak akan memberikan semua maklumat yang diperlukan dengan sempurna untuk menjawab soalan penyelidikan anda. Sesetengah dokumen mungkin hanya menyediakan sejumlah kecil data berguna atau kadangkala tiada langsung. Dokumen lain mungkin tidak lengkap, atau data mereka mungkin tidak tepat atau tidak konsisten. Kadang-kadang terdapat jurang atau kekurangan dokumen, yang membawa kepada

lebih banyak carian atau pergantungan pada dokumen tambahan kemudian dirancang (Bowen, 2009). Selain itu, beberapa dokumen mungkin tidak tersedia atau mudah diakses. Atas sebab ini, adalah penting untuk menilai kualiti dokumen anda dan bersedia menghadapi beberapa cabaran atau jurang apabila menggunakan analisis dokumen.

Kebimbangan kedua yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan analisis dokumen, dan perlu diingat semasa, adalah kemungkinan kehadiran bias, baik dalam dokumen mahupun daripada penyelidik. Kedua-dua Bowen (2009) dan O'Leary (2014) menyatakan bahawa adalah penting untuk menilai dan menyiasat dengan teliti subjektiviti dokumen dan pemahaman anda tentang data mereka untuk mengekalkan kredibiliti penyelidikan.

Sebab isu yang mengelilingi analisis dokumen adalah keseimbangan dan bukan keburukan kerana ia boleh dielakkan dengan mudah dengan mempunyai proses yang jelas yang menggabungkan langkah dan langkah penilaian, seperti yang dinyatakan sebelum ini di atas dan dicontohkan oleh proses lapan langkah O'Leary. Selagi penyelidik memulakan analisis dokumen dengan mengetahui kaedah yang diperlukan dan proses yang jelas dirancang, kelebihan analisis dokumen mungkin jauh melebihi jumlah isu yang mungkin timbul.

3.7 Rumusan Bab

Ringkasnya, kajian kualitatif bertujuan untuk memahami masalah atau topik kajian yang diberikan dari perspektif tempatan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat dilihat

dari segi positif dan negatif agar lebih berpengetahuan dan berpengalaman kepada semua pihak.



BAB EMPAT

STRATEGI PENYELESAIAN SISTEM PILIHAN RAYA

4.0 Pengenalan

Secara ringkasnya, sebelum analisis melalui temu bual dijalankan, analisis deskriptif akan dijalankan. Analisis deskriptif adalah tertumpu kepada profil responden. Analisis seterusnya adalah dengan merungkai dengan lebih mendalam dapatan yang diperolehi daripada hasil temu bual berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan.

4.1 Analisis Deskriptif (Profil Responden)

Bahagian ini adalah tertumpu kepada profil responden iaitu latar belakang responden. Jadual 4.1 menunjukkan profil responden yang diperolehi daripada hasil temu bual yang dijalankan. Temu bual telah dijalankan selama dua bulan iaitu pada Disember 2022 hingga Januari 2023. Temu bual bagi kajian ini telah dijalankan secara bersemuka (*face to face*), melalui panggilan telefon dan dengan menggunakan aplikasi Google Meet.

Daripada responden yang telah ditemubual, jelas menunjukkan bahawa kajian ini telah mengambil kira pendapat daripada akar umbi bagi memastikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat menguruskan atau melaksanakan pilihan raya yang lebih adil, telus dan bersistematik. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung dapat menyediakan

gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif situasi sebenar terhadap pilihan raya yang telah dijalankan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Jadual 4.1
Profil Responden

Bil	Nama	Umur	Pekerjaan	Kategori	Tarikh Temu Bual
1	Halimatun Munawarah binti Tasu	42	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	Pengundi luar negara (Denmark)	28 Disember 2022
2	Muhammad Nizar bin Yusoff	38	Jurutera	Pengundi luar negara (Jepun)	2 Januari 2023
3	Dermawan bin Lukman	31	Pegawai Tentera	Pengundi Pos (Dalam negara)	3 Januari 2023
4	Rozaidi bin Zanon	35	Pegawai Perubatan	Pengundi Pos (Dalam negara)	26 Disember 2022
5	Md Desa bin Awang Kechik	54	Kontraktor	Pengundi Biasa	24 Disember 2022
6	Nor Ain binti Mahalluddin	38	Peniaga	Pengundi Biasa	27 Disember 2022
7	Suziana Syaza binti Harun	44	Kakitangan SPR	Kakitangan SPR	7 Januari 2023
8	Mohd Zaifil Iqmal bin Omar Din	47	Kakitangan SPR	Kakitangan SPR	7 Januari 2023
9	Nor Erza Binti Shafei	37	Barisan Nasional	Wakil Parti Politik	31 Disember 2022
10	Zainon bin Ahmad Senu	58	BERSATU	Wakil Parti Politik	30 Disember 2022
11	Mohd Sanusi bin Rejab	59	PAS	Wakil Parti Politik	4 Januari 2023
12	Rosli bin Mustapha	47	Amanah	Wakil Parti Politik	3 Januari 2023
13	Yahya Mohd bin Saidon	65	PKR	Wakil Parti Politik	29 Disember 2022

4.2 Objektif I: Kaedah Semasa yang Digunakan oleh SPR dalam Menguruskan Pilihan Raya

Di Malaysia terdapat beberapa elemen penting yang perlu diberi penekanan bagi melaksanakan pilihan raya. Elemen-elemen tersebut terdiri daripada:

a) Bahagian pilihan raya

Dalam sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia, seseorang calon dipilih untuk mewakili penduduk-penduduk sesuatu bahagian pilihan raya di Parlimen (Pilihan Raya Umum) atau Dewan Undangan Negeri (Pilihan Raya Negeri).

Sehingga kini terdapat 222 kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) dan 576 kerusi Dewan Undangan Negeri.

b) Pemilih

Sebagai sebahagian daripada fungsi utamanya, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bertanggungjawab untuk mengkaji semula sempadan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri. Seperti yang tertera di dalam Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya perlu menjalankan kajian ini setiap tidak kurang daripada 8 tahun. Bagaimanapun, ia boleh ditangguhkan sekiranya terdapat peristiwa besar, seperti pilihan raya umum.

c) Calon

Satu elemen penting dalam sistem pilihan raya ialah seseorang pemilih itu mestilah mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dia boleh mengundi dalam pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Di Malaysia, seseorang itu layak untuk mendaftar jika dia: -

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh kelayakan;
- iii. seorang penduduk di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia;
- dan
- iv. tidak hilang kelayakan.

d) Proses pilihan raya

Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil bermula dengan pengeluaran writ pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kepada Pegawai Pengurus. Pada masa yang sama satu notis akan diwartakan, menetapkan tarikh-tarikh hari

penamaan calon dan hari mengundi. Proses pilihan raya bermula dengan hari penamaan calon, kempen dan hari mengundi.

Hasil temu bual menunjukkan rata-rata informan menyatakan bahawa proses pilihan raya adalah seperti yang telah dinyatakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“... PRU 14 first time saya mengundi dari sini (Denmark). Saya guna undi online, tak macam warganegara yang tinggal di luar negara macam student yang perlu undi pos, kena keluar duit sendiri untuk bayar kurier”.

(Halimatun Munawarah binti Tasu, 28 Disember 2022)

“... saya tengok proses pilihan raya mula dari bubar parlimen dan DUN, lepas tu SPR tetap tarikh untuk hari penamaan calon, tempoh berkempen dan hari mengundi, termasuk tarikh untuk undi pos”.

(Mohd Nizar bin Yusof, 2 Januari 2023)

“... saya dah tiga kali mengundi dan saya lihat tiada perubahan dalam proses pilihan raya. Bubar Parlimen dan DUN, tetap tarikh oleh SPR. Lepas tu mengundi. Tu ja”.

(Md Desa bin Awang Kechik, 24 Disember 2022)

“... PRU 14, adalah PRU pertama bagi saya. Sebelum ni saya tak kisah bab-bab nak mengundi ni. Jadi bab proses pilihan raya ni yang saya tau cuma tarikh nak mengundi ja, lepas tu cara nak pergi mengundi”.

(Nor Ain binti Mahalluddin, 27 Disember 2022)

“... bagi proses pilihan raya ni memang tak ada banyak perubahan, SPR guna kaedah yang agak sama saja untuk setiap kali pilihan raya diadakan.

(Nor Erza Binti Shafei, 31 Disember 2022)

“... proses pilihan raya bagi orang awam mungkin dilihat dari segi SPR tetap tarikh untuk penamaan calon, tempoh berkempen dan tarikh mengundi sahaja. Selain apa yang dilihat oleh orang awam, pilihan raya juga ada perubahan dalam akta bagi pilihan raya tertentu”

(Mohd Zaifil Iqmal bin Omar Din, 7 Januari 2023)

“... sepanjang saya mengundi proses pilihan raya macam tu ja, taka da perubahan”.

(Mohd Sanusi bin Rejab, 4 Januari 2023)

“... setahu saya pilihan raya yang pertama diadakan pada tahun 1955 dan menggunakan Suruhanjaya Reid. Dan dilihat lebih kurang macam dulu ja proses pilihan raya ni”.

(Zainon bin Ahmad Senu, 30 Disember 2022)

“... proses pilihan raya sememangnya tiada banyak perubahan, kaedah yang sama sahaja digunakan iaitu sejak pilihan raya pertama dijalankan pada tahun 1955. Perubahan yang ada pun dari segi akta, persempadanan kawasan mengundi dan sebagainya. Overall memang tak ada banyak perubahan”.

(Suziana Syaza binti Harun, 7 Januari 2023)

“... kaedah pilihan raya pada pengetahuan saya mula dari bubar DUN dan parlimen, SPR tetap tarikh untuk penamaan calon dan tarikh untuk mengundi. Tu ja kot kaedah yang digunakan. PRU 14, first time undi pos. Cuma undi awal dari hari mengundi bagi pengundi biasa”.

(Rozaidi bin Zanon, 26 Disember 2022)

“... saya undi pos untuk PRU 14, jadi tiada perubahan dari undi PRU 13. Kaedah yang sama sahaja SPR guna. Cuma undi pos, undi awal sikit dari tarikh pengundian sebenar yang telah ditetapkan oleh SPR”.


(Dermawan bin Lukman, 3 Januari 2023)

“... kaedah yang digunakan sama saja dari yang sebelum ni. Tak da perubahan apa-apa. Tak pasti kalau ada perubahan dari segi akta dan sebagainya”.

(Rosli bin Mustapha, 3 Januari 2023)

“... dari segi kaedah, tiada perubahan pun rasanya. Kaedah yang sama ja SPR guna untuk setiap kali pilihan raya”.

(Yahya Mohd bin Saidon, 29 Disember 2022)



Hasil temu bual bagi kaedah semasa yang digunakan oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya di Malaysia jelas membuktikan bahawa tiada perubahan yang ketara dalam proses pilihan raya. Dapatan ini didapati bertentangan dengan (SPR, 2022) yang menyatakan bahawa perubahan ketara bagi proses pilihan raya adalah melalui perubahan dalam akta.

Bahagian VIII Perlembagaan Persekutuan menjelaskan struktur sistem pilihan raya di Malaysia. Bahagian ini mempunyai lapan (8) peruntukan asal dan satu (1) peruntukan tambahan iaitu Perkara 118A yang dimasukkan melalui pindaan perlembagaan pada tahun 1965. Antara peruntukan penting dalam bahagian ini adalah berkaitan penjalanan pilihan raya, penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) termasuk

keanggotaan dan kuasa SPR, cara mencabar sesuatu pemilihan dalam pilihan raya dan kelayakan memilih.

Selain dari Bahagian VIII, terdapat juga beberapa peruntukan lain yang berkaitan dengan pilihan raya ini seperti Perkara 54 yang menghendaki suatu pilihan raya diadakan dalam tempoh 60 hari jika berlaku kekosongan luar jangka dan Perkara 55(4) yang menghendaki suatu pilihan raya diadakan dalam tempoh 60 hari setelah Parlimen dibubarkan. Selain itu, beberapa akta dan peraturan lain juga telah digubal seperti Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan–Peraturan (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 dan Peraturan–Peraturan (Pengundi Pos) 2003 untuk mengawal selia sistem pilihan raya di Malaysia.

4.3 Objektif II: Strategi SPR bagi Memastikan Sistem Pilihan Raya yang Lebih Adil, Telus dan Sistematik

Bagi memastikan pengurusan pilihan raya di Malaysia lebih adil, telus, dan sistematik, pendapat dari akar umbi yang terlibat di dalam proses pilihan raya perlu diberi perhatian. Hasil temu bual bagi kajian ini mendapati informan mempunyai pendapat yang berbeza-beza bagi mewujudkan sistem pilihan raya yang lebih adil, telus dan sistematik.

Antara pendapat yang menyatakan SPR tidak adil, telus dan bersistematik adalah:

“... sebagai pengundi pos, saya rasakan ianya sudah tidak relevan untuk dilaksanakan. Lebih baik bertukar kepada undi dalam talian atau online. Rasa kalau undi online ia lebih telus. Kerana undi tersebut terus masuk ke dalam sistem”.

(Dermawan bin Lukman, 3 Januari 2023)

“... PRU 14, pada pendapat saya SPR tidak begitu telus dalam menjalankan atau menguruskan pilihan raya. Macam-macam perkara yang berlaku dan mengakibatkan ketidakpuashatian rakyat”.

(Yahya Mohd bin Saidon, 29 Disember 2022)

“... Berkaitan perkara tersebut, saya rasakan undi pos sudah tidak sesuai lagi digunakan. Memandangkan pelbagai perkara boleh terjadi sewaktu kertas undi tersebut sampai ke pihak SPR di Malaysia.

(Halimatun Munawarah binti Tasu, 28 Disember 2022)

“... PRU 14 saya berada di Jepun sebagai seorang pelajar. Sebagai pelajar SPR kategorikan kami sebagai Pengundi Tidak Hadir atau PTH, jadi kos untuk mengembalikan kertas undi perlu ditanggung sendiri. Tetapi bagi yang bekerja dan menetap di luar negara, pihak SPR boleh uruskan. Jadi, ia sememangnya tidak adil bagi kami sebagai student”.

(Mohd Nizar bin Yusof, 2 Januari 2023)

“... undi pos ni rasa tak 100% telus. Macam-macam boleh terjadi sebelum pengiraan undi dijalankan.

(Rozaidi bin Zanon, 26 Disember 2022)

Namun, terdapat juga informan yang menyatakan bahawa proses pilihan raya yang telah dilaksanakan oleh SPR adalah adil, telus, dan bersistematik. Antara pendapat tersebut adalah:

“... sebagai pengundi biasa saya rasakan apa yang telah dilakukan oleh SPR sepanjang proses pilihan raya ke 14 sudah baik, rasanya tidak ada sebarang masalah”.

(Md Desa bin Awang Kechik, 24 Disember 2022)

“... Di tempat saya, saya lihat tiada sebarang masalah untuk mengatakan SPR tidak adil, telus dan bersistematik dalam menjalankan pilihan raya”.

(Nor Ain binti Mahalluddin, 27 Disember 2022)

“... Bagi segi adil, telus dan sistematik rasanya tak ada masalah. SPR dah buat yang terbaik untuk pastikan pilihan raya di Malaysia ni berjalan dengan lancar tanpa rasuah. Tanpa rasuah sudah tentu pilihan raya adalah lebih adil, telus dan bersistematik”.

(Rosli bin Mustapha, 3 Januari 2023)

“...SPR dah jalankan proses pengundian dengan adil, telus dan bersistematik dan tidak menyebelahi mana-mana pihak”.

(Nor Erza Binti Shafei, 31 Disember 2022)

“... SPR dah laksanakan tanggungjawab dalam PRU 14. Pelbagai perkara dilaksanakan agar pilihan raya yang dijalankan bersifat lebih adil, telus dan lebih bersistematik. Antara perkara serius yang ditekankan adalah rasuah”.

(Mohd Zaifil Iqmal bin Omar Din, 7 Januari 2023)

(Suziana Syaza binti Harun, 7 Januari 2023)

“... bagi saya SPR tidak begitu telus dalam menjalankan pilihan raya di Malaysia. Ini kerana dalam pihak SPR sendiri masih berlakunya rasuah walaupun secara tidak terang-terangan. Dan masih terdapat staf SPR yang pro pada parti-parti tertentu. Ini menyebabkan rakyat merasakan ia tidak adil dan telus dalam melaksanakan pilihan raya”.

(Mohd Sanusi bin Rejab, 4 Januari 2023)

“... dah ok dah apa yang SPR dah lakukan. Kalau sebut pasal rasuah mana-mana pun ada rasuah. Nak adil dan telus tu memang susah. Benda tak Nampak. Apa pun buat masa sekarang SPR dah buat yang terbaik dalam melaksanakan pilihan raya.”

(Zainon bin Ahmad Senu, 30 Disember 2022)

Dapatan tersebut disokong oleh Mohd Husni (2018) di mana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menegaskan sistem pilihan raya yang diamalkan di negara ini telus dan adil serta tidak seperti yang digambarkan oleh pihak tertentu. Mohd Hisham (2018) pula menambah sikap pihak tertentu yang mempertikaikan ketelusan sistem pilihan raya menjelang PRU14 dianggap satu usaha propaganda yang cuba mengelirukan rakyat dan pengundi.

Walau bagaimanapun, isu utama yang menjadi tumpuan informan adalah rasuah. Rasuah inilah yang menjadi penyakit dan merebak sehinggakan pilihan raya yang dijalankan dirasakan tidak adil, telus dan bersistematik oleh rakyat. Rasuah dan politik ibarat isi dengan kuku. Seakan-akan menjadi kelaziman dan trend apabila menyebut politik pasti dirantai dengan rasuah. Rasuah politik merangkumi pelbagai aktiviti yang bercanggah dengan integriti politik, seperti memberi atau menerima suapan, mengguna pakai dana kempen secara tidak sah, atau memanipulasi proses pilihan raya untuk kepentingan politik peribadi atau parti sehingga merosakkan demokrasi, kepercayaan awam, dan proses politik yang adil (Othman, Shafie & Abdul Hamid, 2014).

Selain itu, kebanyakan pemimpin dan ahli-ahli politik juga menceburi politik bukan niat untuk memperjuangkan nasib rakyat, tetapi politik dilihat sebagai satu platform yang dapat mendatangkan keuntungan dengan mudah dan salah satu kaedah untuk mudah dikenali. Setiap kali menjelang pilihan raya, kekayaan negara diagih kepada kelompok tertentu dengan alasan mereka menjaga kepentingan sesuatu kaum. Kesannya, wujudlah amalan kronisme, nepotisme dan politik wang yang menjadi

budaya di Malaysia. Antara pendapat informan terhadap rasuah dalam sistem pilihan raya di Malaysia adalah seperti berikut:

“Tanpa rasuah sudah tentu pilihan raya adalah lebih adil, telus dan bersistematik”.

(Rosli bin Mustapha, 3 Januari 2023)

“... bagi saya SPR tidak begitu telus dalam menjalankan pilihan raya di Malaysia. Ini kerana dalam pihak SPR sendiri masih berlakunya rasuah walaupun secara tidak terang-terangan. Dan masih terdapat staf SPR yang pro pada parti-parti tertentu. Ini menyebabkan rakyat merasakan ia tidak adil dan telus dalam melaksanakan pilihan raya”.

(Mohd Sanusi bin Rejab, 4 Januari 2023)

“... setiap kali mengundi dapat dilihat parti-parti tertentu mengamalkan politik wang seperti memberi wang untuk mereka yang balik mengundi. Ini pun salah satu rasuah”.

(Yahya Mohd bin Saidon, 29 Disember 2022)

“... parti kerajaan banyak menggunakan duit negara untuk berkempen. Sedangkan duit tu milik rakyat. Disinilah ketidakadilan yang berlaku. Ditambah pula dengan duit tersebut digunakan untuk umpan pengundi”.

(Rosli bin Mustapha, 3 Januari 2023)

(Mohd Sanusi bin Rejab, 4 Januari 2023)

“... bagi saya pilihan raya di Malaysia sudah sebatikan dengan politik wang. Sebaik manapun sistem yang digunakan oleh SPR, jika politik wang masih berleluasa, rakyat pasti akan merasakan pilihan raya tersebut sebagai pilihan raya yang tidak adil dan telus”.

(Zainon bin Ahmad Senu, 30 Disember 2022)

“... politik wang perlu dihentikan. Ini punca berlaku rasuah. Punca kepada rakyat melihat SPR sebagai agensi yang tidak telus dalam melaksanakan pilihan raya”.

(Md Desa bin Awang Kechik, 24 Disember 2022)

(Nor Ain binti Mahalluddin, 27 Disember 2022)

Oleh hal yang demikian, SPR menggunakan undang-undang, menetapkan proses pilihan raya, dan memperoleh bajet pelaksanaan dari Kementerian Kewangan sebagai strategi bagi memastikan sistem pilihan raya yang lebih adil, telus, dan sistematik. Ketiga-tiga strategi ini didapati antara strategi utama SPR sebagai badan yang bertanggungjawab menguruskan pilihan raya di negara ini. Hal ini selari dengan kajian lepas oleh Amin (2020) yang menyatakan bahawa SPR mengguna pakai undang-undang dan peraturan untuk menetapkan elemen-elemen penting yang perlu diikuti dalam menjalankan pilihan raya dapat membantu dalam mencapai pilihanraya yang adil, bersih dan sistematik.

4.4 Objektif III: Cadangan Penambahbaikan bagi Mencapai Pilihan Raya yang Lebih Adil, Telus dan Sistematik

Hasil temu bual mendapati pelbagai cadangan dan idea yang diketengahkan agar SPR dapat melaksanakan pilihan raya dengan lebih adil, telus, dan bersistematik. Antara pendapat informan adalah:

“... Malaysia dah lalui lebih sepuluh kali pilihan raya, jadi SPR sepatutnya dapat memperbaiki setiap kelemahan dari pilihan raya yang lalu untuk pilihan raya yang akan datang. Post motem perlu dijalankan segera selepas selesai pilihan raya dan diperbaiki segala kelemahan dalam tempoh empat tahun, bukannya selepas Parlimen atau DUN dibubarkan baru nk buat post-mortem”.

(Nor Erza Binti Shafei, 31 Disember 2022)

“... SPR perlu beri tumpuan kepada pengundi pos. Saya cadangkan undi pos dapat dijalankan secara atas talian atau online”.

(Dermawan bin Lukman, 3 Januari 2023)

“... Untuk penambahbaikan saya rasa, SPR perlu buat kajian yang menyeluruh, bukan hanya sekadar merombak pentadbiran dalam SPR, pendapat pengundi juga perlu diambilkira”.

*(Rosli bin Mustapha, 3 Januari 2023)
(Md Desa bin Awang Kechik, 24 Disember 2022)*

“... SPR perlu tingkatan ketelusan dalam proses pilihan raya”.
(Mohd Sanusi bin Rejab, 4 Januari 2023)

“... pelbagai kaedah telah difikirkan oleh SPR dalam memperbaiki kelemahan yang ada. Kajian terperinci juga sedang dan akan dijalankan bagi mengenalpasti punca-punca berlakunya isu atau masalah-masalah sewaktu pilihan raya diadakan”.

*(Suziana Syaza binti Harun, 7 Januari 2023)
(Mohd Zaifil Iqmal bin Omar Din, 7 Januari 2023)*

“... saya cuma nak cadangkan SPR pertimbangkan undi online untuk pengundi pos dalam dan luar negara. Kalau online undi mungkin akan lebih telus”.

(Rozaidi bin Zanon, 26 Disember 2022)

“... Apa yang SPR perlu bagi tumpuan untuk penambahbaikan adalah dari segi ketelusan, dari segi adil dan sistematik rasanya dah ok bagi pengundi biasa.

*(Yahya Mohd bin Saidon, 29 Disember 2022)
(Zainon bin Ahmad Senu, 30 Disember 2022)
(Nor Ain binti Mahalluddin, 27 Disember 2022)*

“... bagi pengundi di luar negara, SPR perlu jalankan kajian semula kerana kebanyakan yang bermastautin di luar negara tidak

berkhidmat dengan kerajaan Malaysia. Mereka tidak membayar cukai dan tidak menyumbang kepada ekonomi Malaysia umumnya. Jadi saya cadangkan hanya mereka yang berkhidmat dengan kerajaan sahaja diberi kuasa untuk mengundi”.

(Halimatun Munawarah binti Tasu, 28 Disember 2022)

“... sebagai seorang pelajar yang menuntut di luar negara, saya amat berharap agar pihak SPR dapat menanggung kos perbelanjaan untuk pilihan raya bagi pelajar di luar negara. Untuk solusi, undi online lebih relevan dalam hal ini.

(Mohd Nizar bin Yusof, 2 Januari 2023)

Dapatan temu bual jelas menunjukkan bahawa SPR perlu menambahbaik proses pilihan raya yang akan datang. Pelbagai pendapat telah diutarakan bagi SPR dalam meningkatkan keadilan, ketelusan dan pilihan raya yang lebih bersistematik. Informan juga berpendapat penambahbaikan perlu dilihat dari pelbagai aspek dan menyeluruh. Dapatan ini jelas menyokong Teori atau Model yang telah dipilih iaitu Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB. Ini kerana model ini dapat menerangkan keperluan yang komprehensif dan lengkap dalam meningkatkan ketelusan, keadilan dan sistematik dalam proses tadbir urus sesebuah pilihan raya.

Umumnya, hasil temu bual jelas memacu kajian ini agar memberi tumpuan kepada badan pelaksana atau pihak-pihak berkepentingan dalam sama-sama mewujudkan pilihan raya yang lebih adil, telus dan bersistematik. Kerjasama antara SPR, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan sebagainya diperlukan dalam membentuk polisi dan dasar yang berkualiti dan terbaik.

4.5 Rumusan Bab

Pilihan raya merupakan satu komponen yang penting dalam demokrasi. Rakyat dapat memilih wakil rakyat yang mewakili mereka dalam sistem perundangan ataupun kerajaan yang mentadbir sesebuah negara melalui cara pengundian dalam pilihan raya. Negara Malaysia mengamalkan sistem Westminster, iaitu sejenis sistem politik berparlimen yang bermodelkan apa yang dibangunkan di negara Britain (Nadjib, 2020). Di bawah sistem ini, pada kebiasaannya, sistem eksekutif (kerajaan yang memerintah) yang dibentuk oleh ahli-ahli parlimen daripada parti atau gabungan parti yang memenangi kerusi terbanyak dalam Dewan Rakyat; wujudnya jawatan Ketua Pembangkang dalam parlimen; ahli-ahli parlimen dipilih melalui sistem “undian pemenang undi terbanyak” (*first-past-the-post*) mengikut kawasan pengundian (Saha & Print, 2020; Weiss, 2016).

Sistem pilihan raya di negara kita mempunyai banyak masalah. Selain wujudnya penyelewengan dalam proses pilihan raya (seperti pengundi hantu, politik wang, penyalahgunaan jentera kerajaan, akses media yang tidak adil dan sebagainya), rekaan sistem pilihan raya itu sendiri mempunyai pelbagai kelemahan sehingga perwakilan dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri tidak mencerminkan pengagihan undian ataupun pilihan rakyat yang sebenar.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

5.0 Pengenalan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan dengan lebih terperinci dapatan kajian bagi objektif-objektif yang telah ditetapkan iaitu melihat kepada kaedah semasa yang digunakan oleh SPR dalam menguruskan pilihan raya, meneliti strategi yang digunakan SPR bagi memastikan sistem pilihan raya bersistematik, bersih, dan adil dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh dicadangkan kepada SPR bagi mencapai pilihan raya bersistematik, bersih, dan adil.

5.1 Perbincangan

Umumnya dapat dilihat bahawa proses pilihan raya sepertimana yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah hampir sama bagi setiap pilihan raya yang dijalankan. Iaitu sejak bermulanya pilihan raya pertama di Malaysia atau Tanah Melayu pada tahun 1955 yang menggunakan sistem yang terdapat dalam Suruhanjaya Reid. Walau bagaimanapun, bagi aspek adil, telus, dan sistematik, SPR dilihat masih mempunyai kelemahan dalam menguruskan pilihan raya. Secara logiknya, ini adalah mustahil kerana SPR telah melaksanakan tanggungjawab berkaitan pilihan raya sejak tahun 1955 atau melebihi 60 tahun.

Seterusnya, aspek adil, telus, dan sistematik bagi kajian ni didapati dipengaruhi oleh isu rasuah atau amalan politik wang. Rasuah merupakan suatu gejala sosial yang diwarisi hampir dalam setiap masyarakat sejak daripada mula peradaban. Ia merupakan suatu amalan yang universal tanpa batasan sempadan, negara, bangsa, kaum atau adat. Antara punca-punca kenapa amalan rasuah boleh berlaku adalah disebabkan sifat tamak haloba, integriti rendah, kelemahan tadbir urus, kelemahan dalam penguatkuasaan dan tarikan untuk mencapai kekayaan dan kesenangan dengan cepat dan mudah melalui jawatan dan kuasa yang dimiliki.


Kini rasuah dan politik ibarat isi dengan kuku. Seakan-akan menjadi kelaziman dan trend terutamanya menjelang pilihan raya. Walhal sebelum era kemerdekaan wujud tanpa anasir-anasir negatif seperti rasuah. Kajian-demi kajian dijalankan bagi mencari jawapan kepada persoalan bagaimanakah rasuah bermula? Di manakah akar umbinya? Apakah punca, kesan dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya? Kajian oleh Jamaie (2004) tentang penglibatan sebuah parti politik. Penemuan dari hasil kajian menjurus kepada penglibatan parti-parti dan pemimpin-pemimpin politik dalam bidang perniagaan. Kesannya, gejala atau lebih tepat lagi virus rasuah ini sukar ditangani dan dibanteras sekiranya penglibatan mereka ini masih berterusan.

5.2 Cadangan

Seperti mana yang telah dibincangkan, Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB adalah model yang digunakan sebagai panduan kepada kajian ini. Malah model ini juga digunakan untuk membentuk objektif bagi kajian ini. Berdasarkan dapatan, jelas menunjukkan bahawa bagi memastikan proses pilihan raya di Malaysia agar lebih adil,

telus, dan bersistematik, kesemua elemen perlu dipertimbangkan oleh SPR. Elemen-elemen tersebut adalah keadilan, ketelusan, efisien dan sistematik.

Bagi menghadapi cabaran ini, SPR tidak boleh melaksanakannya bersendirian. Kolaborasi dengan agensi lain adalah perlu dalam menyampaikan pilihan raya yang terbaik buat rakyat Malaysia.



Rajah 5.1 Cadangan Kajian

Sumber: Diubahsuai daripada Mozaffar & Schedler (2002); Kelley (2012)

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang berasaskan kepada Sistem Raja Berperlembagaan di mana Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong merupakan Ketua Negara. Di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen, Pentadbiran Negara Malaysia terbahagi kepada tiga (3) cabang utama iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif.

Manakala sistem pengundian yang diamalkan dalam pilihan raya di negara kita pula dari dahulu hingga sekarang, adalah sistem “undian pemenang undi terbanyak” (*first-*

past-the-post (FPTP). Sistem FPTP merupakan salah satu jenis sistem pengundian majoritarian, iaitu mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak dalam sesuatu kawasan pilihan raya akan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan berkenaan (Siddiquee & Zafarullah, 2020)

Oleh kerana kajian ini memberi tumpuan kepada sistem pilihan raya, maka cadangan adalah lebih tertumpu kepada sistem FPTP. Sistem “undi pemenang undi terbanyak” mempunyai pelbagai kelemahan dan masalah, antaranya:

a) Pengagihan perwakilan dalam Parlimen tidak mencerminkan pecahan jumlah undi yang diperoleh

Misalnya, dalam PRU13 pada tahun 2013, Barisan Nasional (BN) hanya memperoleh 47.38 peratus daripada jumlah undi di seluruh negara, tetapi ia memenangi sebanyak 59.91 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat; sedangkan Pakatan Rakyat yang memperoleh sebanyak 50.87 peratus undi pada masa itu hanya mendapat 40.09 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat. Amat jelas sekali, pengagihan kerusi dalam Parlimen tidak selaras dengan taburan undi yang diperoleh parti-parti yang bertanding. Dalam PRU14 pula, jumlah peratusan undi yang diperoleh Pakatan Harapan adalah 47.92 peratus, tetapi memenangi sebanyak 54.5 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat; manakala Parti PAS yang mendapat 16.99 peratus daripada undi keseluruhan hanya memperoleh 8.1 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat.

b) Pembaziran Undi

Dengan mengambil contoh keputusan PRU-13, Pakatan Rakyat menang 40.09 peratus kerusi dalam Dewan Rakyat dengan perolehan undi popular sebanyak

50.87 peratus. Ini bermakna bahawa lebih 10.0 peratus undi (bersamaan dengan 1.1 juta undi) telah dibazirkan. Jika kita ambil contoh senario yang boleh wujud di sesuatu kawasan pilihan raya: katakan dalam satu kawasan pilihan raya dipertandingkan oleh 2 orang calon (calon A dan B), daripada jumlah undi yang dibuang dalam peti undi, calon A mendapat sebanyak 51.0 peratus undi, manakala calon B mendapat 49.0 peratus undi, maka calon A akan menang kerusi yang mewakili sepenuhnya kawasan pilihan raya tersebut. Ini bermakna pilihan hampir separuh daripada pengundi di kawasan tersebut, iaitu 49.0 peratus pengundi yang mengundi untuk calon B, tidak ditunjukkan dalam parlimen. Ambil satu lagi contoh, katakan adanya 3 orang calon dalam suatu kawasan pilihan raya (calon A, B dan C), calon A mendapat 34.0 peratus undi, calon B mendapat 33.0 peratus undi dan calon C mendapat 33.0 peratus undi, maka calon A muncul sebagai pemenang dan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan pilihan raya tersebut, walaupun dia hanya memperoleh sokongan lebih sedikit daripada $\frac{1}{3}$ jumlah pengundi yang keluar mengundi. 66.0 peratus undi “dibazirkan” begitu sahaja dalam senario ini.

c) Mendorong pengundian secara taktikal yang tidak sihat untuk demokrasi

Dalam pertandingan pelbagai penjur, biasanya calon yang merupakan penyandang jawatan ataupun daripada parti yang lebih besar akan mempunyai kelebihan berbanding calon-calon yang lain. Oleh sebabnya wujud masalah berkemungkinan besar undi dibazirkan, maka akan mendorong pengundi untuk mengundi secara taktikal semasa pilihan raya, dan terpaksa mengundi calon yang bukan pilihannya. Pengundian secara taktikal bermakna dalam situasi pertandingan pelbagai penjur (melebihi 2 orang calon), pengundi akan

membuat pertimbangan untuk mengundi calon yang mempunyai peluang yang lebih besar untuk menang, walaupun calon yang berpeluang besar untuk menang itu bukan pilihannya. Undi kepada mana-mana calon yang dianggap tidak berpeluang menang berkemungkinan akan “dibazirkan” ataupun tidak mendatangkan kesan kepada keputusan akhirnya.

Situasi memaksa pengundi untuk mengundi secara taktikal antara dua orang calon yang paling berkemungkinan untuk menang di bawah sistem FPTP, biasanya akan meminggirkan pandangan politik yang tidak tergolong dalam parti politik aliran utama. Pandangan yang berbeza daripada parti politik aliran utama akan dipinggirkan, dan suara pengundi yang menyokong pandangan politik sebegini juga tidak dapat didengar dalam Parlimen akibat daripada pengundian secara taktikal. Pengundian secara taktikal akan menafikan kewujudan kepelbagaian pandangan politik dalam Parlimen, sedangkan masyarakat kita pada hakikatnya wujud kepelbagaian dalam banyak aspek. Pengundian secara taktikal yang menyekat kepelbagaian politik ini tidak sihat untuk perkembangan sistem demokrasi di negara kita.

d) “*Gerrymandering*”

Satu lagi masalah serius dengan sistem pilihan raya di negara kita yang mengamalkan FPTP adalah kecenderungan untuk parti pemerintah menggunakan kaedah “*gerrymandering*” bagi menambahkan peluangnya untuk menang lebih kerusi. Ini dilakukan setiap kali diadakan persempadanan semula, di mana sempadan kawasan pilihan raya dialihkan supaya boleh memasukkan penyokong parti pemerintah yang berlebihan di sesuatu kawasan

pilihan raya ke dalam kawasan pilihan raya yang berjiranan. “*Gerrymandering*” juga dilakukan untuk mewujudkan lebih kawasan yang boleh dimenangi oleh parti pemerintah, sehingga menambahkan lagi majoriti kerusi parti pemerintah dalam Parlimen.

“*Gerrymandering*” akan menimbulkan keadaan taburan bilangan pengundi yang tidak samarata, di mana akan wujudnya perbezaan bilangan pengundi yang ketara antara kawasan pilihan raya.

Antara kawasan Parlimen di negara kita, ambil contoh Bangi (P102) dan Putrajaya (P125). Kawasan Parlimen Bangi mempunyai jumlah pengundi sebanyak 178,790 orang; manakala kawasan Parlimen Putrajaya hanya mempunyai jumlah pengundi sebanyak 27,306 orang. Perbezaan pengundi di dua kawasan parlimen ini adalah sebanyak 151,484, lebih 5 kali ganda daripada jumlah pengundi di Putrajaya. Kawasan Parlimen Bangi mempunyai 6.5 kali ganda pengundi berbanding Putrajaya. Dalam erti kata lain, satu undi untuk seorang pengundi di Putrajaya mempunyai pemberat yang sama dengan undi daripada 6.5 orang pengundi di Bangi. Ini telah melanggar sepenuhnya prinsip “satu orang, satu undi”.

Selain itu, cadangan lain adalah memperkasakan agensi berkaitan rasuah. Perubahan ke atas sistem perundangan merupakan salah satu kaedah yang boleh dipraktiskan bagi memperbaiki pengurusan dan pentadbiran SPR. Kerjasama dari pelbagai institusi perkhidmatan kerajaan yang lain boleh membantu kesinambungan pengurusan yang telus dari pelbagai peringkat. Lontaran cadangan ke arah membuat penambahbaikan

adalah salah satu ciri pendekatan analisa polisi dan pengurusan. Oleh itu cadangan kepada SPR adalah seperti berikut:

- a) Selain bekerjasama dengan SPRM, SPR juga perlu bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengemaskini senarai penduduk di setiap kawasan pilihan raya dengan melakukan kemaskini berkala bagi meminimalkan masalah pengundi yang telah meninggal dunia dan memastikan nombor pengenalan si mati dihapuskan dan direkodkan.
- b) SPR perlu bekerjasama dengan Jabatan Perumahan, dan Pejabat Daerah Negeri untuk memastikan kedua-dua Jabatan ini mengenalpasti nama tempat, nama jalan dan nombor rumah yang didiami bagi kawasan luar bandar atau setinggan supaya masalah pendaftaran pemilih secara beramai-ramai dengan menggunakan satu alamat dapat diatasi
- c) Isu penyamaran *gerrymandering* boleh diperbaiki jika SPR membuat cadangan kepada Parlimen bagi memperincikan persempadanan semula berdasarkan populasi penduduk untuk satu perwakilan. Sebagai contoh, kuota penduduk 15,000:1 perwakilan adalah lebih praktikal untuk mengelak isu bipartisan, perkauman dan ketidaktelusan dalam pengurusan pilihan raya. Kecuali pada PRU 2008, Parlimen Malaysia seringkali dikuasai oleh sebuah parti yang dominan. Bagi mengelakkan berlaku konflik dan ketidakpuashatian maka, imbalan kuasa yang lebih adil seharusnya diberikan kepada mereka bagi membolehkan semakan dilakukan, umpamanya dengan memberikan hak kepada kuasa veto. Ini membolehkan proses perasempadanan semula yang dianjurkan oleh SPR lebih diterima umum sekaligus mampu mengurangkan polemik politik.

- d) Selain itu, SPR juga perlu bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mengatasi masalah undi pos. Tumpuan perlu diberikan kepada Pengundi Tidak Hadir (PTH) yang berada di luar negara, terutamanya pelajar. Undi *online* diperlukan oleh mereka kerana rata-rata pelajar tidak mampu untuk menanggung kos pos. Ini termasuklah undi pos bagi mereka yang berkhidmat seperti polis, tentera dan sebagainya.
- e) Masalah pengaruh *political master* boleh di kurangkan jika pengaruh Eksekutif dapat dihadkan melalui doktrin *separation of powers* yang telus dan berintegriti. Umpamanya, kepimpinan pengurusan SPR mungkin dilihat umum sebagai lebih telus jika mereka dilantik dikalangan hakim dan sarjana yang diketahui umum sebagai berintegriti dan kredibel. Apapun perantikan mereka juga mestilah mendapat persetujuan oleh kesemua parti-parti yang mempunyai tempat di parlimen. Cara ini telah diterima baik oleh masyarakat politik dan sivil di Mexico pada 1990 dan telah menyumbang kepada kestabilan politik di negara tersebut sehingga kini.

5.3 Limitasi Kajian

Ringkasnya, dalam memastikan proses pilihan raya di Malaysia lebih adil, telus, dan sistematik, pelbagai faktor perlu dibincangkan dan diberi perhatian. Kajian ini hanya melibatkan pendekatan kualitatif iaitu melalui temu bual. Oleh itu, bagi mengkaji dengan lebih mendalam, kajian akan datang akan cuba mengaplikasikan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik. Di mana lebih ramai responden dapat memberi maklum balas (*feedback*) terutamanya bagi pengundi berumur 18 tahun.

5.4 Rumusan

Secara kesimpulannya, objektif kajian ini adalah melihat kepada kaedah yang digunakan dalam sistem pilihan raya di Malaysia, strategi yang digunakan oleh SPR dan cadangan penambahbaikan bagi mencapai pilihan raya yang lebih adil, telus dan sistematik. Oleh itu, Model Cabaran Tadbir Urus Pilihan Raya EMB telah digunakan sebagai panduan kepada kajian ini dan kesemua elemen yang perlu dipertimbangkan oleh SPR adalah keadilan, ketelusan, efisien dan sistematik.

Hasil dapatan analisis daripada menemubual 13 informan yang terlibat mendapati kaedah yang digunakan dalam PRU14 adalah berdasarkan sistem yang terdapat dalam Suruhanjaya Reid dan tidak berlaku perubahan yang ketara jika dibandingkan dengan PRU yang sebelumnya. Antara isu-isu yang diketengahkan ialah isu rasuah, politik wang, memperkasakan peranan SPR dan ketidaktelusan dalam pengendalian undi pos. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan seperti membuat pindaan untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya supaya lebih sistematik, telus, dan bersih. Justeru, adalah penting untuk memantau dan mengawal politik wang dengan ketat termasuk menetapkan had sumbangan, mendedahkan sumber sumbangan, dan memastikan pematuhan undang-undang yang berkaitan. Transparansi dan akauntabiliti dalam pembiayaan politik adalah penting untuk memastikan bahawa proses pilihan raya adalah adil dan bebas daripada pengaruh yang tidak sepatutnya.

Pindaan kepada Perlembagaan Malaysia (Persekutuan Malaysia) untuk memperkuat peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bukanlah sesuatu yang baru, perkara ini sering dibincangkan dan kadang-kadang menjadi isu penting dalam sistem demokrasi Malaysia. Ini kerana SPR memainkan peranan yang penting dalam

melaksanakan pilihan raya dan memastikan proses pilihan raya berjalan dengan adil dan telus. Walau bagaimanapun, pindaan kepada Perlembagaan adalah proses yang rumit dan memerlukan sokongan yang luas daripada pelbagai pihak, termasuk ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Walaupun SPR terlibat secara langsung dalam pentadbiran pilihan raya, stigma negatif terhadapnya tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa SPR telah menunjukkan komitmen dalam melaksanakan reformasi dalam struktur dan tindakan mereka untuk memastikan pilihan raya di Malaysia dijalankan secara bersih, adil, dan sistematik. Hal ini kerana pilihan raya yang telus adalah salah satu elemen utama dalam sistem demokrasi yang berfungsi. Ia membolehkan rakyat untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran negara mereka dan memberikan sokongan kepada wakil-wakil yang mewakili kepentingan mereka. Dengan itu, ia merupakan salah satu asas utama dalam mewujudkan masyarakat yang adil, demokratik, dan berdaya maju.

RUJUKAN

- Abdullah, F., Mohd Nasir, O. & Idris, Z. (2015). Pemikiran politik dan kenegaraan. *International Journal of Islamic Thought*, 7, 1-10.
- Abdullah, N. R. W. (2008). Eradicating corruption: The Malaysian experience. *Journal of Administration and Governance*, 3(1), 42-53.
- Abdullah, N. R. W. (2018). Eradicating corruption: the Malaysian experience. *Journal of Administration and Governance*, 3(1), 42-53.
- Adak, M. (2015). Technological progress, innovation and economic growth: The case of Turkey. *Procedia–Social and Behavioral Sciences*, 195, 776–782.
- Ades, A., & Di Tella, R. (2019), Rents, competition and corruption. *American Economic Review*, 89(4), 982-992.
- Agbibo, E. D. (2012). Between corruption and development: The political economy of state robbery in Nigeria. *Journal of Business Ethics*, 108, 325–345.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behaviour. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Akamere, F. (2001). *Government made easy*. Lagos: Olu Abbey Modern Press.
- Alan, A. A., & Hageman, M. A. (2013). The impact of corruption on firm tax compliance in transition economies: Whom do you trust? *Journal of Business Ethics*, 116, 479–494.
- Amanullah, M., & Eatzaz, E. (2017), Corruption and income inequality: A panel data analysis. *The Pakistan Development Review*, 46(4), 751-764.
- Amin, M. N. M. (2020). Suruhanjaya pilihanraya dalam sistem pilihan raya Malaysia yang lebih adil, bersih, dan sistematik: strategi dan penyelesaian. *Ijazah Sarjana Muda, Open University Malaysia*.
- Ata, Y. A., & Arvas, A. M. (2011). Determinants of economic corruption: A cross-country data analysis. *International Journal of Business and Social Science*, 2(13), 161-169.
- Ationg, R., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., & Layapan, M. (2020). Analisis pola pengundian dan senario politik semasa di Malaysia era pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60-71.
- Ayub, Z. A., Mohamed Yusoff, Z., & Yeon, A. L. (2017). Relevance of the current electoral system in Malaysia: Time for change?. *International Journal of Arts & Science*, 9(4), 83-90.

- Bakar, N. B. A., Saleh, Z., & Mohamad, M. H. S. (2011). Enhancing Malaysian public sector transparency and accountability: Lessons and Issues. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences*, 31, 133-145.
- Bakar, N. B. A., Saleh, Z., & Mohamad, M. H. S. (2021). Enhancing Malaysian public sector transparency and accountability: Lessons and issues. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences*, 31, 133-145.
- Bell, A. (2003). The election: A dog breakfast. *British Journalism Review*, 16(2). doi: 10.1177/09564748050562.
- Bello, A. A. (2011). *Election stakeholder forum for free, fair & transparent elections in Nigeria*. Bauchi: Federal Secretariat Bauchi.
- Bennett, K. & Elman, G. (2006). The role of case study research in political science: Evidence for causal claims. *Philosophy of Science*, 79(5). doi: 10.1086/667869.
- Berger, T., & Luckmann, L. P. (2016). *The social construction of reality: A treatise in the sociology of knowledge*. New York: Anchor Books.
- BERNAMA. (2018). PRU14: Hari mengundi 9 mei, penamaan calon 28 april. BERNAMA. <http://pru14.bernama.com/newsbm.php?id=1452877>
- Bernardi, L., Sandri, G. & Seddone, A. (2016). Challenges of political participation and intra-party democracy: Bittersweet symphony from party membership and primary elections in Italy. *International Journal of Political Science*, 14(52), 1741-1416.
- Besar, J. A., Jali, M. F., Lyndon, N., & Daud, S. (2017). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 78 - 89.
- Beugre', C. D. (2020). Resistance to socialization into organizational corruption: A model of deontic justice. *Journal of Business Psychology*, 25, 533–541.
- Birch, S. (2008). Electoral institutions and popular confidence in electoral processes: A cross-national analysis. *Electoral Studies*, 27(1), 305-320.
- Bjornlund, E., & Bjornlund, E. (2004). *Beyond free and fair: Monitoring elections and building democracy*. Washington: Woodrow Wilson Center Press.
- Bjornskov (2010). How does social trust lead to better governance? An attempt to separate electoral and bureaucratic mechanisms. *Public Choice*, 144, 323-346.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods* (5th ed.). Boston: Pearson.
- Bosco, B. (2016). Old and new factors affecting corruption in Europe: Evidence from panel data. *Economic Analysis and Policy*, 51, 66–85.

- Bothamley, D. (2004). Ethiopian local elections: The return of electoral authoritarianism. *African Affairs*, 108(430), 111–120.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Braun, M., & Di Tella, R. (2014). Inflation, inflation variability and corruption. *Economics and Politics*, 16, 77-100.
- Broadman, H., & Recanatini, F. (2022). Corruption and policy: Back to the roots. *Journal of Economic Policy Reform*, 5(1), 37-49.
- Budiman, A., Roan, A., & Callan, J. (2013). Rationalizing ideologies, social identities and corruption among civil servants in Indonesia during the Suharto era. *Journal of Business Ethics*, 116, 139–149.
- Caelli, K., Ray, L., & Mand Mill, J. (2013). Clear as mud: Toward greater clarity in generic qualitative research. *Qualitative Method*, 2(2), 1-24.
- Campante, F.R., Chor, D., & Do, Q.A. (2019). Instability and the incentives for corruption. *Economics and Politics*, 21(1), 42-92.
- Campbell, A., Converse, P., Miller, W. & Stokes, D. (1960). *The American voter*. Chicago: University of Chicago Press.
- Case, W. (2015). How's my driving? Abdullah's first year as Malaysian PM. *The Pacific Review*, 18(2), 137–157.
- Case, W. (2017). Stress testing leadership in Malaysia: The 1MDB scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review*, 30(5), 633–654.
- Case, W. (2017). Stress testing leadership in Malaysia: The 1MDB scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review*, 30(5), 633–654.
- Case, W. (2019). Electoral authoritarianism in Malaysia: Trajectory shift. *The Pacific Review*, 22(3), 311–333.
- Chan Tsu Chong. (2018). Democratic breakthrough in Malaysia – Political opportunities and the role of Bersih. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37(3), 109-137.
- Chand, V. K. (1997). Democratisation from the outside in: NGO and international efforts to promote open elections. *Third World Quarterly*, 18(3), 543-561.
- Chandler, D. J., & Graham, L. J. (2010). Relationship-oriented cultures, corruption, and international marketing success. *Journal of Business Ethics*, 92, 251–267.
- Choe, J. & Darnolf, H. (2000). Discomfiture of democracy? The 2005 election crisis in Ethiopia and its aftermath. *African Affairs*, 105(419), 173–199.

- Choe, Y., & Darnolf, S. (2000). *Free and fair elections: What do we mean and how can we measure them?* Oslo: Norwegian Institute of Human Rights.
- Choi, J. (2009). Strategic voting in India: Its extent and determinants in the 2004 general election. *Asian Survey*, 49(4), 609-624.
- Chung, N. (2022). *Politik wang antara punca Pejuang kalah di Johor*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/04/01/politik-wang-antara-punca-pejuang-kalah-di-johor-kata-dr-m/>.
- Clarke & Harold, D. (2004). *Political choice in Britain*. New York: Oxford University Press.
- Creswell, G. (1998). *Regression diagnostics*. Newbury Park: Sage.
- Creswell, J. W. (2013). Steps in conducting a scholarly mixed methods study.
- Creswell, W.J. (2017). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches*. Thousand Oaks, California: Sage.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. New York: Cornell University Press.
- D'Agostino, G., Dunne, J. P., & Pieroni, L. (2022). Corruption, military spending and growth. *Defence and Peace Economics*, 23(6), 591–604.
- Dettman, S. (2019). Political financing reform: Politics, policies and patronage in Malaysia. *Jurnal of Contemporary Asia*, 50(1), 36-55.
- Democracy Reporting International. (2012). Democracy Reporting International. Berlin: Democracy Reporting International. Dicapai pada Jun 11, 2021, daripada http://democracy-reporting.org/wpcontent/uploads/2016/03/130712_report_web_1.pdf.
- Dialograkyat. (2010). "You help me, I help you", SPRM siasat Najib. Dicapai pada November 14, 2021, daripada dialograkyat: <https://dialograkyat.blogspot.com/2010/05/you-help-me-i-help-you-sprmsiasat.htm>.
- Dinwoodie, G. B. (2021). International intellectual property litigation: A vehicle for resurgent comparativist thought? *The American Journal of Comparative Law*, 49(3), 429–453.
- Donleavy, G. D., Lam, K. J., & Ho, S. S. M. (2018). Does east meet west in business ethics: An introduction to the special issue. *Journal of Business Ethics*, 79, 1–8.
- Douglas, R. (2004). *Identification of multidimensional spatial voting models*. California: Stanford University Press.
- Downs, A. (1957). *An economy theory of democracy*. New York: Harper & Row.

- Elklit, J. & Reynolds, A. (2002). The impact of election administration on the legitimacy of emerging democracies: A new comparative politics research agenda. *Commonwealth & Comparative Politics*, 40(2), 86-119.
- Ensiklopedia PRU. (2008). *Baca ensiklopedia juga satu pelaburan*. Dicapai pada Disember 10, 2022 daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/2022/06/baca-ensiklopedia-juga-satu-pelaburan/>.
- Fann, T. (2019). Malaysia Begins Rectifying Major Flaws in its Election System. *Yusof Ishak Institute Analyse Current Events*, 2019(55), 1-10.
- Fayyad Jaafar. (2022). *Bersih: 71 cases of misconduct, irregularities in Johor polls*. Dicapai pada Januari 6, 2023 daripada <https://themalaysianreserve.com/2022/03/31/bersih-71-cases-of-misconduct-irregularities-in-johor-polls/amp/>.
- Fidelis, M. A. (2015). The role of civil society organizations (CSOs) in the Nigerian democratization process, 1999-2015. *International Journal Research in Arts & Social Sciences*, 8(2), 334-347.
